

Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia

Peranan Metakognisi dalam Proses Penyelesaian Masalah Sistem Penyalaan Kenderaan Automotif di Kalangan Pelajar Kolej Vokasional

Voon Chi Chian

Doktor Falsafah
2025

Peranan Metakognisi dalam Proses Penyelesaian Masalah Sistem Penyalaan Kenderaan Automotif di Kalangan Pelajar Kolej Vokasional

Voon Chi Chian

Thesis ini dikemukakan


Bagi memenuhi keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah

(Sains Pembelajaran)

Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK
2025

PERAKUAN

Saya mengaku bahawa kerja-kerja di dalam tesis ini telah diselaraskan dengan peraturan-peraturan Universiti Malaysia Sarawak, dan tesis ini adalah asli. Tesis ini tidak pernah diterima untuk sebarang ijazah dan tidak dikemukakan secara serentak bagi sebarang pencalonan ijazah lain.



.....

Tandatangan

Nama: Voon Chi Chian

No. Matrik: 15010059

Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia

Universiti Malaysia Sarawak

Taikh : 25 Jun 2025

PENGHARGAAN

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada penyelia utama saya, Profesor Madya Dr. Norehan Binti Zulkiply, Penyelia Bersama, Dr. Jamayah Binti Saili dan Dr. Tan Kock Wah yang sentiasa memberi sokongan, dorongan, nasihat, dan bimbingan dalam meneliti perkembangan dan kemajuan saya sepanjang tempoh kajian tanpa mengenal erti penat lelah. Sesi bimbingan dan komen-komen secara kritis dan membina yang diberikan amat berfaedah kepada saya dalam menjalankan kajian dan menyiapkan tesis ini.

Saya juga ingin merakamkan terima kasih kepada Dr. Philip Nuli Anding dan Encik Hafizan Bin Hashim atas nasihat dan dorongan semasa menyiapkan tesis ini. Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada para peserta kursus Teknologi Automotif yang sudi meluangkan masa untuk melibatkan diri dalam kajian ini. Ucapan ribuan terima kasih turut dirakamkan kepada tenaga pengajar dari Kolej Vokasional yang membantu saya dalam membuat intercoder.

Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua tenaga pengajar kolej vokasional di seluruh Sarawak mengenai aspek-aspek teknikal bagi mengendalikan pelaksanaan kerja amali dalam Sistem Penyalaan Kenderaan. Akhir sekali, saya ingin mendedikasikan tesis ini kepada ibu bapa dan adik-beradik saya yang menjadi sumber dorongan dan inspirasi sepanjang kajian ini.

ABSTRAK

Sistem Penyalaan Kenderaan adalah komponen penting bagi pelajar yang mengambil kursus Teknologi Automotif. Walaupun kajian terdahulu lebih memfokuskan kepada subjek berasaskan teori, kajian yang melibatkan subjek teknikal seperti ini adalah terhad. Objektif pertama kajian ini adalah untuk mengkaji proses metakognisi pelajar dalam menyelesaikan masalah berkaitan sistem penyalaan kenderaan. Objektif kedua adalah untuk memahami jenis- jenis metakognisi di kalangan pelajar. Objektif terakhir adalah untuk membentuk model metakognisi pelajar berhubung dengan sistem penyalaan kenderaan. Kajian ini menggunakan pendekatan penyelidikan kualitatif dengan reka bentuk kajian kes dan analisis tematik sebagai teknik pengkodan. Kaedah pengumpulan data melibatkan temu bual dan pemerhatian. Penemuan kajian menunjukkan satu tema utama, tiga subtema, dua belas kategori, empat belas subkategori, sebelas elemen, dan dua sub-elemen. Keputusan kajian menunjukkan bahawa penyelesaian masalah sistem penyalaan kenderaan memberi kesan positif kepada pencapaian akademik dan memberi impak kepada komuniti luar bandar. Walau bagaimanapun, hasil kajian ini tidak boleh digeneralisasikan disebabkan oleh penggunaan kaedah pensampelan bukan kebarangkalian. Penyelidikan lanjut disarankan untuk menggunakan pendekatan pensampelan kebarangkalian bagi menghasilkan generalisasi. Sumbangan kajian ini kepada bidang Teknologi Automotif berkaitan dengan teori rangkaian sosial, yang menunjukkan bahawa hubungan rapat dan nod individu dalam rangkaian memberi kesan positif terhadap pencapaian akademik, manakala hubungan lemah mempunyai kaitan negatif dengan pencapaian akademik. Implikasi kepada dasar pendidikan adalah bahawa hubungan dalam rangkaian sosial, termasuk antara ibu bapa, sekolah, dan rakan sebaya, boleh dimanfaatkan sepenuhnya untuk membantu pelajar meningkatkan pencapaian akademik mereka.

Kata kunci: Metakognisi pelajar, penyelesaian masalah, jenis-jenis metakognisi, Sistem Penyalaan Kenderaan Automotif, kajian kes.

The Role of Metacognition in the Process of Problem Solving of Automotive Vehicle Ignition System in Vocational College Students

ABSTRACT

The Vehicle Ignition System is a crucial component for students studying Automotive Technology. While previous research has primarily focused on theory-based subjects, studies involving technical subjects like this are limited. The first objective of this study is to explore the metacognitive processes students use when solving problems related to the vehicle ignition system. The second objective is to identify the types of metacognitions among students. The final aim is to develop a metacognitive model for students in relation to the vehicle ignition system. This study adopts a qualitative research approach, using a case study design and thematic analysis as the coding technique. Data collection methods included interviews and observations. The findings revealed one main theme, three subthemes, twelve categories, fourteen subcategories, eleven elements, and two sub-elements. The results indicate that troubleshooting the Vehicle Ignition System positively influences academic achievement and has a significant impact on rural communities. However, due to the use of non-probability sampling, the findings cannot be generalised. Future research is recommended to employ a probability sampling approach to facilitate generalisation. The contribution of this research to the field of Automotive Technology is linked to social network theory, which highlights the influence of strong ties and individual nodes within a network on academic success. Conversely, weak ties were found to have a negative relationship with academic achievement. Implications for educational policies suggest that leveraging connections within social networks, such as those between parents, schools, and peers, can be an effective strategy for enhancing students' academic performance

Keywords: Student metacognition, problem solving, types of metacognitions, Automotive Vehicle Ignition System, case study.

ISI KANDUNGAN

		Muka Surat
PERAKUAN		i
PENGHARGAAN		ii
ABSTRAK		iii
ABSTRACT		v
ISI KANDUNGAN		vii
SENARAI JADUAL		xiii
SENARAI RAJAH		xv
SENARAI SINGKATAN		xvi
BAB 1: PENGENALAN		1
1.0	Pengenalan	1
1.1	Latar Belakang Kajian	3
1.1.1	Pengetahuan	4
1.1.2	Kognisi	5
1.1.3	Metakognisi	6
1.1.3.1	Pengetahuan Metakognitif	7
1.1.3.2	Pengalaman Metakognitif	8
1.1.3.3	Strategi Metakognitif	9

1.2 Pernyataan Masalah 10

1.3 Objektif Kajian 12

1.4 Persoalan Kajian 13

1.5 Definisi Istilah 13

1.5.1 Proses Kognisi 13

1.5.2 Tahap Metakognisi 13

1.5.3 Jenis-Jenis Metakognisi 14

1.5.4 Model Metakognisi 14

1.5.5 Penyelesaian Masalah 15

1.5.6 Pembelajaran Kolaboratif 15

1.6 Signifikan Kajian 16

1.7 Skop dan Batasan Kajian 17

1.8 Rumusan 18

BAB 2 : TINJAUAN LITERATUR 19

2.0 Pengenalan 19

2.1 Model Metakognisi 19

2.1.1 Model Metakognisi Flavell (1979) 22

2.1.2 Model Metakognisi Ann Brown (1980) 24

2.2 Proses Kognisi 26

2.3 Dapatan kajian lepas tentang Metakognisi 27

2.4 Sistem Penyalaan Kenderaan Bermotor 28

2.5 Penyelesaian Masalah 31

2.5.1 Penyelesaian Masalah Sistem Penyalaan Kenderaan Bermotor 31

2.5.2 Penyelesaian Masalah Tugas Pembelajaran 31

2.5.3 Penyelesaian Masalah Capai Matlamat 36

2.6 Penyelesaian Masalah dalam Bidang TVET 37

2.6.1 Pembelajaran Praktikal TVET 38

2.6.2 Pembelajaran Berasaskan Kerja 40

2.6.3 Usaha-Usaha Menyelesaikan Masalah TVET 42

2.6.4 Memperkasakan Kemahiran Teknikal TVET 45

2.7 Pembelajaran Kolaboratif 46

2.7.1 Pembelajaran Berkumpulan 47

2.7.2 Kaedah Pembelajaran Kolaboratif 47

2.8 Teori Pembelajaran Konstruktivisme 50

2.8.1 Teori Pembelajaran Konstruktivisme Sosial 51

2.9 Rangka Kerja Konseptual Kajian 54

2.10 Rumusan 56

BAB 3 : METODOLOGI KAJIAN 58

3.0 Pengenalan 58

3.1 Reka Bentuk Kajian 58

3.2 Peserta Kajian 61

3.3 Bahan dan Instrumen Kajian 64

3.3.1 Penggunaan Alat Perakam 64

3.3.2 Gambar Foto 64

3.3.3 Rakaman Video 64

3.3.4 Data Melalui Temu Bual 65

3.3.5 Data Melalui Pemerhatian 66

3.4 Prosedur Kajian 67

3.5 Data Analisis 70

3.5.1 Pengekodan 70

3.5.2 Tahap Data Analisis Penyelidikan 73

3.5.3 Jenis-Jenis Tahap Analisis 73

3.5.4 Analisis Tematik 74

3.5.5 Memahami Jenis-Jenis Metakognisi 74

3.5.6 Ketepuan Data 75

3.5.7 Membentuk Model Metakognisi Semasa Penyelesaian Sistem Penyalaan Kenderaan 76

3.6 Kesahihan dan Kebolehpercayaan Data 76

3.7 Rumusan 78

BAB 4 : ANALISIS DATA DAN DAPATAN KAJIAN 80

4.0 Pengenalan 80

4.1 Dapatan Objektif Kajian 1 81

4.2 Dapatan Objektif Kajian 2 86

4.3 Dapatan Objektif Kajian 3 93

4.3.1 Membentuk model metakognisi pelajar 93

4.3.2 Model Metakognisi Pelajar Kurang Mahir 94

4.3.3 Model Metakognisi Pelajar Sederhana Mahir 95

4.3.4 Model Metakognisi Pelajar Sangat Mahir 96

4.4 Dapatan Kajian Kaedah Temu Bual 97

4.5 Dapatan Melalui Pemerhatian 143

4.5.1 Fasa 1 2017 144

4.5.2 Fasa 2 2018 153

4.6 Rumusan 164

BAB 5 : RUMUSAN, PERBINCANGAN DAPATAN KAJIAN DAN CADANGAN KAJIAN 166

5.0 Pengenalan 166

5.1 Ringkasan Kajian 166

5.2 Perbincangan Dapatan Kajian Pertama 169

5.3 Perbincangan Dapatan Kajian Kedua 170

5.4 Cadangan 172

5.5 Cadangan kepada Pihak Kementerian Pendidikan Malaysia 174

5.6 Cadangan kepada Pelajar 175

5.7 Sumbangan kepada Ilmu Bidang Teknologi Automotif 176

5.8 Cadangan Kajian Lanjutan 177

5.9 Kesimpulan 178

RUJUKAN 180

LAMPIRAN 205

SENARAI JADUAL

		Muka Surat
Jadual 3.1	Bilangan Peserta Kajian Fasa 1 & Fasa 2	61
Jadual 4.1	Dapatan Kajian Objektif Pertama	81
Jadual 4.2	Dapatan Kajian Objektif Kedua	87
Jadual 4.3	Betong 2017-1	98
Jadual 4.4	Betongt 2017-2	100
Jadual 4.5	Bintulu 2017-1	102
Jadual 4.6	Bintulu 2017-2	104
Jadual 4.7	Kuching 2017-1	106
Jadual 4.8	Kuching 2017-2	108
Jadual 4.9	Matang 2017-1	110
Jadual 4.10	Matang 2017-2	112
Jadual 4.11	Miri 2017-1	114
Jadual 4.12	Miri 2017-2	117
Jadual 4.13	Betong 2018-1	119
Jadual 4.14	Betong 2018-2	121
Jadual 4.15	Bintulu 2018-1	124
Jadual 4.16	Bintulu 2018-2	126
Jadual 4.17	Miri 2018-1	128
Jadual 4.18	Miri 2018-2	131
Jadual 4.19	Matang 2018-1	133
Jadual 4.20	Matang 2018-2	135

Jadual 4.21 Kuching 2018-1 137

Jadual 4.22 Kuching 2018-2 140

Jadual 4.23 Analisis Data daripada Pemerhatian Berstruktur 143

SENARAI RAJAH

Muka Surat

Rajah 2.1	Model Flavell Pemantauan Kognitif	23
Rajah 2.2	Model Brown Metakognisi	25
Rajah 2.3	Rangka Kerja Konseptual Kajian	54
Rajah 3.1	Carta Aliran Memohon Surat Kebenaran Kajian	68
Rajah 3.2	Carta Aliran Pengumpulan Data Kajian	69
Rajah 4.1	Model Metakognisi Pelajar Bidang Program Teknologi Automotif di Kolej Vokasional	93
Rajah 4.2	Metakognisi Pelajar Kurang Mahir	94
Rajah 4.3	Metakognisi Pelajar Sederhana Mahir	95
Rajah 4.4	Metakognisi Pelajar Sangat Mahir	96

SENARAI SINGKATAN

TVET	Pendidikan Latihan Teknikal dan Vokasional
BPLTV	Bahagian Pendidikan dan Latihan Teknikal Vokasional
KV	Kolej Vokasional
SMT	Sekolah Menengah Teknik
SMK	Sekolah Menengah Kebangsaan
SMKPV	Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional
LC	Nilai Kearuhan (L) dan Kemuatan (C)
RPM	Revolutions Per Minute
ICT	Information and Communication Technology
ILDP	Program Pembangunan Kemahiran Industri
DSD	Program Pembangunan Kemahiran Malaysia
WBL	Pembelajaran Berasaskan Kerja
PdP	Pengajaran dan Pembelajaran
JKKP TVET	Jawatankuasa Kabinet Pemerkasaan TVET
RMK-10	Rancangan Malaysia ke-10
PSPTN	Pelan Strategi Pembangunan Pendidikan Tinggi Negara
EPRD	Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan

BAB 1

PENGENALAN

1.0 Pengenalan

Menurut Nurhijrah, Mohamed, dan Hasnul (2020), pendidikan berasaskan kompetensi merupakan topik yang agak baharu dalam bidang pendidikan latihan teknikal dan vokasional pada hari ini. Usaha untuk meningkatkan keupayaan sekolah dan kolej bagi mengukur pencapaian pembelajaran pelajar semakin mendapat perhatian, terutamanya di negara-negara maju. Di Amerika Syarikat, banyak institusi yang telah menerapkan pendekatan pendidikan berasaskan kompetensi, yang memberi banyak manfaat kepada sistem pendidikan di negara tersebut (Jalagat, R.C. Jr., Dayalan, P., & Jocson, G. G., 2024).

Dunwill (2016) menyatakan bahawa pendidikan berasaskan kompetensi amat penting kerana pengukuran pembelajaran tidak lagi bergantung kepada tempoh masa. Kemajuan pelajar diukur melalui kompetensi mereka, dengan menunjukkan bahawa mereka telah menguasai pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan bagi kursus tertentu, tanpa mengira berapa lama masa yang diperlukan untuk mencapainya. Pendidikan berasaskan kompetensi membolehkan pelajar untuk terus belajar mengikuti kemampuan mereka tanpa batasan masa. Pendidikan berasaskan kompetensi adalah lebih baik kerana ia membolehkan pelajar belajar mengikut kadar mereka sendiri, sekaligus memberi manfaat kepada pelajar yang mungkin lebih lambat. Amalan pendidikan ialah satu pendekatan penting dalam visi Malaysia menuju ke arah sebuah negara maju yang berpendapatan tinggi. Kerajaan Malaysia berbelanja besar bagi menaik taraf sistem pendidikan latihan teknikal dan vokasional yang berasaskan kompetensi. Pelbagai langkah dan strategi telah diambil bagi merealisasikan impian tersebut. Sehingga tahun 2024, terdapat 12 Kementerian yang menawarkan program

TVET melibatkan 1,345 institusi TVET. Bahagian Pendidikan dan Latihan Teknikal Vokasional (BPLTV) pula merupakan bahagian yang dipertanggungjawabkan sebagai peneraju bagi semua program TVET yang ditawarkan di Kementerian Pendidikan Malaysia. Penawaran program TVET Kementerian Pendidikan Malaysia meliputi program di Kolej Vokasional (KV), Sekolah Menengah Teknik (SMT), Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) dan Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional (SMPKV).

Sistem pendidikan latihan teknikal dan vokasional diberi nafas baharu melalui usaha memartabatkan bidang pendidikan latihan teknikal dan vokasional dan meningkatkan kompetensi pengajian siswazah yang mempunyai nilai kebolehpasaran yang tinggi. Oleh itu, reformasi sistem pendidikan negara dan pendidikan latihan teknikal dan vokasional akan memberikan impak positif demi masa hadapan negara.

Menurut Asnul, Ruhizan, Kamalularifin, dan Muhammad (2013), bidang pendidikan latihan teknikal dan vokasional merupakan salah satu aspek yang penting dalam melahirkan sumber tenaga kerja yang mahir. Bidang ini mempersiapkan pelajar dari segi kemahiran dan pengetahuan yang diperlukan dalam sesuatu bidang pekerjaan, agar pelajar dapat menonjolkan diri dalam dunia pekerjaan yang bakal mereka ceburi.

Berdasarkan Aminuddin (2011), pendekatan yang digunakan dalam pendidikan latihan teknikal dan vokasional pada masa dahulu hanya mampu melahirkan pelajar yang bergerak mengikut arahan majikan atau pihak atasan tanpa mampu berdikari sendiri dan bersaing. Kesannya, pelajar hanya berada pada tahap yang sama tanpa mengambil sebarang inisiatif untuk berkembang dan bersaing di peringkat global. Hal ini menyebabkan pelajar akan terus ketinggalan dalam arus dunia yang semakin berkembang pesat (Mohammad Hussain, Mohd Azlan, Mohd Zulkifli, Rafeizah, Kamis, Arasinah, Threeton, Mark & Omar, Muhd. (2021). Oleh itu, pendidikan latihan teknikal dan vokasional kini perlu mengamalkan

pendekatan yang lebih moden, supaya dapat melahirkan pelajar yang mampu berdaya saing serta berfikiran kreatif dan kritis.

Shubber, Udin, dan Minghat (2014) menjelaskan bahawa pembelajaran pendidikan latihan teknikal dan vokasional pada masa kini tertumpu kepada kemampuan pelajar dalam menerapkan pengetahuan dan menyelesaikan masalah secara praktikal.

Dengan kata lain, penekanan diberikan kepada pembangunan kompetensi tindakan untuk menangani persaingan dalam situasi pekerjaan atau kehidupan seseorang. Pendidikan latihan teknikal dan vokasional juga bertujuan untuk mempersiapkan pembentukan peribadi profesional individu supaya mereka mengambil bahagian secara aktif dalam masyarakat dengan tingkah laku yang bersesuaian.

1.1 Latar Belakang Kajian

Reformasi dalam pendidikan latihan teknikal dan vokasional telah dilaksanakan dalam usaha memenuhi hasrat negara untuk menjadi sebuah negara maju (Hawati & Tan, 2023). Peningkatan kemahiran rakyat Malaysia untuk meningkatkan peratus kebolehpasaran merupakan salah satu usaha yang perlu diutamakan. Pendidikan selepas menengah dan tertiari menjadi pemangkin kepada perubahan, di mana keperluan tenaga mahir dan separa mahir yang diperlukan oleh industri dapat merangsang perkembangan ekonomi yang lebih mampan. Melalui program praktikum di industri, pelajar diberi pendedahan serta peluang untuk mempersiapkan diri sebelum menceburi bidang pekerjaan sebenar. Penglibatan sektor swasta dalam penyediaan tempat latihan melalui perkongsian sektor awam dan swasta turut dipertingkatkan. Selain itu, kursus berorientasikan pasaran juga ditambah bagi memudahkan peralihan pelajar ke dalam pasaran pekerjaan. Latihan berasaskan industri diberikan kepada siswazah untuk meningkatkan pengetahuan, pengalaman, dan kemahiran keusahawanan, sekaligus memudahkan mereka menjalankan projek serta kajian.

Kementerian Pendidikan Malaysia telah menggubal semula matlamat dan tujuan pendidikan latihan teknikal dan vokasional bagi menampung kekurangan yang ada. Tujuan dan objektif pendidikan latihan teknikal dan vokasional adalah untuk menyediakan pelajar yang cenderung dalam bidang teknikal di peringkat pendidikan menengah atas untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi.

Objektif pendidikan latihan teknikal dan vokasional ialah memberikan pendidikan akademik yang seimbang dan menyediakan pendidikan asas dalam bidang sains dan teknologi (Dayana Farzeeha Ali, 2016). Kursus yang disediakan membolehkan pelajar memperoleh pengetahuan asas berkaitan latihan teknikal dan vokasional bagi membolehkan mereka mendapatkan pekerjaan sebagai tenaga kerja mahir atau separuh mahir dalam industri. Berdasarkan penerangan di atas, kajian ini memfokuskan pada metakognisi pelajar dalam sistem penyalaan kenderaan di kolej-kolej vokasional.

1.1.1 Pengetahuan

Pengetahuan merujuk kepada kefahaman manusia tentang sesuatu perkara yang merupakan kefahaman yang sistematik dan diusahakan secara sedar. Secara umum, pengetahuan mempunyai potensi untuk dimanfaatkan demi kebaikan manusia sejagat. Kebiasaannya, pengetahuan ialah hasil daripada kajian sesuatu perkara. Dalam konteks ini, pengetahuan boleh menjadi sasaran kajian dan menghasilkan perkara yang dikenali sebagai "pengetahuan mengenai pengetahuan", iaitu epistemologi. Kajian mengenai pengetahuan lebih dikenali sebagai sains maklumat dalam dunia kepustakawanan (Carpi & Egger, 2009).

Pengetahuan adalah pemahaman bermakna, yang memberi makna kepada individu apabila datangnya sumber maklumat berkaitan sesuatu kajian yang memerlukan kefahaman. Pengetahuan berbeza dengan maklumat, di mana maklumat tidak memberi erti sekiranya ia tidak dapat dijadikan makna atau tidak mendatangkan makna kepada seseorang.

Misalnya, data daripada komputer (*binary code*) tidak bermakna sekiranya tidak dirangkumkan untuk dijadikan perisian yang bermanfaat kepada manusia dan hanya akan kekal sebagai data. Alam juga adalah sumber pengetahuan yang utama tetapi perlu dikaji dan diselidik dahulu kebenarannya. Penemuan alam dikelaskan sebagai teori kerana ia boleh berubah sekiranya terdapat penemuan baharu. Tujuan pengetahuan adalah untuk dijadikan pedoman dan panduan yang boleh digunakan bagi meneruskan kehidupan (Boyle & Matthew, 2009).

1.1.2 Kognisi

Kognisi atau proses kognitif ialah pemikiran manusia secara sedar atau tidak sedar. Proses-proses ini terdiri daripada pelbagai perspektif dalam pelbagai konteks, terutamanya dalam bidang minda dan neurologi. Proses mental merangkumi perhatian, ingatan, penghasilan dan pemahaman bahasa, pembelajaran, penaakulan, penyelesaian masalah, membuat keputusan, dan sebagainya.

Konsep kognisi berkait rapat dengan konsep-konsep abstrak seperti minda dan kecerdasan. Ia meliputi fungsi mental, proses mental (pemikiran), dan keadaan entiti cergas (manusia, kumpulan pertubuhan manusia, mesin automatik, dan kecergasan buatan). Proses pemikiran pula merangkumi fungsi minda individu dan berkumpulan. Ia menjelaskan sikap atribusi dan dinamik kumpulan. Kognisi manusia dikategorikan kepada keadaan sedar atau tidak sedar, konkrit atau abstrak serta intuitif seperti pengetahuan bahasa konseptual iaitu model bahasa.

Kognisi manusia melibatkan pelbagai proses seperti ingatan, perkaitan, pembentukan konsep, pengecaman corak, bahasa, perhatian persepsi, tindakan, penyelesaian masalah, dan imej mental. Kognisi tidak lebih daripada tindakan mengetahui faktor dalaman dan luaran

yang membolehkan manusia melalui proses pembelajaran yang lebih sesuai dengan kemungkinan atau batasannya.

Pada masa yang sama, ia merangkumi kemampuan manusia untuk memiliki emosi secara sedar, membuat keputusan, melakukan tabiat baharu, dan menghafal peristiwa masa lalu atau terkini. Oleh itu, kehadiran faktor luaran yang merangsang juga memberi pengalaman yang lebih menyenangkan terhadap kenangan dan sikap manusia. Secara umumnya kognisi ialah keupayaan untuk menyimpan maklumat dan bergantung kepada rangsangan deria luaran.

1.1.3 Metakognisi

Metakognisi merupakan proses berfikir tentang pemikiran “thinking about thinking”. Apabila seseorang itu sedar tentang apa yang difikirkan, maka adalah mudah baginya untuk mengawal tindakan yang akan diambil. (Lovett, 2008) mengatakan bahawa metakognisi ialah tanggapan tentang memikirkan pemikiran seseorang. Fikiran boleh dilihat kepada tiga dimensi yang berbeza, iaitu, pengetahuan, kemahiran dan pengalaman.

Metakognisi ialah satu kesedaran tentang diri sendiri sebagai "pelakon dalam persekitarannya, iaitu, peningkatan rasa ego sebagai seorang yang aktif, penyimpan yang disengajakan, dan mendapatkan maklumat. Misalnya, Kelvin sedar bahawa dia sedang memandu ke tempat yang belum pernah dituju dengan melalui jalan yang sukar, maka dia akan memperlahankan kelajuan pemanduannya untuk memastikan yang dia faham dan sampai ke tempat tersebut dengan tepat dan selamat.

Kemampuan metakognisi meningkatkan kesedaran terhadap proses pemikiran yang dimiliki, serta melalui proses penilaian dan hasil pemikiran sendiri hingga seseorang mampu mengendalikan cara berfikir yang dimiliki (Zainab, 2021). Metakognisi ialah kebolehan mengetahui perkara yang diketahui dan tidak diketahui (Campanario, 2009). Pembelajaran

metakognitif pula merujuk kepada kesedaran tentang apa yang diketahui dan tidak diketahui. Selain itu, metakognisi merujuk kepada cara untuk meningkatkan kesedaran terhadap proses berfikir dan pembelajaran yang berlaku. Apabila kesedaran ini wujud, seseorang dapat mengawal fikirannya dengan merancang, memantau, dan menilai perkara yang dipelajari. Pelajar boleh menggunakan strategi metakognisi dan mengawal pembelajarannya melalui proses perancangan perkara yang hendak dipelajari, memantau kemajuan pembelajaran diri, dan seterusnya menilai perkara yang dipelajari tersebut (Channa M.A., Z.S., Nordin & Simming I.A. & Buriro G.S., 2017).

Terdapat beberapa model metakognisi yang telah dibangunkan oleh penyelidik terdahulu dan model metakognisi pertama telah diperkenalkan oleh Flavell (1979) mengandungi tiga komponen utama iaitu pengetahuan metakognitif, pengalaman metakognitif dan strategi dan matlamat.

1.1.3.1 Pengetahuan Metakognitif

Pengetahuan metakognitif merujuk kepada apa yang diketahui oleh individu tentang diri mereka sebagai kognitif berkaitan pendekatan berbeza yang boleh digunakan untuk tujuan pembelajaran, penyelesaian masalah, dan tugasan pembelajaran tertentu. Pengetahuan metakognisi merujuk kepada semua pengetahuan dan kepercayaan yang diperoleh serta disimpan dalam ingatan jangka panjang tentang proses kognitif dan faktor-faktor yang mempengaruhi kebolehan kognitif seperti pengetahuan dunia yang disimpan (pengetahuan yang boleh digunakan untuk mengawal proses kognitif).

Sebagai contoh, kepercayaan bahawa mereka tidak pandai melukis mungkin enggan mencuba tugasan berkaitan lukisan. Pengetahuan metakognitif ini boleh membawa individu untuk terlibat atau menghentikan usaha kognitif tertentu berdasarkan minat, kebolehan, dan matlamatnya.

1.1.3.2 Pengalaman Metakognitif

Pengalaman metakognitif melibatkan penggunaan kawalan metakognitif merujuk kepada apa yang dialami semasa usaha kognitif iaitu kesedaran dalam talian terhadap pemikiran yang berlaku. Proses "aliran kesedaran" merujuk kepada keadaan di mana maklumat lain, kenangan, atau pengalaman lalu boleh dijadikan rujukan untuk menyelesaikan masalah kognitif yang dihadapi pada masa kini.

Pengalaman ini termasuk kehadiran emosi iaitu tindak balas afektif terhadap tugasan. Ia merangkumi kejayaan atau kegagalan, kekecewaan atau kepuasan, dan sebagainya. Pengalaman ini mempengaruhi perkembangan tugas secara berterusan dan mungkin menentukan minat atau kesediaan individu untuk meneruskan tugas serupa pada masa depan.

Proses metakognitif membantu meningkatkan pembelajaran dengan cara membimbing pelajar atau seseorang itu berfikir, selain daripada membantu dalam menentukan tingkah laku yang diambil ketika seseorang cuba memahami sesuatu keadaan, menyelesaikan masalah, dan membuat keputusan.

Sebelum melakukan sesuatu aktiviti, individu tersebut hendaklah merancang dengan bertanya kepada diri sendiri apakah matlamatnya, apakah strategi yang akan digunakan, apakah yang telah dilakukan pada masa lalu, dan adakah proses tugas akan selesai jika strategi lain digunakan atau jika hasilnya dijangkakan.

Apabila kesedaran ini wujud, seseorang dapat mengawal fikirannya dengan merancang, memantau, dan menilai keadaan tersebut. Perkembangan kemahiran metakognitif dapat membantu pelajar dalam memahami sesuatu perkara. Hal ini bermakna keupayaan untuk mengenali proses pembelajaran sendiri telah dibangunkan. Oleh itu, keberkesanan, prestasi, dan kawalan dapat ditingkatkan.

Pengalaman metakognitif melibatkan proses perancangan, pengawalan, dan penilaian terhadap strategi pembelajaran secara lebih berkesan serta kesedaran mengenai apa yang telah dipelajari. Setiap individu akan mendapati sesetengah strategi lebih bermanfaat berbanding yang lain.

Selain itu, adalah penting bagi individu untuk mengetahui cara penggunaan setiap strategi harus disesuaikan mengikut konteks, serta kesesuaian strategi tersebut dalam proses pembelajaran atau pencapaian matlamat tertentu. Individu juga perlu memantau proses pembelajaran dengan melaksanakan beberapa tugas kognitif bagi memerhatikan langkah-langkah yang diperlukan untuk mencapai sasaran yang ditetapkan.

Proses ini bertujuan untuk memantau hubungan antara konsep yang berbeza. Hal ini berfungsi untuk membuat seseorang sedar tentang proses pembelajaran yang dilalui dan menilai hubungan antara setiap konsep. Guru boleh meminta pelajar bertanya soalan bagi menggalakkan pelajar berfikir perkara yang perlu ditanya dan menyemak perkara sedia ada.

Pelajar juga digalakkan untuk bertanya tentang topik yang perlu dipelajari atau perlu dilakukan. Pelajar juga boleh memikirkan tentang soalan-soalan yang ditanya dengan baik jika mereka bergerak dari objektif pembelajaran. Dapatan kajian lepas bukan sahaja fokus kepada pengetahuan tetapi juga membantu pelajar meningkatkan kemahiran teknikal dalam Sistem Penyalaan Kenderaan.

1.1.3.3 Strategi Metakognitif

Strategi metakognitif merangkumi perancangan dan pemilihan strategi yang mencukupi, pengawasan prestasi sendiri, dan penilaian hasil yang diperoleh. Ia mencerminkan kecekapan mengenai tugas yang telah dilakukan dan melibatkan penilaian semula strategi yang digunakan. Strategi metakognitif juga merujuk kepada strategi yang direka dan digunakan untuk memantau kemajuan kognitif.

Strategi ini adalah proses yang teratur yang digunakan untuk mengawal aktiviti kognitif seseorang dan memastikan bahawa matlamat kognitif tertentu, seperti menyelesaikan masalah matematik, menulis ayat yang berkesan, atau memahami bahan bacaan akan dapat dicapai. Melalui penggunaan strategi ini, individu dapat menilai dan menyesuaikan pendekatan mereka terhadap tugas yang dihadapi, membantu mereka untuk menjadi pembelajar yang lebih berkesan dan mencapai kejayaan dalam pelbagai aktiviti akademik dan kognitif.

1.2 Pernyataan Masalah

Dalam kajian Razak (2007), penyelesaian masalah Fizik kebelakangan ini tertumpu kepada aspek kognitif iaitu pemikiran pelajar. Penyelesaian masalah Matematik semakin diambil berat dan ditekankan melibatkan pelbagai operasi kognitif, heuristik, dan metakognitif (Garofalo & Lester, 1985). Berdasarkan kajian lepas, didapati ianya lebih menfokuskan kepada kajian metakognisi dalam konteks subjek-subjek berdasarkan teori dan konsep contohnya bahasa Melayu (Nur Aisyah & Zamri, 2014), Bahasa Inggeris (Radha, Noraini & Pramela, 2008), dan Matematik (Noorzeliana , Norazilawati, Saniah, 2015). Setakat ini, tidak diketahui tentang kajian metakognisi dalam subjek-subjek teknikal yang merupakan subjek teknikal yang sangat penting kepada pendidikan Malaysia.

Sistem Penyalaan Kenderaan merupakan salah satu subjek teknikal yang penting dan terkandung dalam kurikulum kolej vokasional. Kesukaran pelajar dalam penyelesaian masalah sistem penyalaan kenderaan automotif boleh mempengaruhi pembelajaran dan kemahiran mereka. Perkara ini membantu menguatkan relevansi mengkaji metakognisi dalam kajian ini khusunya dalam konteks pendidikan latihan teknikal dan vokasional berkaitan TVET. Kajian ini akan menfokuskan kepada metakognisi penyelasaian masalah Sistem Penyalaan Kenderaan. Sistem Penyalaan Kenderaan merujuk kepada satu proses

penyelesaian masalah dalam pembelajaran kerja amali. Ia adalah satu konsep yang dibentuk dalam metakognisi untuk penyelesaian masalah sistem penyalaan kenderaan di mana pelajar mempelajari sesuatu daripadanya.

Secara khususnya, kajian ini bertujuan untuk mengumpul maklumat mengenai proses kognisi, jenis-jenis metakognisi, dan tahap prestasi metakognisi dalam kalangan pelajar untuk menyelesaikan masalah berkaitan sistem penyalaan kenderaan. Kajian ini akan memberi gambaran proses kognisi (ikut objektif) tentang aspek metakognisi untuk proses kognisi meningkatkan pencapaian pelajar dalam masalah berkaitan bidang matematik kejuruteraan.

Proses metakognisi yang digunakan dalam kajian ini adalah merujuk kepada proses pemantauan (*monitoring*), penilaian (*evaluating*), dan pengawal aturan (*regulating*). Kemahiran memantau merujuk kepada pemantauan proses kognitif dan pengetahuan maklumat dalam minda, iaitu perkara yang diwakilkan secara mental dalam minda seseorang yang boleh dikeluarkan dari mindanya (Entika, Howes & Ling, Ying-Leh, 2019). Kemahiran menilai dalam kajian ini pula merujuk kepada semakan dalam kajian dan penilaian ketetapan maklumat pada akhir proses penyelesaian masalah. Kemahiran mengawal atur ialah pengawalan ke atas kemahiran kognitif (Entika et al., 2019).

Mohammad Aniq, Naldo, Mohd Norhazli dan Mohd Aidil Hazidi, (2024) mengatakan bahawa tenaga kerja semasa di industri teknologi automotif cepat menua dan menghampiri usia persaraan dengan tiadanya individu yang berkelayakan bersedia untuk menggantikan mereka. Masalah ini juga mempengaruhi persepsi kerjaya dalam teknologi automotif sebagai tidak diminati. Tahap pendidikan dan latihan yang diperlukan untuk menjadi perkhidmatan automotif yang mahir profesional telah meningkat dengan ketara daripada apa yang diperlukan pada masa lalu.

Faktor ini juga menyumbang kepada kekurangan individu yang terlatih dan berkelayakan untuk memenuhi tenaga kerja semasa dan keperluan industri automotif masa hadapan dalam pelbagai bidang kerjaya. Ini boleh diletakkan pada kontinum dengan behaviorisme pada satu akhir dan pendekatan humanistik radikal di sisi lain. Proses penyelesaian masalah ini adalah kebolehan individu dalam menyelesaikan masalah Sistem Penyalaan Kenderaan.

Selain itu, penyelesaian ini penting kerana ia bergantung kepada tahap pemikiran individu yang menguasai pengetahuan, kemahiran dan segala pemahaman untuk menyelesaikan masalah. Penyelesaian masalah adalah proses yang memerlukan tahap perlakuan metakognitif iaitu kesedaran murid menyedari apa yang dilakukan, strategi kognitif cara murid merancang dan melaksanakan masalah Sistem Penyalaan Kenderaan, perancangan murid untuk cuba memahami sebelum menyelesaikan masalah dan pengesanan kendiri untuk murid menyemak dan meneliti bagi menyelesaikan masalah Sistem Penyalaan Kenderaan (Raihan & Zuraidah, 2024).

1.3 Objektif Kajian

Objektif utama kajian ini adalah untuk mengkaji metakognisi pelajar semasa penyelesaian masalah sistem penyalaan kenderaan automotif. Bagi mencapai tujuan ini, objektif spesifik kajian disenaraikan seperti berikut:

(i) Meneroka proses kognisi pelajar dalam menyelesaikan masalah tugasan sistem penyalaan kenderaan.

(ii) Memahami pengetahuan metakognitif yang dimiliki pelajar tentang sistem penyalaan kenderaan

(iii) Membangun model metakognisi pelajar berhubung sistem penyalaan kenderaan.

1.4 Persoalan Kajian

(i) Apakah proses kognisi pelajar dalam menyelesaikan masalah tugasan sistem penyalaan kenderaan?

(ii) Apakah pengetahuan metakognitif yang dimiliki pelajar tentang sistem penyalaan kenderaan?

(iii) Apakah model metakognisi pelajar berhubung sistem penyalaan kenderaan?

1.5 Definisi Istilah

Bahagian ini merujuk kepada definisi yang digunakan bagi setiap elemen, faktor, dan pemboleh ubah yang digunakan dalam kajian ini.

1.5.1 Proses Kognisi

Proses kognisi merujuk kepada perkara yang diketahui oleh individu mengenai kognisi diri sendiri dan kognisi secara umum. Ia meliputi tiga jenis kesedaran metakognisi iaitu pengetahuan deklaratif, pengetahuan prosedural, dan pengetahuan kondisional. Pengetahuan deklaratif merujuk kepada pengetahuan tentang sesuatu perkara. Ia meliputi pengetahuan tentang dirinya sebagai seorang pelajar dan faktor-faktor yang mempengaruhi prestasi diri dalam pembelajaran (Britannica, T., 2024).

1.5.2 Tahap Metakognisi

Terdapat tiga tahap metakognisi iaitu merancang, memantau dan menilai. Tahap merancang adalah pelajar meramal apa yang akan dipelajari dan bagaimana perkara itu dikuasai dan kesan yang akan diperoleh apabila perkara itu dipelajari. Pelajar menyediakan diri secara fizikal, mental dan psikologi. Pelajar membuat perancangan dari semasa ke semasa untuk mendapatkan sesuatu perkara tersebut.

Tahap memantau adalah dalam proses pembelajaran pelajar di mana pelajar memerhati dan menanya soalan apa yang tidak difahami. Apa yang membawa makna kepada

pelajar. Apa sebabnya perkara perlu diselesaikan. Tahap metakognisi ketiga adalah menilai. Pelajar membuat refleksi terhadap apa yang telah dibuat dan tindakan susulan serta penambahbaikan yang harus diambil. Pelajar juga menilai bagaimana sesuatu kemahiran, nilai dan pengetahuan dikuasai (Gina, 2024).

1.5.3 Jenis-jenis metakognisi

Jenis-jenis Metakognisi adalah terdiri daripada ilmu metakognitif, kemahiran metakognitif dan pengalaman metakognitif. Ketiga-tiga metakognisi adalah berkait rapat dengan pembelajaran. Proses metakognisi berlaku di bawah bidang pemikiran kognitif iaitu kawalan kefahaman di mana kesedaran individu sama ada memahami apa yang dilihat dan dibaca.

Semakan diri iaitu kesedaran individu sama ada dirinya telah memahami dan menganalisis apa yang dilihat dan dibacanya tepat atau tidak. Kesedaran terhadap tujuan membaca dengan mengubahsuai teknik membaca berdasarkan pemerhatian dan objektif.

1.5.4 Model Metakognisi

Metakognisi merupakan satu proses berfikir tentang apa yang difikirkan. Komponen penting dalam metakognisi adalah berkaitan dengan pengetahuan tentang kognisi dan kebolehan memantau, meregulasi dan mengawal sebarang hal ehwal kognitif (Flavell, 1976). Definisi ini mencadangkan bahawa ketika proses berfikir atau belajar berlangsung, individu itu boleh memilih kemahiran dan strategi yang sesuai mengikut keperluan tugasan pemikiran atau pembelajaran yang sedang dijalankan.

Dalam kajian ini, metakognisi adalah pemikiran aras tinggi yang boleh digunakan pelajar untuk merancang, memantau dan menilai proses pembelajaran yang dilalui untuk mencapai matlamat yang ditetapkan dalam pembelajaran sistem penyalaan kenderaan (Lai, E. R., 2011).

1.5.5 Penyelesaian Masalah

Penyelesaian masalah bermaksud proses menyelesaikan sesuatu masalah yang berlaku. Dalam kajian ini, penyelesaian masalah bermaksud pelajar berhadapan dengan masalah dalam tugasan pembelajaran sistem penyalaan kenderaan. Pelajar-pelajar berbincang mengenai kesilapan yang dilakukan bersama ahli kumpulan yang lain.

Melalui sesi temu bual, pengkaji dapat mengetahui sama ada pelajar-pelajar boleh menyelesaikan sesuatu masalah atau tidak. Pendidikan lepasan menengah dan tertiari menjadi pemangkin perubahan di mana keperluan tenaga mahir dan separa mahir yang diperlukan oleh industri dapat menjana perkembangan ekonomi yang lebih mampan.

Pendidikan Latihan Teknikal dan Vokasional (PTV) ialah laluan khusus untuk membangunkan lepasan sekolah menengah ke dalam tenaga kerja yang berkemahiran tinggi dan membentuk masa hadapan yang baik. Tanggapan konservatif bahawa PTV hanya untuk golongan yang kurang cemerlang dalam akademik atau yang mempunyai prospek kerjaya rendah perlu dibuang dari fikiran. Hakikatnya, graduan PTV mempunyai peluang pekerjaan yang tinggi dan mampu memperoleh pendapatan yang lumayan.

1.5.6 Pembelajaran Kolaboratif

Pembelajaran kolaboratif bermaksud pelajar mempelajari sesuatu melalui kerjasama dalam kerja berkumpulan. Oleh itu, pendekatan kolaboratif dilihat berupaya membantu membina komuniti pembelajaran dalam kalangan pelajar (Basari, 2023). Dalam kajian ini, pelajar bekerjasama dalam kumpulan untuk membuat tugasan sistem penyalaan kenderaan. Melalui kaedah pemerhatian, pengkaji dapat memerhatikan bahawa pelajar-pelajar bekerjasama antara satu sama lain.

1.6 Signifikan Kajian

Kajian ini diharapkan dapat memberikan sumbangan dalam memahami tahap metakognisi pelajar dalam bidang teknologi automotif yang terhad pada masa ini. Ia penting kerana kemahiran metakognisi dapat membantu pelajar dalam memperoleh pengetahuan yang lebih tinggi dan dapat menggunakan konsep yang dipelajari dalam menjalankan tugasan pembelajaran sistem penyalaan kenderaan di kolej-kolej vokasional di seluruh Malaysia.

Kajian ini juga bertujuan mengkaji pengetahuan metakognisi dan kemahiran metakognisi iaitu regulasi metakognisi dalam kalangan pelajar yang berpencapaian tinggi, sederhana, dan rendah dengan bantuan aktiviti penerapan kemahiran metakognisi di kolej vokasional, terutamanya pelajar yang mengambil kursus teknologi automotif di Malaysia.

Pengetahuan metakognisi dan regulasi metakognisi diharapkan dapat menggalakkan pelajar berfikir mengenai sesuatu idea dengan lebih mendalam semasa menjalankan tugasan pembelajaran sistem penyalaan kenderaan. Dapatan kajian ini diharapkan dapat membantu pelajar memahami konsep metakognisi dalam membuat tugasan pembelajaran sistem penyalaan kenderaan.

Selanjutnya, pelajar dijangka dapat menggunakan konsep tersebut untuk menetapkan matlamat berhubung dengan tugas pembelajaran dalam sistem penyalaan kenderaan dan seterusnya meningkatkan kemahiran pemikiran pelajar dari segi intelektual dan mental. Kajian ini memberikan faedah kepada Kementerian Pendidikan Malaysia khususnya Bahagian Pendidikan Latihan Teknikal dan Vokasional.

Hasil kajian ini dijadikan rujukan dalam penggubalan kurikulum TVET agar lebih selari dengan perkembangan trend yang terkini. Selain itu, kajian ini juga memberi kebaikan kepada Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. Kursus-kursus Teknologi Automotif yang

lebih banyak ditawarkan di Institusi Pengajian Tinggi termasuk Politeknik, Institusi Pengajian Awam serta Swasta. Program dan kandungan Teknologi Automotif juga mengikuti perkembangan teknologi canggih terkini sejajar dengan Revolusi Industri 4.0 yang memerlukan tahap kemahiran yang tinggi. Tahap kemahiran tinggi perlu diterapkan dalam kandungan kurikulum untuk melahirkan graduan yang kompetensi.

1.7 Skop dan Batasan Kajian

Kajian ini dijalankan di kolej-kolej vokasional yang terletak di Kuching, Matang, Betong, Bintulu, dan Miri di negeri Sarawak. Terdapat 90 orang peserta yang terlibat dalam beberapa sesi pemerhatian kajian ini. Analisis unit terdiri daripada individu dari kolej-kolej vokasional yang telah dipilih, iaitu Kolej Vokasional A, Kolej Vokasional B, Kolej Vokasional C, Kolej Vokasional D, dan Kolej Vokasional E. Skop dan batasan kajian ini terhad kepada kolej-kolej vokasional di Sarawak sahaja.

Kajian ini tidak menfokuskan pada topik sistem penyalaan kenderaan tetapi juga merangkumi topik-topik lain seperti sistem brek, sistem transmisi dan sebagainya. Pelajar juga perlu mempelajari topik-topik lain seperti menyelesaikan masalah Sistem Roda, Sistem Penyejukan Udara, Sistem Elektrik, Sistem Elektronik dan sebagainya. Skop kajian ini hanya tertumpu di Negeri Sarawak sahaja.

Walau bagaimanapun, terdapat kolej vokasional di seluruh negara. Batasan kajian ini juga hanya melibatkan pada kolej vokasional sahaja. Program Teknologi Automotif turut ditawarkan di Politeknik, Institusi Pengajian Tinggi Awam mahupun Institusi Pengajian Tinggi Swasta.

Kumpulan sasaran kajian hanya tertumpu kepada pelajar kolej vokasional sahaja khususnya pelajar baharu yang baru memasuki kolej vokasional. Tahap kemahiran pelajar adalah terhad dan mereka menghadapi kesukaran untuk menyelesaikan masalah dalam kerja

amali yang diberikan. Kajian ini melibatkan 90 pelajar daripada populasi pelajar kolej vokasional di negeri Sarawak.

Kajian ini dibahagikan kepada dua fasa: fasa pertama adalah pada 2017 dan fasa kedua iaitu tahun 2018. Tempoh pengumpulan data mengambil dua tahun. Tempoh masa kajian perlu dipanjangkan supaya maklumat yang diperoleh lebih mencukupi bagi membantu analisis data dan memperoleh keputusan yang lebih kukuh.

1.8 Rumusan

Secara keseluruhan, bab ini menjelaskan latar belakang kajian mengenai isu-isu metakognisi pelajar dalam bidang teknologi automotif di kolej vokasional berkaitan sistem penyalaan kenderaan. Berdasarkan permasalahan yang dikemukakan, didapati wujudnya keperluan untuk mengkaji metakognisi pelajar dalam melaksanakan tugasan pembelajaran sistem penyalaan kenderaan.

Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk meninjau matlamat yang ditetapkan dan memahami lebih lanjut tentang metakognisi dalam bidang teknologi automotif mengenai sistem penyalaan kenderaan dan menjelaskan proses kognisi pelajar dalam membuat tugasan sistem penyalaan kenderaan, jenis-jenis metakognisi pelajar, dan membentuk model metakognisi pelajar semasa penyelesaian masalah sistem penyalaan kenderaan.

Kajian ini dijangka dapat memberi implikasi yang bermanfaat kepada guru dan pelajar teknologi automotif di kolej vokasional di Sarawak serta para pengkaji dalam bidang ini. Selanjutnya, skop kajian dan batasan kajian dari segi lokasi, responden, bidang, dan instrumen kajian turut dijelaskan dalam kajian ini bagi memudahkan pemahaman pembaca dan memenuhi keperluan kajian. Bab seterusnya membincangkan tinjauan literatur berkaitan konteks kajian ini secara terperinci.

BAB 2

TINJAUAN LITERATUR

2.0 Pengenalan

Bab 2 membincangkan kajian literatur berkaitan dengan penyelidikan ini antaranya adalah model metakognisi, dapatan kajian lepas tentang metakognisi, sistem penyalaan kenderaan bermotor dan aspek-aspek lain yang berkaitan.

2.1 Model Metakognisi

Metakognisi bermaksud "mengetahui tentang mengetahui", iaitu mengetahui tentang bagaimana proses mengetahui sesuatu. Definisi tersebut diutarakan oleh pencetusnya sendiri, John H. Flavell (1979) yang mengaitkan metakognisi sebagai "knowing about knowing". Keupayaan ini membolehkan seseorang memahami dan menyedari pemikiran sendiri, selain daripada keupayaan orang lain untuk berfikir dan menilai sesuatu realiti.

Hal ini membolehkan seseorang menjangkakan tingkah laku diri sendiri dan orang lain melalui persepsi yang berterusan berkaitan emosi, sikap, dan perasaan orang lain, yang membolehkan seseorang merumuskan hipotesis tentang bagaimana mereka akan bertindak pada masa hadapan. Konsep metakognisi biasanya digunakan dalam bidang psikologi dan sains tingkah laku dan kognitif yang merujuk kepada keupayaan yang hanya terdapat pada manusia, serta untuk mengaitkan pemikiran, idea, dan pertimbangan sendiri kepada orang lain. Walau bagaimanapun, terdapat persetujuan dalam kalangan ahli akademik psikologi kognitif apabila mentakrifkan metakognisi sebagai keupayaan semula jadi dalam diri manusia.

Secara etimologi, metakognisi bermaksud sesuatu yang lebih tinggi daripada kognisi, termasuk pengetahuan tentang kognisi itu sendiri yang semakin menguatkan pengertian

metakognisi. Menurut Flavell, kognitif bererti proses mental untuk mengelola informasi dan kecerdasan tingkat tinggi lain seperti proses penyelesaian masalah (Livingston, 1997).

Flavell juga menyatakan bahawa metakognisi meliputi kegiatan mengawal secara sedar tentang proses kognitif sendiri. Metakognisi merupakan pengetahuan tentang bagaimana untuk belajar. Metakognisi juga berhubung dengan pengetahuan dan kawalan dalam proses kognitif itu sendiri. Kesannya, pengetahuan ini tidak hanya bermanfaat kepada aspek psikologi atau pendidik sahaja, tetapi bermanfaat kepada individu itu sendiri.

Bagi manusia, metakognisi mula muncul pada peringkat awal pembangunan iaitu zaman kanak-kanak. Ketika berumur tiga hingga lima tahun, kanak-kanak mula menunjukkan jawapan konkrit yang bersesuaian dengan kemampuan mereka untuk melakukan metakognisi. Pakar menunjukkan bahawa metakognisi ialah kapasiti yang terpendam dalam diri manusia sejak dilahirkan, tetapi hanya dapat 'diaktifkan' apabila mencapai peringkat matang atau keadaan yang bersesuaian sebagai tambahan kepada rangsangan kemampuan kognitif mereka. Selepas peringkat bayi, manusia sentiasa menggunakan metakognisi, dan hal ini membolehkan seseorang dapat menjangka sikap dan tingkah laku orang lain.

Walau bagaimanapun, manusia sering menggunakan metakognisi secara tidak sedar. Dalam istilah umum, konsep ini ditakrifkan sebagai cara individu menilai dan menerapkan pemikiran untuk mencerminkan cara seseorang bertindak secara tidak sedar.

Oleh itu, metakognisi membolehkan manusia memahami beberapa aspek persekitaran dan membolehkan manusia mencerminkan dan menyediakan diri dengan alat yang lebih baik untuk menjalankan keinginan dan idea tertentu. Metakognisi juga merupakan kemahiran yang membantu manusia menguruskan pelbagai proses kognitif daripada peringkat paling sederhana sehingga yang benar-benar kompleks.

Menurut Flavell (1979) metakognisi merupakan cara manusia memahami fungsi kognitif mereka sendiri dan orang lain, serta menjangkakan niat, idea, dan sikap orang lain. Konsep metakognisi juga lazim digunakan dalam bidang psikologi dan pengajaran. Dalam proses pembelajaran, sistem pendidikan harus menekankan kebolehan peribadi setiap pelajar terutamanya berkaitan cara belajar dan memahami konsep.

Oleh itu, adalah menarik untuk merumuskan kurikulum pendidikan yang menerima keperluan kognitif para pelajar dan yang merangsang kapasiti ini. Salah satu cara untuk meningkatkan metakognisi di dalam bilik darjah adalah dengan membangunkan gaya mengajar yang mengambil kira kemahiran kognitif, keupayaan, kecekapan, dan pengurusan emosi pelajar.

Justeru, hubungan yang lebih baik antara pelajar dan objek kajian dapat dicapai seterusnya menggalakkan pembelajaran yang bermakna (Flavell, 1979). Gaya pembelajaran ini haruslah bersesuaian dengan rawatan peribadi kepada pelajar. Oleh itu, teori fikiran dan metakognisi dapat membantu manusia memahami dan menjadikan pembelajaran yang lebih cekap melalui proses perancangan dan penilaian tertentu.

Dapat disimpulkan bahawa metakognitif merupakan kemampuan untuk mengetahui proses-proses berfikir dan juga mengetahui sehingga mampu mengelola dan mengawal proses pemikiran sendiri dalam aktiviti kognitif secara sedar, termasuklah pembelajaran. Metakognitif meliputi pengetahuan dan kemahiran seperti mempunyai kesedaran tentang apa yang dipelajari dan kemampuan memori serta mengetahui tentang tugasan pembelajaran yang mampu diselesaikan secara realistik. Sebagai contoh, ia bermaksud mengenal pasti sesuatu yang mustahil untuk menyelesaikan tugasan dalam satu masa, mengetahui strategi pembelajaran yang berkesan dan sebaliknya, dan menyedari tentang pembelajaran bermakna yang lebih berkesan daripada pembelajaran jangka masa panjang.

Di samping itu, proses merancang pendekatan bagi tugasan pembelajaran yang mungkin membawa kejayaan adalah penting. Misalnya, seseorang mencari tempat sunyi untuk belajar tanpa gangguan, menggunakan strategi pembelajaran berkesan, dan mengambil nota lengkap apabila bahan kuliah sukar diingati.

Pelajar juga perlu memantau pembelajaran semasa diri sendiri. Sebagai contoh, pelajar mengetahui bila maklumat itu berjaya dipelajari atau sebaliknya, mengetahui strategi berkesan untuk mengeluarkan semula maklumat yang tersimpan, dan memikirkan konteks yang sesuai bagi sesuatu maklumat yang mungkin telah dipelajari. Kebanyakan idea dan proses cara berfikir tidak diajar di dalam bilik darjah.

Oleh itu, kebanyakan pelajar akan membentuk pengetahuan dan kemahiran metakognitif dengan perlahan dan hanya dicapai setelah melalui pelbagai pengalaman pembelajaran yang mencabar. Proses metakognisi adalah konsisten dengan teori pembelajaran sosial iaitu pembelajaran regulasi kendiri yang merupakan mekanisme untuk membiasakan diri sendiri dalam aspek kehidupan, termasuklah cara belajar. pelbagai faktor untuk mengendalikan proses kognitif individu. Pengetahuan metakognitif juga merujuk kepada pengetahuan tentang kognisi secara umum dan kesedaran serta pengetahuan tentang kognisi diri sendiri.

Terdapat beberapa model metakognisi yang telah dibangunkan oleh penyelidik kajian lepas.


2.1.1 Model Metakognisi Flavell (1979)

Model metakognisi pertama yang telah diperkenalkan oleh Flavell (1979). Flavell (1979) menerangkan metakognisi sebagai pengetahuan seseorang mengenai proses kognitifnya atau sebarang perkara yang berkaitan dengan pembelajaran. Ianya dapat membantu pelajar memproses maklumat dan memantau keberkesanan strategi yang

digunakan untuk tugasan pembelajaran tertentu, dan membantu pelajar untuk belajar dengan lebih efektif.

Malangnya, kebanyakan pelajar pada semua peringkat umur mempunyai pengetahuan yang sedikit tentang kaedah pembelajaran dan ingatan yang berkesan (Gina, 2024). Model metakognitif Flavell (1979) mempunyai tiga komponen utama iaitu pengetahuan metakognitif, pengalaman metakognitif dan strategi dan matlamat. Pengetahuan metakognitif mewakili fakta dan kepercayaan yang dimiliki oleh individu mengenai faktor-faktor yang mempengaruhi aktiviti kognitif (Flavell, 1985).

Pengetahuan dicirikan sebagai pemboleh ubah orang, tugas dan strategi serta pemboleh ubah. Bagi pengalaman, metakognitif adalah respons dalaman subjektif seseorang terhadap prestasi kognitifnya. Dengan seseorang diberikan tugas, orang itu menggunakan strategi untuk melaksanakan supaya mencapai matlamat yang ditetapkan. (Flavell, 1979).



Rajah 2.1: Model Flavell Pemantauan Kognitif (Marulis, Loren, Muka Surat 5, 2014).


2.1.2 Model Metakognisi Ann Brown (1980)

Brown (1980) menakrifkan metakognitif sebagai kesedaran atau pengetahuan seseorang untuk mengawal proses berfikir dan aktiviti pembelajaran yang dilakukannya. Model Brown dalam pengetahuan dan peraturan model kognisi, ia terbahagi kepada dua kategori pengetahuan yang rapat mengenai kognisi dan peraturan kognisi. Yang pertama bermaksud mengetahui bahawa aktiviti bertaubat yang melibatkan refleksi sedar pada satu kemampuan dan aktiviti kognitif. Yang terakhir sesuai dengan aktiviti yang dipicu oleh mekanisme pengawalseliaan diri semasa usaha berterusan untuk belajar atau menyelesaikan masalah.

Istilah metakognisi yang diperkenalkan Brown oleh (1980), mendefinisikan aspek pertama dari metakognisi sebagai pengetahuan seseorang terhadap proses kognitifnya atau segala sesuatu yang berkaitan dengannya, aspek kedua metakognisi pula didefinisikan sebagai pemantauan dan pengaturan diri terhadap aktiviti kognitif sendiri. Hal ini menyebabkan bahawa metakognisi tidak selalu sama dalam berbagai bidang penelitian psikologi, dan tidak dapat dihadkan pada satu bidang psikologi saja.

Hal ini hanya dapat didefinisikan sebagai berfikir tentang berfikir atau "kognisi seseorang tentang kognisi". Metakognisi sebagai suatu bentuk kognisi, atau proses imunisasi meliputi peringkat pemikiran yang lebih tinggi, melibatkan pengendalian terhadap aktiviti kognitif. Brown (1980) menyatakan bahawa metakognisi adalah pengetahuan *(knowledge*) dan regulasi *(regulation*) pada suatu aktiviti kognitif seseorang dalam proses pembelajarannya. Brown (1980) menyatakan bahawa metakognisi mengacu pada pemahaman seseorang tentang pengetahuannya, sehingga pemahaman yang mendalam tentang pengetahuannya akan mencerminkan penggunaannya yang efektif atau huraian yang jelas tentang pengetahuan yang dipermasalahkan.

Hal ini menunjukkan bahawa pengetahuan kognisi adalah kesedaran seseorang tentang apa yang sesungguhnya diketahuinya dan regulasi kognisi adalah bagaimana seseorang mengatur aktiviti kognitifnya secara efektif (Brown, 1980). Oleh sebab itu, pengetahuan kogntif merangkumi pengetahuan deklaratif, prosedural, dan bersyarat. Sementara itu, peraturan kognitif meliputi kegiatan penilaian, pemantauan, pengujian, penetapan matlamat dan kawalan (Brown, 1979). Brown (1980) mendefinisikan metakognisi sebagai pemikiran tentang pemikiran sendiri yang merupakan interaksi antara tiga aspek penting iaitu pengetahuan tentang proses berfikir, pengawalan atau pengaturan diri, serta keyakinan dan bermatlamat sasaran. Interaksi ini sangat penting kerana pengetahuan kita tentang proses kognitif dapat membantu kita mengatur perkara-perkara di sekitar kita dan menetapkan strategi-strategi untuk meningkatkan pengetahuan kognitif kita selanjutnya (Brown,1980).



Rajah 2.2: Model Brown Metakognisi (Marulis, Loren, Muka Surat 8, 2014).

2.2 Proses Kognisi

Perkataan kognisi "*cognition*" merupakan istilah yang diambil daripada perkataan Latin iaitu "*cogno*" yang bermaksud "untuk mengetahui". Kognisi lebih menekankan perkembangan pengetahuan dan pemahaman (Clarke & Gillet, 1997). Kognisi juga merupakan satu proses intelektual di mana proses ini berlaku secara sistematik iaitu maklumat diperolehi, diolah, disimpan, diambil semula, dan akhirnya digunakan.

Konsep mengenai kognisi kadang kala sukar difahami oleh sesetengah orang, maka istilah mudah untuk merujuk kepada kognisi ialah "pemikiran". Pembelajaran pula membawa maksud perubahan tingkah laku akibat daripada pengalaman atau faktor-faktor lain seperti operasi mental (Ma'rof Reduzan & Haslinda Abdullah, 2003).

Manusia menggunakan pemikiran dalam pelbagai bentuk sama ada yang baik atau buruk. Salah satu fungsi pemikiran adalah untuk menyelesaikan masalah dan membuat keputusan (Mohamed Mahmood Nazar, 2006). Kognisi membantu menjana pengetahuan baharu diperoleh melalui proses mental yang melibatkan penggunaan pengetahuan sedia ada dalam kehidupan seharian. Proses kognisi mempunyai asas fizikal di dalam otak yang mengandungi lebih 100 bilion sel saraf dalam otak manusia yang sihat. Semua ini menjadikan otak manusia sebagai organ yang sangat rumit. Otak manusia kadang kala bergantung kepada model saintifik yang dipermudahkan, beberapa daripadanya dibangunkan melalui kajian terhadap tikus dan primat bukan manusia.

Proses kognisi dan metakognisi saling berkaitan, di mana metakognisi merujuk kepada kesedaran dan pengurusan terhadap proses kognitif itu sendiri. Dengan memahami kognisi, seseorang dapat meningkatkan kemahiran metakognisi untuk mengawal dan menyesuaikan strategi pembelajaran serta pemikiran mereka secara lebih efektif.

2.3 Dapatan kajian lepas tentang Metakognisi

Kemahiran metakognisi yang baik diperlukan agar pelajar boleh belajar dengan lebih effektif. Pishghadam dan Khajavy (2013), menemui bahawa bahawa kesedaran metakognitif yang diterapkan melalui perancangan dan pemantauan semasa proses pembelajaran dapat meningkatkan prestasi akademik pelajar.

Dalam penyelidikan mereka, Pishghadam dan Khajavy (2013) meneroka aplikasi kemahiran metakognitif dalam usaha akademik dengan mengambil kira kepelbagaian tahap kebolehan pembelajaran dalam kalangan pelajar kolej. Pelajar yang mempunyai kesedaran metakognitif didapati berjaya mengawal pembelajarannya dan menggunakat strategi metakognitif yang berkesan (Avargil et al., 2018).

Kesedaran tentang tahap metakognitif juga didapati boleh mempengaruhi pencapaian akademik pelajar (Tuononen et al., 2017). Pelajar boleh mencapai prestasi yang baik, meningkatkan kebolehan pembelajaran mereka dan menjadi berjaya dalam aktiviti pendidikan dengan membangunkan kemahiran metakognitif (Tuononen et al., 2017).

Kesukaran dalam pembelajaran timbul apabila pelajar kurang kesedaran metakognitif tentang kekuatan dan kelemahan mereka (Romainville, 1994). Kekurangan kesedaran dan kemahiran metakognitif yang diperlukan boleh menyebabkan kekeliruan dalam proses pembelajaran (Hattie, 2009).

Penyelidikan tentang kemahiran metakognitif pelajar kolej yang dikaitkan dengan prestasi akademik mereka adalah penting (James & Okpala, 2010; Livingston, 2003). Kemahiran metakognitif meningkatkan pembelajaran berkesan, mekanisme daya tindak, dan pencapaian akademik.

2.4 Sistem Penyalaan Kenderaan Bermotor

Sistem penyalaan kenderaan bermotot merupakan salah satu subjek penting dalam kurikulum kolej vokasional. Ianya merupakan sistem yang digunakan untuk membakar campuran udara-bahan api. Ia dikenali dalam bidang enjin pembakaran dalaman sebagai sistem yang digunakan pada enjin petrol yang menggerakkan kebanyakan kenderaan bermotor.

Walaiu bagaimanapun, ia juga digunakan dalam beberapa aplikasi lain seperti pada dandang berkuasa minyak atau gas, enjin roket dan sebagainya. Sistem penyalaan pertama yang menggunakan bunga api elektrik mungkin adalah pistol elektrik mainan Alessandro Volta pada tahun 1780an. Boleh dikatakan kesemua enjin petrol hari ini menggunakan bunga api elektrik untuk penyalaan.

Kebanyakan enjin empat lejang menggunakan sistem penyalaan elektrik dengan pemasa mekanikal. Jantung utama sistem ini ialah pengagih. Pengagih mengandungi sesondol berputar yang digerakkan oleh enjin, titik sesentuh, kondenser, rotor dan tudung pengagih. Di luar pengagih ialah gelung penyalaan, palam pencucuh, serta wayar- wayar yang menghubungkan gelung ke pengagih dan pengagih ke palam-palam pencucuh.

Sistem ini dikuasai oleh bateri asid-plumbum, yang dicas oleh sistem elektrik kenderaan menggunakan dinamo atau pengulang-alik. Enjin mengendalikan titik sesentuh, yang memutuskan sementara arus melalui gelung peraruh dikenali sebagai gelung penyalaan. Gegelung penyalaan terdiri daripada dua lilitan transformer yang berkongsi teras magnetik yang sama. Arus ulang-alik yang terhasil pada gelung primer mengaruh medan magnet ulang-alik pada teras gelung. Oleh kerana gelung sekunder mempunyai bilangan lilitan yang jauh lebih banyak daripada gelung primer, gelung menjadi satu transformer injak naik yang mengaruh voltan yang jauh lebih tinggi pada lilitan sekunder.

Bagi gegelung penyalaan, salah satu hujung bagi kedua-dua lilitan mesti disambungkan bersama. Titik sepunya ini disambungkan pada bateri biasanya melalui perintang balast. Hujung satu lagi pada lilitan primer disambungkan pada titik sesentuh, manakala hujung satu lagi pada lilitan sekunder disambungkan ke palam pencucuh melalui tudung pengagih.

Aturan penyalaan bermula apabila titik sesentuh tertutup. Cas elektrik yang stabil mengalir dari bateri, melalui perintang, melalui lilitan sekunder gelung, merentasi titik sesentuh dan kembali ke bateri. Arus yang stabil ini menghasilkan medan magnet pada teras gelung. Medan magnet ini membentuk satu takungan tenaga yang akan digunakan untuk mencetuskan bunga api penyalaan.

Sebaik enjin berputar, aci sesondol di dalam pengagih turut berputar. Sesondol terus berputar sehinggalah pada penghujung lejang mampatan, di mana titik sesentuh dibuka. Ia memutuskan litar lilitan primer dan menghentikan seketika arus yang melalui titik sesentuh. Tanpa arus yang stabil mengalir melalui titik sesentuh, medan magnet runtuh dengan serta-merta dan pantas. Perubahan medan magnet ini mengaruhkan voltan tinggi pada lilitan sekunder gelung.Pada masa yang sama, arus keluar dari lilitan primer gelung dan mula mengecas kapasitor "kondenser" yang terletak berhampiran titik sesentuh.

Kapasitor dan lilitan primer gelung membentuk litar LC berayun. Litar LC ini menghasilkan arus berayun terlembap yang melantunkan tenaga antara medan elektrik kapasitor dan medan magnet gelung penyalaan. Arus berayun pada lilitan primer gelung, yang menghasilkan medan magnet berayun pada gelung, memanjangkan denyutan voltan tinggi pada keluaran lilitan sekunder gelung.

Voltan tinggi ini terus mengalir melampaui masa denyutan runtuhan medan. Denyutan berterusan sehinggalah tenaga litar habis digunakan. Lilitan sekunder gelung

disambungkan pada tudung pengagih. Rotor berputar, yang terletak pada bahagian atas sesondol pemutus litar menyambungkan lilitan sekunder gelung pada salah satu daripada beberapa wayar palam pencucuh.

Voltan yang sangat tinggi daripada lilitan sekunder gelung menyebabkan bunga api terbentuk pada jurang palam pencucuh, sekaligus membakar campuran udara-bahan api termampat di dalam enjin. Pembentukan bunga api inilah yang memakan tenaga yang tersimpan pada medan magnet gelung penyalaan.

Sistem berasaskan pengagih tidah jauh berbeza daripada sistem magneto kecuali lebih banyak komponen berasingan digunakan. Terdapat beberapa kelebihan pada reka letak sebegini. Misalnya, kedudukan titik sesentuh yang berkadaran dengan sudut putaran enjin boleh diubah pada satu kadar yang kecil secara dinamik, membolehkan pemasaan penyalaan dianjakkan mengikut peningkatan putaran seminit (RPM) dan/atau peningkatan tekanan hampagas rongga masukan, memberikan lebih kecekapan dan prestasi.

Namun demikian, adalah amat mustahak untuk melakukan pemeriksaan bukaan maksimum jurang titik sesentuh secara berkala, menggunakan alat pengesan, memandangkan pelarasan mekanikal memberi kesan terhadap masa mengecas gelung. Titik sesentuh mesti ditukar sekiranya ia terlalu haus atau berlekuk akibat arka elektrik. Sistem sebegini digunakan secara meluas sehingga lewat 1970 an, semasa sistem penyalaan elektronik muncul. Fungsi sistem penyalaan adalah untuk menghasilkan percikan bunga api untuk pembakaran bahan api petrol. Tenaga daripada pembakaran minyak petrol akan seterusnya menggerakkan omboh dan menghasilkan kuasa bagi enjin. Sistem penyalaan hanya terdapat pada enjin petrol sahaja kerana pada enjin diesel, minyak diesel dibakar dengan menggunakan mampatan udara bertekanan tinggi yang turut menaikkan suhu sehingga minyak diesel terbakar.

2.5 Penyelesaian Masalah

Penyelesaian masalah merupakan sebahagian daripada pemikiran dan dianggap sebagai fungsi intelektual yang paling kompleks. Penyelesaian masalah ditakrifkan sebagai satu proses kognitif peringkat tinggi dan memerlukan penguasaan kemahiran yang lebih asas atau rutin yang lebih mendalam (Goldstein & Levin, 1987).

Penyelesaian masalah berlaku apabila sesuatu organisma atau sistem kecerdasan buatan tidak tahu bagaimana untuk bergerak daripada satu keadaan yang diberikan kepada satu keadaan sasaran yang diingini. Ia juga merupakan sebahagian daripada proses masalah yang lebih besar, yang merangkumi proses pencarian dan pembentukan masalah.

2.5.1 Penyelesaian Masalah Sistem Penyalaan Kenderaan Bermotor

Proses kognitif yang mendasari percubaan peserta untuk menyelesaikan beberapa masalah mudah merupakan lambangan proses yang digunakan ketika mereka mengatasi masalah tersebut (Newell & Simon, 1972).

Broadbent (1977) menekankan perbezaan antara proses-proses penyelesaian masalah kognitif yang beroperasi dalam keadaan kesedaran dengan proses-proses di luar kesedaran. Dörner (1975) pula menumpukan perhatiannya kepada komponen-komponen kognitif, dorongan, dan sosial yang saling mempengaruhi satu sama lain dalam aspek penyelesaian masalah.

2.5.2 Penyelesaian Masalah Tugas Pembelajaran

Penyelesaian masalah sistem penyalaan kenderaan ialah proses pelbagai langkah yang melibatkan pemahaman konsep pengujian sistem penyalaan kenderaan dan kemahiran pengujian, khususnya berkaitan pengujian motor penghidup (Kuo et al., 2013) dan menggalakkan penggunaan strategi metakognitif (Abdullah et al., 2013). Proses penyelesaian masalah teknologi automotif juga melibatkan pemahaman fenomena yang

dihadapi, memilih konsep atau persamaan yang sesuai, dan menjana idea konseptual supaya matlamat dapat dicapai dengan baik (Kuo et al., 2013). Penyelesaian masalah teknologi automotif juga memerlukan pengetahuan kandungan teknologi automotif dan penyelesaian masalah berdasarkan strategi (Nandagopal & Ericsson, 2012).

Walaupun terdapat aspek penyelesaian masalah teknologi automotif yang beroperasi menggunakan pemahaman konsep, pelajar tidak semestinya memperoleh pemahaman konsep daripada pembelajaran untuk menyelesaikan sesuatu masalah (Fink & Mankey, 2010; Kim & Pak, 2002; Mulhall & Gunstone, 2012).

Pelajar yang boleh menyelesaikan masalah dengan betul secara pantas mungkin tidak memahami asas konsep teknologi automotif dengan sepenuhnya (Nandagopal & Ericsson, 2012). Hal ini mewujudkan jurang dalam pengetahuan antara penggunaan persamaan dan konsep teknologi automotif yang berkaitan (Kim & Pak, 2002).

Ramai pelajar cuba mencari persamaan yang sesuai tentang masalah mereka dan bukannya konsep asas semata-mata (Shaipul, Mohd & Hainol, 2018). Sebaliknya, pelajar yang berjaya memahami teknologi automotif dapat memilih alat yang diperlukan untuk menyelesaikan masalah dengan lebih baik.

Pelajar cenderung untuk mengenal pasti, mentakrif, dan mewakili masalah yang dihadapi dari sudut perkara yang sudah diketahui (Pretz et al., 2003). Hal ini menyebabkan berlakunya masalah apabila pengetahuan dan pengalaman mereka yang terdahulu tidak selari dengan konsep saintifik yang ditangani dalam bidang teknologi automotif. Jika penilaian kendiri menunjukkan bahawa pelajar tidak berpuas hati dengan pengetahuan sedia ada, pelajar akan memulakan proses perubahan konsep tertentu (Dole & Sinatra, 1998; Posner et al., 1982). Proses perubahan konsep menjadi lebih produktif jika ia berfungsi untuk menggerakkan pelajar ke arah konsep yang diterima secara saintifik. Pelajar menyelesaikan

masalah berkaitan teknologi automotif dalam kumpulan berdasarkan tugasan yang diberikan. Penyelesaian masalah yang berjaya bergantung kepada kedua-dua faktor kognitif dan bukan kognitif.

Jelaslah bahawa kekurangan kawalan boleh memberi kesan buruk terhadap prestasi penyelesaian masalah. Kategori kerjasama pula terdiri daripada pendekatan yang menggunakan pemecahan masalah secara berpasangan atau sesi penyelesaian masalah berkumpulan. Harapan terhadap pendekatan sedemikian adalah agar sesi-sesi tersebut dapat memberi peluang kepada pelajar untuk berkongsi idea antara satu sama lain dan membolehkan mereka berlatih, membincangkan, dan memperbaiki kemahiran tertentu.

Proses penyelesaian masalah terdiri daripada peringkat pembacaan, analisis, eksplorasi, perancangan, pelaksanaan, dan pengesahan. Dengan menggunakan proses heuristik, terdapat keperluan penggunaan kemahiran metakognitif yang cekap dan ciri khas kepakaran penyelesaian masalah, tetapi bukan untuk kebanyakan pelajar. Menurut kajian Schoenfeld (1985, 1992), kebanyakan pakar menggunakan sebahagian besar masa mereka untuk memikirkan masalah dan menganalisis tugasan yang diberikan.

Mereka memantau penyelesaian masalah mereka secara berterusan pada peringkat metakognitif. Berbeza dengan penyelesaian masalah pakar, kebanyakan pelajar cenderung untuk membaca masalah dan memutuskan pendekatan yang boleh digunakan dengan cepat bagi mencari penyelesaian.

Pelajar cenderung untuk meneruskan usaha penyelesaian yang pertama kali terlintas dalam fikiran mereka tanpa mempertimbangkan alternatif lain (Schoenfeld, 1985; 1992).

Kajian yang dilakukan oleh Schoenfeld, Polya, Garofalo, dan Lester (1985) membentangkan model yang lebih meluas berkaitan metakognisi dan proses penyelesaian masalah teknologi automotif. Ia terdiri daripada tingkah laku metakognitif mengenai

orientasi, organisasi, pelaksanaan, dan pengesahan yang berkaitan (Metacalfe & Kornell, 2003). Fasa pengesahan merangkumi kedua-dua penilaian keputusan yang dibuat pada permulaan penyelesaian masalah. Contohnya, perkara yang ditanya dalam masalah untuk menilai tahap kesukaran tugas dan penilaian pelaksanaan semasa dan selepas menyelesaikan masalah.

Artzt dan Armor-Thomas (1992) mencadangkan sintesis Garofalo dan Lester, langkah- langkah penyelesaian masalah Schoenfeld dan Polya dalam psikologi kognitif, dan idea Flavell (1979) berkaitan metakognisi. Mereka mencadangkan proses kognitif dan metakognitif untuk memeriksa penyelesaian masalah teknologi automotif yang terdiri daripada tindakan membaca proses kognitif, memahami dan menganalisis proses metakognitif, eksplorasi proses kognitif dan metakognitif dalam perancangan metakognitif, dan pelaksanaan dan pengesahan kognitif.

Proses metakognitif dianggap sebagai proses yang berbeza tetapi bertindih antara satu sama lain (Veenman et al., 2006), iaitu kognisi berkaitan pelaksanaan tugas dan metakognisi berkaitan pemantauan dan pengawalan proses tugas pembelajaran teknologi automotif (Brown, 1987; Flavell, 1979).

Penyelesaian masalah merupakan salah satu daripada proses kognitif dan pembelajaran yang dilakukan oleh organisma atau makhluk hidup.Sebelum memahami konsep penyelesaian masalah dari sudut psikologi, pemahaman tentang kognisi dan pembelajaran diperlukan kerana penyelesaian masalah mempunyai perkaitan rapat dengan keupayaan kognitif manusia dan pembelajaran yang diperoleh daripada pengalaman lalu.

Dalam menyelesaikan sesuatu masalah, manusia sering menggunakan pengalaman lalu yang diperoleh melalui proses pembelajaran untuk mengatasi masalah berdasarkan

situasi semasa. Dalam kehidupan seharian pula, manusia memerlukan cara untuk mengatasi masalah atau kesukaran yang dihadapi.

Cara yang diambil bagi menyelesaikan masalah tersebut dikenali sebagai penyelesaian masalah. Penyelesaian masalah adalah penting untuk menjadikan hidup lebih sejahtera, sungguhpun tidak semua masalah yang dihadapi dapat diselesaikan secara menyeluruh. Namun dengan adanya penyelesaian masalah, kesulitan hidup mampu dikurangkan.

Menurut Clarke dan Gillet (1997), masalah didefinisikan sebagai rintangan yang boleh menghalang seseorang daripada mencapai matlamat yang diingini. Dalam erti kata lain, jika seseorang berhasrat untuk mencapai sesuatu tetapi tidak mempunyai idea untuk melakukannya, maka individu tersebut dikatakan berada dalam keadaan bermasalah. Kesannya, apabila berhadapan dengan halangan, individu akan menggunakan penyelesaian masalah yang memerlukan proses berfikir dan membuat keputusan.

Proses menyelesaikan masalah juga bermaksud seseorang memutuskan tindakan yang akan mengubah situasi kepada yang lebih baik (Cohen & Stemmer, 2007). Terdapat beberapa definisi yang menerangkan konsep penyelesaian masalah ini. Oleh kerana kepentingan penyelesaian masalah dalam kehidupan seharian, ramai tokoh daripada pelbagai bidang khususnya ahli-ahli psikologi telah mengkaji dan mengutarakan pandangan masing-masing mengenai penyelesaian masalah. Pandangan yang diutarakan termasuklah langkah-langkah penyelesaian dan strategi-strategi yang boleh diambil ketika melakukan penyelesaian masalah. Terdapat beberapa teknik atau strategi yang boleh diambil untuk mencapai penyelesaian yang baik. Salah satu strategi yang akan difokuskan dalam perbincangan ini ialah strategi heuristik, di mana tumpuan akan diberikan kepada sejauh mana strategi ini memainkan peranannya dalam proses penyelesaian masalah.

2.5.3 Penyelesaian Masalah Capai Matlamat

Secara umumnya, penyelesaian masalah merupakan satu proses, kaedah, tingkah laku, atau cara yang dilakukan oleh seseorang untuk mengatasi masalah yang dihadapi. Menurut Ma'rof Redzuan dan Haslinda Abdullah (2003), penyelesaian masalah ialah usaha untuk mencari cara yang sesuai dan berkesan dalam mencapai sesuatu matlamat.

Azlena Zainal dan Munir Shuib (2004) pula menerangkan bahawa penyelesaian masalah meliputi usaha untuk mencari jalan atau strategi yang dapat mencapai matlamat yang belum dicapai. Ahli-ahli psikologi kognitif melihat penyelesaian masalah sebagai satu tahap pemprosesan maklumat. Kebanyakan ahli psikologi kognitif berminat untuk memahami perkara yang berlaku dalam minda manusia apabila mereka menyelesaikan masalah dan bagaimana mereka mengendalikan maklumat untuk menyelesaikan masalah tersebut.

Alan Newell dan Herbert Simon (1972) merupakan dua orang ahli psikologi kognitif yang menjadi pendukung kepada pendekatan pemprosesan maklumat berkaitan penyelesaian masalah. Mereka merujuk kepada konsep masalah dengan menggunakan istilah "ruang masalah".

Terdapat empat elemen yang terkandung dalam sesuatu masalah, yang pertama dikenali sebagai "ruang permulaan" iaitu keadaan bermulanya sesuatu masalah. Elemen kedua ialah "ruang matlamat" yang merujuk kepada berakhirnya sesuatu masalah. Elemen ketiga pula dikenali sebagai "ruang perantaraan" iaitu pelbagai keadaan yang wujud di sepanjang laluan antara "ruang permulaan" dan "ruang matlamat". Seterusnya ialah elemen "operasi", di mana ia merupakan pergerakan yang dilakukan untuk menyelesaikan masalah (Clarke & Gillet, 1997). Sehingga hari ini, tiada penemuan yang benar-benar dapat

menerangkan sepenuhnya mengenai perkara yang terlibat apabila individu menyelesaikan masalah yang dihadapi.

Walau bagaimanapun, ramai ahli psikologi berpendapat bahawa perkara tersebut dialami oleh manusia apabila adanya kesedaran bahawa masalah telah wujud dan mempunyai kepercayaan bahawa strategi tertentu boleh digunakan. Justeru, pelaksanaan bersesuaian akan difikirkan dan penyelesaian yang dapat memuaskan hati boleh dicapai.

2.6 Penyelesaian Masalah dalam Bidang TVET

Bagi memenuhi keperluan sektor automotif negara, pelajar dilatih untuk bekerja secara individu. Hal ini termasuklah membuat overhaul secara individu, mengenal pasti kerosakan dan cara baik pulih, menyediakan laporan teknikal kerja dan juga ujian praktikal. Di peringkat ini, pelajar sepatutnya sudah mahir untuk melaksanakan kerja berat bersendirian tanpa memerlukan pemantauan. Contohnya menukar *timing belt*, *top overhaul* (angkat *head*), *general overhaul, water pump*, dan *clutch plate*. Pelajar tidak akan menghadapi masalah secara individu dalam bekerja kerana pada peringkat ini, 80 peratus pembelajaran adalah berbentuk amali, praktikal atau *hands-on* yang dilakukan di bengkel.

Hanya 20 peratus sahaja yang melibatkan teori. Pada peringkat ini, pelajar telah diajar dengan menggunakan kenderaan sebenar. Konsepnya adalah membaiki kenderaan yang rosak sehingga pulih dan boleh digunakan semula. Pendidikan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) menekankan pendidikan yang berasaskan kemahiran praktikal dan teknikal yang diperlukan dalam industri. Terdapat banyak kelebihan dalam memilih TVET sebagai pilihan laluan pendidikan, antaranya adalah lulusan TVET berupaya menerima gaji progresif yang lebih tinggi dalam industri. Kajian menunjukkan sebanyak 73 peratus majikan melaporkan bahawa mereka mengalami kesukaran dalam mencari pekerja yang mempunyai kemahiran yang bersesuaian.

Perkara ini membuktikan keperluan graduan untuk mempunyai kemahiran praktikal yang relevan dengan keperluan pasaran pekerjaan. TVET juga memberi impak yang positif dalam meningkatkan kebolehpasaran graduan negara. Menurut laporan Kementerian Sumber Manusia, sebanyak 91.6 peratus graduan TVET telah berjaya mendapatkan pekerjaan dalam masa enam bulan selepas tamat belajar.

Kursus-kursus TVET memberi peluang kepada pelajar untuk mempraktikkan kemahiran mereka dan mendapatkan pengalaman sebenar dalam industri. Graduan TVET mempunyai kelebihan dan boleh memperoleh gaji yang lumayan. Kemahiran teknikal yang dimiliki oleh graduan TVET sangat diperlukan oleh majikan kerana mereka memberikan nilai tambah dan menyumbang kepada pembangunan syarikat.

Selain itu, permintaan yang tinggi untuk tenaga kerja yang mempunyai kemahiran teknikal meningkatkan peluang graduan TVET untuk memperoleh gaji progresif dalam kerjaya mereka. Kelebihan utama TVET ialah menyediakan pelajar dengan latihan dan pengalaman praktikal yang diperlukan untuk mempersiapkan diri mereka sebelum memasuki pasaran pekerjaan.

2.6.1 Pembelajaran Praktikal TVET

Latihan praktikal membolehkan pelajar memahami kemahiran yang diperlukan oleh majikan. Antara kelebihan TVET ialah ia menekankan pembelajaran praktikal yang membekalkan pelajar dengan kemahiran teknikal yang boleh diterapkan dalam bidang-bidang tertentu seperti pembuatan, peruncitan, perkhidmatan, pertanian, dan pelancongan. Pelajar TVET yang mempunyai kemahiran praktikal sangat diperlukan oleh majikan kerana mereka boleh memberikan nilai tambah kepada syarikat dalam pelaksanaan tugas-tugas operasi. Selain daripada bidang ICT, industri pembuatan, automotif, kejuruteraan, dan

pembinaan merupakan antara bidang industri yang memerlukan kemahiran praktikal yang tinggi.

Selain daripada kemahiran teknikal, graduan TVET mempunyai keupayaan untuk mengendalikan tugasan yang kompleks dan kemahiran interpersonal yang baik. Kursus-kursus TVET juga sering melibatkan projek-projek yang menguji kemahiran pelajar dalam menyelesaikan masalah secara kreatif dan kerjasama dalam kumpulan.

Pada masa yang sama, pelajar TVET diberikan latihan komunikasi secara berkesan dan bekerja dalam kumpulan yang penting dan diguna pakai dalam dunia pekerjaan. Hal ini membolehkan graduan TVET untuk menunjukkan kemahiran interpersonal yang kuat dan dapat berinteraksi dengan rakan sekerja dan pelanggan dengan lebih baik.

Keupayaan ini sangat diperlukan oleh majikan kerana graduan yang mampu beradaptasi dengan baik dalam persekitaran kerja dapat menjalankan tugas dengan lebih berkesan. Selain itu, pelajar TVET mempunyai peluang untuk membina pengalaman dalam industri semasa sesi praktikal.

Ia memberi pelajar peluang untuk meningkatkan kemahiran dalam bidang yang diminati dan memperoleh lebih banyak kemahiran dan pengalaman. Di samping itu, pelajar TVET memiliki peluang untuk mendapatkan pekerjaan dalam industri berkaitan bidang yang diceburi. Sebagai contoh, kerajaan Malaysia telah melancarkan beberapa program TVET seperti Program Pembangunan Kemahiran Industri (ILDP), Program Pembangunan Kemahiran Malaysia (DSD), dan Program Pembangunan Kemahiran Luar Bandar. Program-program ini memberi pelajar TVET peluang untuk mempelajari kemahiran praktikal dalam bidang-bidang seperti peruncitan, pembuatan, perkhidmatan, pertanian, dan pelancongan. Pelajar TVET yang tamat menjalani program-program ini mempunyai peluang yang baik untuk memperoleh gaji yang tinggi dan berjaya dalam kerjaya mereka.

Teaching Factory merupakan kaedah yang terbukti berkesan dalam menyokong penglibatan industri dalam pendidikan TVET. Ia melibatkan keberadaan industri yang terbabit dalam premis institusi pendidikan tinggi TVET untuk memastikan pengajaran dan pembelajaran (PdP) dalam persekitaran industri sebenar dapat dilaksanakan.

2.6.2 Pembelajaran Berasaskan Kerja

Pembelajaran Berasaskan Kerja (WBL) mampu dijalankan dengan pembabitan secara langsung pihak industri dalam proses PdP di institusi pengajian TVET. Penglibatan industri secara langsung menjadi kunci kejayaan Teaching Factory kerana industri dapat memberikan input dari segi pengetahuan dan kemahiran teknologi berdasarkan trend industri terkini.

Melalui *Teaching Factory*, pelajar TVET dapat mempelajari kemahiran dan pengetahuan yang relevan dengan keperluan industri masa kini. *Teaching Factory* sangat membantu pelajar untuk memperoleh pengalaman praktikal dalam persekitaran industri sebenar dari segi pemilihan bahan, proses pembuatan hingga pengujian produk akhir. TVET menjurus kepada proses pendidikan dan latihan yang mempunyai hala tuju pekerjaan dengan penekanan utama terhadap amalan industri.

Ia bertujuan untuk menghasilkan tenaga kerja yang kompeten dalam bidang-bidang tertentu. Skop TVET hendaklah berdasarkan standard pekerjaan yang diiktiraf, dengan penekanan kepada komponen praktikal, kemahiran psikomotor, dan latihan dalam industri. TVET diperkenalkan bagi memenuhi permintaan industri dan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi selaras dengan globalisasi ekonomi berasaskan pengetahuan, kemajuan teknologi, dan mobiliti tenaga kerja global. Jawatankuasa Kabinet Pemerkasaan TVET (JKKP TVET) telah menggariskan enam tonggak penting dalam rangka kerja yang mendukung strategi dan inisiatif bagi mendorong perubahan dalam pendidikan TVET.

Hal ini bukan sahaja dapat menghasilkan model insan yang berkemahiran tetapi mampu berfikir secara kritikal dan matang. Enam bidang teras tersebut ialah graduan berkualiti TVET, tadbir urus responsif dan mampan, pemacu teknologi, sistem pendidikan TVET, kerjasama industri dan masyarakat, serta penyelidikan dan inovasi. Kerjasama antara institusi dan industri adalah program di mana pihak institusi pendidikan berganding bahu dengan pihak industri dalam bidang latihan kemahiran penyelidikan atau proses pengajaran dan pembelajaran.

Kerjasama ini memberi kebaikan dan keuntungan kepada kedua-dua belah pihak termasuklah pelajar yang terlibat secara langsung dalam membangunkan sumber manusia yang berkualiti dan kompeten. Sebagai usaha untuk mengarusperdanakan bidang teknikal dan vokasional yang berkualiti, kerjasama antara pihak institusi dan industri menjadi salah satu usaha yang mampu memberi kebaikan kepada pelbagai pihak terutamanya dalam memacu pertumbuhan ekonomi negara. Kerjasama ini dapat memberi kesan kepada kebolehpasaran graduan, peningkatan kualiti kemahiran graduan, dan peningkatan mutu kurikulum kemahiran teknikal dan vokasional.

Kepentingan kerjasama antara institusi pendidikan dan industri dalam bidang pendidikan juga menjadi keperluan dalam beberapa dasar pembangunan kerajaan seperti di bawah Rancangan Malaysia ke-10 (RMK-10), Pelan Strategi Pembangunan Pendidikan Tinggi Negara (PSPTN), dan Program Transformasi Ekonomi Negara.

Malaysia yang progresif dan makmur kini berada dalam usaha terancang untuk berubah daripada sebuah negara membangun kepada negara maju. Oleh itu, isu, cabaran, dan harapan yang berkait rapat dengan pengurusan organisasi dan perkhidmatan di Malaysia menjadi salah satu topik perbincangan yang sering dibahaskan sama ada di peringkat kebangsaan mahupun forum-forum anjuran pihak kerajaan dan bukan kerajaan.

Pengurusan organisasi dan perkhidmatan di Malaysia sebenarnya berkait rapat dengan kemantapan dan kehebatan sistem pendidikan latihan teknikal dan vokasional negara. Hal ini kerana sumber manusia yang terlatih dan berkemahiran menjadi nadi penggerak utama serta merupakan hasil daripada sistem pendidikan yang mantap dan berkualiti.

Secara tidak langsung, kemampuan sumber manusia dalam pengurusan organisasi dan perkhidmatan telah mengaitkan sistem pendidikan latihan teknikal dan vokasional dengan corak kemajuan dalam pengurusan dan perkhidmatan sesebuah organisasi atau negara, khususnya di Malaysia. Oleh itu, jika Malaysia ingin mencapai kemajuan dalam aspek pengurusan organisasi dan perkhidmatan, maka satu gerakan secara tersusun dan bersepadu di semua peringkat perlu dilakukan untuk memperkasakan sistem latihan teknikal dan vokasional sedia ada.

Namun begitu, terdapat beberapa isu yang menjadi cabaran kepada usaha untuk memperkasakan sistem latihan teknikal dan vokasional. Hal ini disebabkan oleh harapan yang tinggi diletakkan oleh pelbagai lapisan masyarakat untuk menyaksikan kemajuan dalam pengurusan organisasi dan perkhidmatan di Malaysia. Pendidikan latihan teknikal dan vokasional juga merupakan salah satu cabang pendidikan yang ditawarkan pada masa kini. Ia diwujudkan untuk memberikan peluang kepada pelajar yang mempunyai kecenderungan dalam bidang pendidikan sains dan teknologi bagi memenuhi keperluan tenaga kerja di industri baik di dalam mahupun di luar negara.

2.6.3 Usaha-Usaha Menyelesaikan Masalah TVET

Bagi merealisasikan program pendidikan teknikal ini, banyak program berkaitan telah diwujudkan dan ditawarkan di Malaysia. Sistem latihan juga telah diperkenalkan di peringkat sekolah menengah sehingga peringkat universiti. Usaha-usaha ini dilakukan bagi

membolehkan pelajar-pelajar yang berpotensi dilatih untuk menjadi tenaga kerja profesional dan separa profesional dalam pelbagai bidang teknologi dan kejuruteraan.

Pendidikan latihan teknikal dan vokasional sebenarnya dapat membantu pelajar yang tercicir dalam pelajaran bersifat akademik tetapi berpotensi besar untuk menjadi insan yang cemerlang dalam bidang kemahiran dan seterusnya menjana ekonomi negara secara keseluruhan. Merujuk kepada portal rasmi Bahagian Pendidikan Teknikal dan Vokasional, Dasar Pendidikan Teknikal dan Vokasional (PTV) Kementerian Pendidikan Malaysia memberikan akses, ekuiti, dan pendidikan yang berkualiti kepada pelajar yang mempunyai kecenderungan, kebolehan, minat, dan bakat dalam bidang teknikal, vokasional, dan kemahiran.

Dalam program pemerkasaan pendidikan latihan teknikal dan vokasional ini, pihak kerajaan berhasrat untuk melonjakkan kecemerlangan pelajar sehingga mengangkat nama dan sistem pendidikan negara di mata dunia. Diharapkan bahawa program memperkasakan pendidikan latihan teknikal dan vokasional ini dapat mengurangkan kadar keciciran pelajar dalam sistem persekolahan dan menambah jumlah modal insan yang berkemahiran untuk membantu pembangunan negara.

Dasar Pendidikan Negara sememangnya dapat menampung keperluan sumber manusia pada masa kini dan masa hadapan. Ia selaras dengan hasrat negara untuk mencapai tahap negara perindustrian yang berjaya. Oleh itu, rakyat perlu diberikan pendidikan yang selaras dengan keperluan kerajaan dan sektor swasta dalam bidang-bidang tertentu seperti pengeluaran, pelancongan, perkhidmatan, dan sebagainya. Justeru, dasar ini bukan sahaja dapat memenuhi keperluan tenaga manusia dari segi kuantiti, tetapi juga dari segi kualiti. Perkembangan pertumbuhan ekonomi Malaysia telah berjaya mencatatkan kadar pertumbuhan yang tinggi sejak tahun 1988, iaitu melebihi 7.5 peratus setahun yang memberi

kesan besar ke atas permintaan tenaga manusia khususnya tenaga kerja profesional, mahir, dan separa mahir (Rahmah & Ishak, 1995).

Perkara ini sememangnya memberikan cabaran yang besar kepada sistem pendidikan negara, terutamanya bidang pendidikan latihan teknikal dan vokasional, untuk membekalkan tenaga kerja yang berkemahiran dan dan berkeupayaan. Ia juga disokong oleh Rancangan Malaysia ke-Enam (1991-1995). Fasa pertama dalam Rancangan Malaysia ke-Enam telah menempatkan pembangunan guna tenaga manusia sebagai aspek utama dan dasar strategik bagi membentuk Malaysia ke arah sebuah negara perindustrian (Siti & Nor Azizah, 1995).

Memandangkan tumpuan pembangunan negara lebih terarah kepada sektor perindustrian dan pembuatan, maka pendidikan latihan teknikal dan vokasional perlu menyediakan suatu bentuk sistem pendidikan dan latihan yang selaras dengan keperluan industri dan pasaran semasa. Proses ini penting untuk melahirkan sumber tenaga manusia yang berkemahiran, bermotivasi tinggi, cekap, dan produktif dalam organisasi dan perkhidmatan, khususnya di Malaysia.

Isahak (1992) menegaskan bahawa tenaga manusia yang diperlukan dalam pengurusan organisasi yang berasaskan industri adalah tenaga manusia yang cekap dan profesional, berfikiran terbuka untuk menerima dan mengkaji maklumat, dan dapat melakukan penyesuaian dengan pantas. Memandangkan aktiviti perindustrian pada masa hadapan adalah berteraskan teknologi tinggi, maka pihak kerajaan dan swasta yang terlibat dengan pendidikan latihan teknikal dan vokasional harus membuat perancangan yang teliti dan komprehensif demi mewujudkan sistem pendidikan yang baik dan mampu memenuhi keperluan semasa.

Walaupun sektor pendidikan dikatakan dapat membantu mengekalkan daya saing negara melalui peningkatan tahap kemahiran manusia, sekiranya perkembangan sektor

tersebut tidak selaras dengan keperluan perkembangan ekonomi negara, peranan ini akan terjejas.

Jika perkembangan semasa memerlukan kewujudan sebuah masyarakat yang berteknologi tinggi, maka trend pendidikan yang dibangunkan pada masa ini haruslah berupaya memenuhi tuntutan tersebut. Melihat kepada objektif penubuhan sekolah teknikal dan vokasional, jelas bahawa ia bertujuan untuk melatih para pelajar dengan ilmu kemahiran serta memberi pendedahan kepada suasana pekerjaan yang sebenar.

Keadaan ini dapat membantu dalam membentuk lapisan tenaga sumber manusia yang hebat dalam organisasi dan perkhidmatan. Pendidikan latihan teknikal dan vokasional juga berperanan sebagai sistem alternatif bagi menyediakan latihan pendidikan bercorak kemahiran pra-vokasional dalam usaha untuk memenuhi permintaan pasaran pekerjaan pada masa hadapan.

2.6.4. Memperkasakan Kemahiran Teknikal TVET

Kemahiran teknikal yang dimiliki oleh graduan TVET sangat diperlukan oleh majikan kerana mereka dapat memberikan nilai tambah dan seterusnya menyumbang kepada kemajuan syarikat. Selain itu, permintaan yang tinggi terhadap tenaga kerja yang mempunyai kemahiran teknikal membolehkan graduan TVET mempunyai peluang untuk memperoleh pendapatan lumayan dalam kerjaya mereka.

Kelebihan utama TVET adalah ia menyediakan pelajar dengan latihan dan pengalaman praktikal yang diperlukan untuk mempersiapkan diri mereka memasuki pasaran pekerjaan. Latihan praktikal ini membolehkan pelajar memahami kemahiran yang diperlukan oleh majikan.

Salah satu kelebihan TVET ialah ia menekankan pembelajaran praktikal yang membekalkan pelajar dengan kemahiran teknikal yang boleh diterapkan dalam bidang-

bidang tertentu seperti pembuatan. Selain daripada bidang ICT, industri pembuatan, automotif, kejuruteraan, dan pembinaan adalah contoh-contoh bidang industri yang memerlukan kemahiran praktikal yang tinggi.

2.7 Pembelajaran Kolaboratif

Kamus Dewan (2005: 805) mencatatkan maksud "kolaboratif" sebagai erat dari segi kerjasama antara dua pihak atau lebih. Definisi ini merujuk kepada kerjasama ke arah melaksanakan aktiviti yang mendatangkan kebaikan.

Dalam pembelajaran kolaboratif, aktiviti kumpulan tidak dipantau secara langsung oleh guru; pelajar menyelesaikan masalah bersama dan guru hanya membimbing ke arah penyelesaian. Pendekatan ini mengurangkan beban guru dan mempersiapkan pelajar untuk dunia profesional yang lebih mementingkan kerjasama dan kerja berpasukan.

Pembelajaran kolaboratif juga menggalakkan perkembangan kognitif pelajar, integrasi antara budaya, agama, dan adat, serta membina keyakinan diri. Ia membantu mengurangkan kebimbangan dan meningkatkan harga diri dalam persekitaran yang lebih harmonis.

Pelajar dapat berfikir, berlatih, dan memberi maklum balas dengan sokongan rakan sebaya. Selain itu, pembelajaran ini mengurangkan kebergantungan kepada guru, dengan rakan sebaya membantu menyelesaikan masalah yang timbul. Dalam kumpulan, setiap ahli bertanggungjawab secara individu untuk pencapaian bersama, dengan peluang dan tanggungjawab yang setara. Pembelajaran kolaboratif mendorong kesedaran tentang pentingnya kerjasama dan membantu pelajar mengembangkan kebolehan mereka melalui interaksi. Dalam masyarakat yang semakin kompleks, kerjasama menjadi elemen penting untuk menangani masalah dan memanfaatkan kepelbagaian sebagai sumber pendidikan yang berharga.

2.7.1 Pembelajaran Berkumpulan

Pembelajaran secara kolaboratif membawa maksud aktiviti pembelajaran sekumpulan pelajar di bawah bimbingan guru dengan pertukaran idea melalui perbincangan atau kemahiran masing-masing bagi menyelesaikan masalah atau menjalankan sesuatu projek yang ditugaskan. Dalam erti kata lain, pengajaran dan pembelajaran secara kolaboratif merujuk kepada strategi dan kaedah mengajar di mana guru membimbing pelajar dalam kumpulan yang berkebolehan, bekerjasama, dan tolong-menolong untuk menyelesaikan sesuatu kerja kursus atau projek yang diberikan.

Dapat dilihat bahawa kaedah iaitu kolaboratif merupakan suatu kaedah pengajaran dan pembelajaran yang digunakan oleh guru dengan membentuk kumpulan di dalam kelas, di mana tugas guru hanya sebagai pembimbing.

2.7.2 Kaedah Pembelajaran Kolaboratif

Kaedah pembelajaran kolaboratif ialah satu proses yang menggalakkan pelajar melibatkan diri dalam aktiviti yang diadakan secara langsung atau berurutan dengan beberapa orang pelajar yang lain. Pembelajaran ini juga menekankan konsep bahawa setiap pelajar belajar daripada pelajar lain (Rouhollah et al., 2017).

Hal ini disokong oleh definisi daripada seorang tokoh iaitu Pantiz (1996), *"Collaboration is a philosophy of interaction and personal lifestyle whereas cooperation is a structure of interaction designed to facilitate the accompolishment of an end product or goal".* Jelas sekali di sini apabila Pantiz dan Myers telah mengutarakan bahawa pembelajaran kolaboratif mementingkan kerjasama ahli kumpulan atau interaksi mereka, manakala kerjasama adalah struktur interaksi yang direka untuk memudahkan pencapaian produk atau matlamat tertentu. Selain itu, kaedah pembelajaran kolaboratif menyelaras usaha sama dan berunding sesama ahli kumpulan tentang peranan masing-masing untuk

mengkritik dan membincangkan tugasan. Takrifan kaedah pembelajaran kolaboratif ialah suatu pembelajaran berkumpulan yang mempunyai tujuan untuk menyelesaikan suatu masalah dengan menitikberatkan konsep melakukannya secara bersama-sama dan mengamalkan kepentingan hubungan interaksi dalam ahli kumpulan.

Hal ini kerana pembelajaran kolaboratif itu sendiri mementingkan hubungan interaksi antara ahli kumpulan dan bukannya hasil akhir sesuatu tugasan. Dalam konteks yang lain, dinyatakan bahawa kuantiti amat dititikberatkan berbanding kualiti. Jadi, pembelajaran ini mengharapkan agar semua ahli kumpulan bekerjasama dalam menyelesaikan tugasan yang diberikan.

Banitz (1996) telah mengutarakan pendapatnya mengenai penaksiran tugasan dalam kaedah pembelajaran kolaboratif. Perkara pertama yang perlu ditaksirkan ialah pengetahuan asas yang diperlukan dalam sesuatu tugasan atau penyelesaian masalah. Perkara kedua ialah aplikasi daripada pengetahuan untuk menyelesaikan masalah.

Perkara ketiga pula menghubungkaitkan jawapan pelajar kepada situasi, tugasan, atau permasalahan baharu (pertanyaan pelajar dijadikan sebagai permasalahan supaya dapat diselesaikan bersama-sama). Perkara keempat dalam menilai atau mentafsir tugasan dalam kaedah pembelajaran kolaboratif ialah kebolehan pelajar untuk membuat persoalan berdasarkan konsep yang sedang dipelajari. Akhir sekali, antara perkara yang perlu dikaji dalam pentaksiran dan penilaian tugasan dalam kaedah pembelajaran kolaboratif ini ialah kebolehan pelajar untuk menerangkan alasan bagi setiap idea mereka terhadap ahli kumpulan yang lain. Ia merupakan konsep utama yang diutarakan dalam kaedah pembelajaran kolaboratif ini dan perlu dilihat dengan teliti oleh guru- guru.

Antara kelebihan kaedah pembelajaran kolaboratif dan faedahnya kepada para guru dan pelajar ialah mempunyai semangat kesalingbergantungan yang positif, iaitu para pelajar

percaya bahawa mereka bersama-sama menuju ke arah pencapaian prestasi yang cemerlang bersama anggota kumpulan yang lain.

Kemahiran sosial adalah penting dan diperlukan untuk komunikasi yang berkesan, berkongsi kemahiran kepimpinan, membina kepercayaan di antara satu sama lain, dan menguruskan konflik. Kesedaran akauntabiliti individu pula merujuk kepada kesedaran setiap ahli dalam kumpulan akan tanggungjawabnya terhadap prestasi semua ahli. Maka, setiap ahli dikehendaki menyumbang kemahiran dengan usaha sepenuhnya demi menjayakan projek yang diberikan.

Antara kelebihan yang dapat dilihat ialah membina hubungan interaksi sosial yang lebih baik. Dalam sesebuah kelas, terdapat pelbagai jenis pelajar seperti pelajar yang banyak bercakap dan juga kurang bercakap. Melalui kaedah pembelajaran kolaboratif ini, secara tidak langsung ia mampu membina sebuah hubungan interaksi sosial yang baik. Pelajar yang kurang bercakap lama-kelamaan akan mula bercampur dengan pelajar-pelajar yang lain sewaktu pembelajaran dalam kelas.

Hal ini memberi keyakinan dan keberanian kepada pelajar untuk bercakap dengan orang lain. Selain itu, kaedah ini juga mampu membina sikap sentiasa menghargai orang lain. Dalam sebuah perbincangan, pelbagai idea akan dikeluarkan oleh setiap ahli kumpulan. Ahli kumpulan akan dilatih untuk menghargai idea dan sumbangan daripada ahli-ahli kumpulan yang lain.

Sikap ini secara tidak langsung membantu untuk mengikis sikap negatif seperti sombong, bongkak, ego, dan sebagainya. Di sini, ia memberikan faedah kepada pelajar untuk memupuk sikap yang baik. Faedah seterusnya ialah membolehkan komunikasi terbuka dan memanfaatkan aktiviti perkongsian maklumat. Menerusi kaedah pembelajaran kolaboratif, guru hanya bertindak sebagai fasilitator atau pembimbing sahaja. Tugasan atau soalan akan

diberikan kepada kumpulan yang dibentuk dan mereka akan menyelesaikan masalah dan tugasan tersebut bersama-sama. Perkara yang paling penting dalam kaedah pembelajaran kolaboratif adalah hubungan interaksi sesama ahli kumpulan, bukan hasil akhir.

Setiap ahli kumpulan bebas untuk mengutarakan pendapat mereka dan aktiviti perkongsian maklumat akan berlaku secara tidak langsung. Menariknya, menerusi aktiviti perkongsian maklumat ini, pelajar dapat menambah ilmu pengetahuan sedia ada dan secara tidak langsung pendekatan konstruktivisme iaitu pembelajaran daripada pengetahuan sedia ada dapat dilakukan. Dalam hal ini, guru dapat memberikan pengetahuan yang luas kepada pelajar walaupun tidak secara langsung. Pelajar juga dapat memperoleh pendapat yang berbeza-beza dan sekaligus memperkukuh pengetahuan mereka. Seterusnya, dalam kaedah pembelajaran kolaboratif, hubungan sosial dalam perbincangan berbentuk ilmiah akan dipupuk.

Kebanyakan kanak-kanak membina sendiri hubungan persahabatan di sekolah. Hal ini kerana kebanyakan aktiviti sosial mereka tidak berkaitan dengan pembelajaran seperti bermain semasa rehat, berjalan bersama-sama untuk pergi ke sekolah dan pulang dari sekolah serta bermain pada waktu petang bersama rakan sekelas, dan banyak lagi. Walau bagaimanapun, hubungan aktiviti sosial mereka dalam kaedah pembelajaran kolaboratif lebih menjurus ke arah ilmiah. Hal ini adalah penting supaya mereka dapat merasai suasana berbincang dalam keadaan separa formal. Situasi ini dapat memberi mereka gambaran kepada keadaan perbincangan yang lebih formal seperti mesyuarat apabila mereka bekerja kelak.

2.8 Teori Pembelajaran Konstruktivisme

Teori pembelajaran Konstruktivisme yang diperkenalkan oleh Vygotsky lebih memperlihatkan pembelajaran manusia dalam konteks sosiobudaya. Dalam konteks

pembelajaran sebegini, pelajar berkongsi dan saling membina pengetahuan baharu yang dicetuskan oleh idea yang pelbagai. Selain itu, penglibatan individu lain memberi peluang kepada pelajar untuk menilai dan memperbaiki pengetahuan yang dimiliki.

Menurut teori perkembangan konstruktivisme, pelajar perlu menemukan sendiri dan mentransformasikan informasi yang kompleks, menyemak informasi baharu dengan aturan-aturan lama, dan mengemas kini pemahaman mereka apabila aturan lama tidak lagi sesuai. Pengajar perlu memahami proses pelajar ketika menyelesaikan masalah dan menemukan jawapan mereka sendiri. Pelajar juga digalakkan untuk mengemukakan idea-idea terkini. Idea- idea tersebut menjadikan mereka lebih aktif dalam proses pembelajaran.

2.8.1 Teori Pembelajaran Konstruktivisme Sosial

Konstruktivisme sosial ialah pendekatan pembelajaran yang menyediakan peluang kepada pelajar untuk membina kefahaman terhadap perkara yang dipelajari dengan mewujudkan jaringan atau hubungan antara idea dan fakta dalam minda.

Secara umumnya, konstruktivisme sosial merupakan teori pembelajaran yang menganggap pelajar sebagai pembina pengetahuan dan bukannya sebagai penerima pengetahuan. Teori konstruktivisme menjelaskan bahawa pelajar menambah pengetahuan tentang topik yang dipelajari dengan pengalaman sedia ada. Namun begitu, hal ini bukanlah bermakna pelajar menerima bulat-bulat pengetahuan yang diperoleh. Teori ini sebenarnya mempunyai asas teori kognitif dengan penekanan yang diberikan kepada kaedah struktur kognitif membina organisasi berasaskan pengetahuan.

Menurut Vygotsky (1978), teori pembelajaran konstruktivisme sosial ialah teori mengenai perkembangan konsep, di mana pada peringkat kanak-kanak, sesuatu perkara itu berkembang secara sistematik, logikal, dan rasional dengan bantuan dan bimbingan orang lain secara lisan.

Konteks sosial turut memainkan peranan yang penting dalam pembelajaran (Vygotsky, 1978). Konstruktivisme sosial juga berbeza daripada teori pembelajaran yang mengetengahkan kepentingan interaksi sosial dan peranan budaya dalam mencipta pengetahuan (Lev Vygotsky, 1978). Dalam pengertian lain, ketika seseorang berinteraksi dengan orang lain dalam masyarakat, pengetahuan mereka berubah dan semakin meluas.

Sebagai contoh, seseorang yang mempunyai pemahaman khusus mengenai sekumpulan individu atau ideologi dapat mengubah pendapatnya melalui interaksi sosial. Konstruktivisme sosial juga menganggap pembelajaran sebagai suatu proses aktif. Konstruktivisme sosial menekankan semua fungsi kognitif termasuk pembelajaran bergantung kepada interaksi dengan orang lain seperti guru, rakan sebaya, dan orang tua.

Oleh itu, pembelajaran sangat bergantung kepada kualiti proses kolaboratif dalam pendidikan masyarakat yang merupakan situasi spesifik dan terikat dengan konteks tertentu (Eggen & Kauchak, 1999; Mclnerney & Mclnerney, 2002; Schunk, 2012). Namun begitu, pembelajaran bukan sahaja harus dilihat sebagai melebihi daripada asimilasi pengetahuan baharu oleh individu, tetapi sebagai proses di mana pelajar diintegrasikan ke dalam pengetahuan masyarakat. Berdasarkan konstruktivisme sosial, tiada yang dipelajari dari awal, tetapi ia terkait dengan pengetahuan sedia ada dengan informasi baharu yang diintegrasikan dan jaringan pemahaman yang diperluaskan.

Konstruktivisme sosial dalam bentuk moden telah wujud selama 40 tahun. Konstruktivisme sosial memberi fokus kepada pelajar sebagai sebahagian daripada kelompok sosial, dan pembelajaran merupakan sesuatu yang muncul daripada proses interaksi kelompok, bukannya sesuatu yang terjadi kepada individu.

Proses pembelajaran yang dijalankan akan menjadi lebih berkesan jika pelajar melakukan proses pembelajaran secara koperatif. Hal ini kerana mereka boleh mendapat

bimbingan daripada pelajar-pelajar lain yang berkebolehan dan menerima bantuan daripada guru (McMahon, 1997; Derry, 1999).


Bagi konstruktivisme sosial, pembelajaran tertumpu kepada makna dalam pengalaman atau konsep sosial. Oleh itu, konstruktivisme sosial mengutamakan keunikan dan kerumitan individu dan nilai-nilai, seterusnya memanfaatkan dan menghargainya sebagai sebahagian daripada proses pembelajaran (Wertsch, 1997). Menurut Vygotsky (1978), pembelajaran dan pengajaran yang menggunakan pendekatan konstruktivisme boleh dilaksanakan dengan memberi perhatian terhadap perkara- perkara seperti memberi peluang kepada pelajar untuk mengemukakan pandangan atau cadangan mengenai sesuatu konsep ketika aktiviti berkumpulan.

Selain itu, pembelajaran konstruktivisme sosial juga menggalakkan para pelajar untuk mendengar dan menghormati pandangan alternatif rakan-rakan mereka dan tidak memandang rendah pandangan yang dikemukakan tersebut. Guru membantu proses ini menggunakan strategi dan kaedah pengajaran yang menggalakkan pelajar membuat analisis, tafsiran, dan amalan kendiri. Di samping itu, guru harus mengambil kira struktur kognitif sedia ada dalam diri pelajar. Maklumat terkini perlu disesuaikan dengan pegangan kuat mereka, seterusnya ilmu pengetahuan baharu tersebut akan dibina.

Peranan utama dalam pengajaran bukan sekadar penyampaian pelajaran, penerangan atau perpindahan pengetahuan kepada pelajar, tetapi merupakan penciptaan situasi tertentu yang membolehkan pelajar membina konsep mental yang diperlukan (Wertsch, 1997). Manusia membina pemahaman dan pengetahuan tentang dunia di sekelilingnya melalui pengalaman dan refleksi ke atas pengalaman tersebut. Pendekatan ini didapati sesuai untuk dipraktikkan dalam sesi pengajaran dan pembelajaran. Ia menganggap pelajar mempunyai idea tersendiri mengenai sesuatu konsep yang belum dipelajari. Teori pembelajaran

konstruktivisme menyatakan bahawa individu mengembangkan dan meningkatkan keupayaan kognisi mereka melalui proses interaksi pelbagai alat. Hal ini membolehkan mereka mengembangkan pelbagai cara untuk menyelesaikan masalah dan memikirkan semula konsep pengetahuan dan dunia mereka. Paradigma teori ini membuktikan bahawa pembelajaran merupakan proses yang dinamik.

2.9 Rangka Kerja Konseptual Kajian



Rajah 2.3: Rangka Kerja Konseptual Kajian

Berdasarkan Rajah 2.3, pemboleh ubah dalam rangka kerja konseptual kajian ini adalah berdasarkan Model Metakognisi Flavell (1979). Model ini dipilih kerana kajian ini berkait rapat dengan teori metakognisi. Proses bermula dengan pelajar yang berada pada peringkat paling atas untuk menyelesaikan masalah sistem penyalaan kenderaan.

Proses penyelesaian masalah menggunakan kaedah perbualan pelajar semasa menyelesaikan masalah Sistem Penyalaan Kenderaan, pemerhatian semasa menyelesaikan masalah, temu bual dengan pelajar dan perbincangan kumpulan berfokus melalui proses kognisi. melalui proses kognisi.

Dalam proses kognisi, terdapat beberapa jenis metakognisi iaitu merancang pembelajaran, memantau pembelajaran, dan menilai pembelajaran dan kesedaran. Tiga langkah utama dalam jenis-jenis metakognisi ialah membuat perancangan pembelajaran berdasarkan tugasan yang diberikan, seterusnya pelajar memantau pembelajaran yang dilalui dengan melakukan penilaian kendiri. Dalam kajian ini, pengkaji melihat kesemua langkah yang dijadikan pemboleh ubah dalam kajian ini iaitu pelajar, penyelesaian masalah sistem penyalaan kenderaan, proses kognisi, dan jenis-jenis metakognisi seperti merancang pembelajaran, memantau pembelajaran, menilai pembelajaran, dan kesedaran pembelajaran.

Pengkaji telah menjadikan tiga daripada lima perkara yang dicadangkan sebagai pemboleh ubah kajian ini dalam bidang teknologi automotif di lima buah kolej vokasional di negeri Sarawak. Oleh itu, konsep kajian ini dibina berdasarkan aspek yang diperlukan untuk melaksanakan pembelajaran di kolej vokasional agar selari dengan hasrat Bahagian Pendidikan Teknikal dan Vokasional untuk memastikan pelaksanaan kolej vokasional yang berkesan dan seterusnya membentuk model metakognisi pelajar berkaitan sistem penyalaan kenderaan.

2.10 Rumusan

Berdasarkan kajian literatur ini, dapat disimpulkan bahawa amalan pengetahuan semasa pembelajaran dalam kumpulan bergantung kepada interaksi dan kerjasama antara ahli kumpulan. Interaksi tersebut memberi peluang kepada pelajar untuk berkongsi dan membina pengetahuan bersama. Di samping itu, terdapat keperluan untuk mempertimbangkan aspek metakognisi yang memacu pemahaman seseorang tentang pengetahuannya dengan pemahaman yang mendalam dapat diterjemahkan dalam bentuk penggunaan yang lebih efektif dan huraian yang jelas tentang pengetahuan tersebut.

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.0 Pengenalan

Bab ini membincangkan reka bentuk kajian, peserta kajian, kaedah pengumpulan data, pengumpulan data, analisis data, ketepuan data, serta kesahan dan kebolehpercayaan kajian.

3.1 Reka Bentuk Kajian

Penyelidikan kualitatif ialah panduan penting untuk memahami, mereka bentuk, menjalankan, membentangkan kajian penyelidikan kualitatif, menampilkan bahan baharu yang meliputi kaedah campuran, kajian tindakan, penyelidikan berasaskan seni, sumber data dalam talian, dan analisis data, termasuklah pakej perisian analisis data serta analisis naratif dan puisi (Sharan & Elizabeth, 2015). Kajian kualitatif ialah pendekatan meneroka dan memahami makna yang ditakrifkan oleh individu atau kumpulan berkaitan masalah sosial atau manusia. Proses penyelidikan melibatkan soalan dan prosedur yang timbul, di mana data biasanya dikumpul daripada peserta, analisis data secara induktif dilakukan dengan membina daripada butir-butir yang diperoleh kepada tema umum, dan membuat tafsiran terhadap data yang bermakna.

Kajian ini menggunakan pendekatan kajian kualitatif. Model reka bentuk kajian kes yang digunakan adalah Kaedah Deskriptif. Reka bentuk kajian ini menggunakan kajian kes. Kajian kes melibatkan pengumpulan maklumat secara sistematik dan mendalam mengenai tingkah laku individu tertentu, keadaan sosial atau peristiwa khusus untuk mengetahui bagaimana tingkah laku individu atau perubahan keadaan sosial berlaku. Kajian kes menggunakan beberapa kaedah pengumpulan data seperti dokumentasi, data responden,

temu bual secara mendalam, dan pemerhatian peserta. Kajian ini boleh dilakukan untuk menyelidik suatu peristiwa pada perspektif yang luas, seperti tingkah laku responden berkaitan metakognisi, kognisi, dan sebagainya.

Kajian ini juga boleh memfokuskan perspektif yang khusus mengenai pemikiran seseorang individu. Penyelidikan dalam ilmu-ilmu sosial juga boleh mengenal pasti paradigma dalam mendekati sesuatu masalah. Paradigma ini membantu pengkaji dalam memahami fenomena sosial, bagaimana ilmu pengetahuan dapat dibentuk, dan perkara yang mempengaruhi masalah serta kriteria daripada bukti-bukti ilmiah yang didapati (Creswell, 2014).

Justeru, penyelidikan kualitatif merupakan proses pencarian data untuk memahami masalah sosial yang didasari pada penyelidikan yang menyeluruh (*holistic*), dibentuk oleh kata-kata, dan berdasarkan situasi yang dialami. Menerusi penyelidikan kualitatif, pengkaji berusaha untuk memahami subjek dari kerangka pemikirannya sendiri (Creswell, 2014).

Penyelidikan kualitatif bersifat fleksibel, di mana kesesuaiannya bergantung kepada tujuan setiap penyelidikan. Penyelidikan dapat berubah mengikut keperluan, situasi lapangan serta hipotesis baharu yang muncul selama berlangsungnya penyelidikan tersebut. Terdapat pelbagai pendapat yang dikemukakan oleh sejumlah pengkaji mengenai penggunaan pendekatan kualitatif. Hal ini menunjukkan bahawa pendekatan kualitatif digunakan apabila pengkaji ingin memahami sudut pandang peserta secara lebih mendalam, dinamik, dan menggali pelbagai faktor sekaligus.

Selain itu, Creswell (2014) menyatakan bahawa pendekatan kualitatif digunakan dalam situasi yang informal, di mana ia melibatkan topik yang peka bagi responden, latar belakang demografi tertentu (pendidikan, tempat tinggal, dan sebagainya), dan hal-hal lain yang menyebabkan pendekatan kuantitatif sukar untuk dilaksanakan. Bagi memulakan suatu

penelitian kualitatif, Creswell (1994) menyarankan agar pengkaji merumuskan dasar pendekatan kualitatif yang digunakan dalam penyelidikan terlebih dahulu. Hal ini bertujuan agar pengkaji tetap konsisten dengan sejumlah aturan umum dari pendekatan kualitatif sehingga jalan penyelidikan sesuai dengan tujuan penyelidikan dan kerangka yang digunakan. Beberapa dasar yang sering dijadikan acuan tidak mementingkan angka atau kuantifikasi fenomena, kerjasama dalam kumpulan dan analisis data yang berbentuk temu bual atau pemerhatian tingkah laku. Oleh itu, fokus lebih tertumpu kepada interpretasi daripada kuantifikasi (Creswell, 2014).

i. tidak tertumpu pada sekumpulan data (Cassel & Symon, 1994).

ii. Responden ialah peserta yang bukan hanya sekadar objek daripada kecurigaan ilmiah.

iii. Responden mengambil sikap yang lebih proaktif dalam proses penyelidikan. (Cassel & Symon, 1994).

iv. Sangat menerima subjektiviti sehingga yang bernilai adalah perspektif peserta dan interpretasinya terhadap situasi (Cassel & Symon, 1994).

v. Proses penyelidikan dilihat sebagai proses sosial yang sangat dipengaruhi oleh pilihan- pilihan yang diambil oleh pengkaji seiring dengan perkembangan penyelidikan (Cassel & Symon, 1994).

vi. Penyelidikan kualitatif lebih tertarik pada pengertian (meaning), iaitu bagaimana peserta (dalam konteks pendidikan ialah pelajar) menghayati hidup, pengalaman, dan cara mereka mengekspresikannya (Creswell, 2014).

vii. Penyelidikan kualitatif adalah penyelidikan deskriptif, di mana pengkaji lebih tertarik dengan proses, pengertian, dan pemahaman tentang pengalaman serta penghayatan subjektif responden (Creswell, 2014).

3.2 Peserta Kajian

Jadual 3.1: Bilangan Peserta Kajian Fasa 1 & Fasa 2

Bil.	Kolej Vokasional	Fasa 1 (2017)	Fasa 2 (2018)	Bil Pelajar	Bil. Pelajar
1	Kolej Vokasional Kuching	6/3/2017 17/7/2017	4/7/2018- 5/7/2018 25/7/2018- 26/7/2018 29/8/2018- 30/8/2018	9	9
2	Kolej Vokasional Matang	6/3/2017 17/7/2017	23/4/2018- 25/4/2018	9	9
3	Kolej Vokasional Betong	15/2/2017 27/2/2017- 1/3/2017	12/3/2018- 13/3/2018	9	9
4	Kolej Vokasional Bintulu	16/2/2017 14/3/2017- 16/7/2017 10/7/2017- 11/7/2017	10/4/2018- 13/4/2018	9	9
5	Kolej Vokasional Miri	17/2/2017 28/3/2017- 31/3/2017 14/6/2017- 16/6/2017 12/7/2017- 14/7/2017	4/4/2018- 6/4/2018	9	9
	Jumlah pelajar			45	45

Berdasarkan perspektif kajian kes, kajian ini perlu lebih kecil dan berfokus dalam kumpulan (Creswell, 2014). Pelajar yang terdalam kajian ini terdiri daripada pelajar

Tingkatan 5 kolej vokasional yang mengikut program Teknologi Automotif di lima buah kolej vokasional di Sarawak.

Pada fasa pertama tahun 2017, seramai 45 orang pelajar terlibat dalam kajian ini. Seramai 9 orang pelajar bagi setiap kolej vokasional. Pelajar dibahagikan kepada tiga orang ahli kumpulan. Setiap kumpulan terdiri daripada tiga orang ahli kumpulan.

Pada fasa kedua tahun 2018, seramai 45 orang pelajar dalam kajian ini, seramai 9 orang pelajar bagi setiap kolej vokasional. Pelajar dibahagikan tiga kumpulan. Setiap kumpulan terdiri daripada tiga orang ahli kumpulan. Kesemuanya, seramai 90 orang pelajar yang dipilih sebagai peserta kajian ini. Sebelum kajian kes bermula, pengkaji berbincang dengan tenaga pengajar.

Memandangkan penyelidikan ini menggunakan kaedah kualitatif, maka satu pendekatan pensampelan digunakan, iaitu pensampelan bagi kaedah kualitatif. Bagi kaedah kualitatif, data dikumpulkan menerusi dua cara, iaitu temu bual dan kumpulan fokus.

Oleh itu, pensampelan bertujuan (*purposive sampling*) yang terdiri daripada pensampelan bukan kebarangkalian (*non-probability sampling*) digunakan kerana sampel yang akan dipilih adalah terhad, iaitu pelajar Teknologi Automotif sebagai sumber maklumat.

Pensampelan bertujuan dilaksanakan bagi temu bual mendalam berdasarkan pemilihan sampel yang dilakukan secara khusus kerana sampel memiliki kriteria tertentu yang selari dengan persoalan kajian. Pengkaji mengenal pasti kriteria yang akan digunakan untuk menentukan kajian penyelidikan yang akan dimasukkan.

Kriteria kemasukan dan pengecualian mesti diputuskan sebelum pengkaji memulakan semakan. Kriteria inklusi ialah segala-galanya yang perlu disertakan dalam kajian.

Kriteria pengecualian ialah faktor-faktor yang menyebabkan kajian yang perlu dipertimbangkan termasuk keseimbangan kriteria kemasukan dan pengecualian khusus adalah yang terpenting. Kajian ini mewujudkan kriteria kemasukan dan pengecualian untuk responden kajian adalah amalan standard yang diperlukan apabila mereka bentuk protokol penyelidikan berkualiti tinggi.

Kriteria inklusi ditakrifkan sebagai ciri utama populasi sasaran yang akan digunakan oleh pengkaji untuk menjawab soalan kajian. Kriteria kemasukan biasa termasuk ciri demografi, jantina, tahap metakognisi dan sebaliknya, kriteria pengecualian ditakrifkan sebagai ciri peserta kajian berpotensi yang memenuhi kriteria kemasukan tetapi hadir dengan ciri tambahan yang boleh mengganggu kejayaan kajian atau meningkatkan risiko mereka untuk hasil yang tidak menguntungkan.

Kriteria pengecualian biasa termasuk ciri-ciri individu yang layak yang menyebabkan mereka berkemungkinan tinggi hilang semasa membuat susulan, terlepas janji temu yang dijadualkan untuk mengumpul data, memberikan data yang tidak tepat, mempunyai komorbiditi yang boleh berat sebelah keputusan kajian, atau meningkatkan risiko mereka untuk kejadian buruk iaitu paling relevan dalam kajian intervensi ujian.

Perkara ini adalah sangat penting bahawa pengkaji bukan sahaja mentakrifkan kriteria kemasukan dan pengecualian yang sesuai semasa mereka bentuk kajian tetapi juga menilai bagaimana keputusan tersebut akan memberi kesan kepada kesahan luaran hasil kajian. Kesilapan biasa mengenai kriteria kemasukan dan pengecualian termasuk yang seperti berikut menggunakan pemboleh ubah yang sama untuk mentakrifkan kedua-dua kriteria kemasukan dan pengecualian.

Sebagai syarat kajian, lelaki sahaja dipilih sebagai pemboleh ubah mengikut kriteria inklusi yang tidak berkaitan dengan menjawab persoalan kajian; dan tidak menerangkan

pemboleh ubah utama dalam kriteria kemasukan yang diperlukan untuk membuat pernyataan tentang kesahan luaran hasil kajian. Lima kolej vokasional dipilih ialah Kolej Vokasional A, Kolej Vokasional B, Kolej Vokasional C, Kolej Vokasional D, dan Kolej Vokasional E di Sarawak.

3.3 Bahan dan Instrumen Kajian

3.3.1 Penggunaan Alat Perakam

Penggunaan alat perakam dapat membantu merekodkan interaksi lisan antara kumpulan sasaran. Perkataan, sebutan, dan perbualan yang sebenar dapat dirakamkan dengan tepat melalui proses tiga fasa yang berikut:

1. Mendengar semula seluruh rakaman untuk mendapat gambaran umum.
2. Mendengar semula untuk mencari data-data penting.
3. Mendengar sekali lagi untuk membuat transkripsi penting.

3.3.2 Gambar Foto

Gambar foto merupakan suatu media yang amat berkesan untuk merekodkan perlakuan atau keadaan fizikal secara holistik. Gambar foto juga dapat menonjolkan bahasa tubuh (*body language*) sasaran yang dikaji, tetapi berkemungkinan diabaikan oleh pemerhati pada ketika itu kerana dianggap sebagai tidak signifikan.

3.3.3 Rakaman Video

Rakaman video melanjutkan kelebihan foto dan rakaman audio yang menunjukkan pergerakan sasaran yang dikaji serta turutan dan tempoh masa peristiwa yang berlaku. Keempat- empat teknik yang disebutkan ini adalah saling melengkapi dan mempunyai kelebihan dan kekurangan masing-masing. Jika digunakan dengan wajar, ia menjadi alat yang amat berguna dalam pengumpulan data.

3.3.4 Data Melalui Temu Bual

Kajian tinjauan boleh menggunakan kaedah temu bual sebagai instrumen kajian. Penggunaan temu bual sebagai instrumen kajian bergantung kepada jenis maklumat yang ingin dikumpul. Temu bual adalah salah satu cara untuk memperolehi maklumat utama dalam kajian tinjauan.

Kaedah temu bual sama seperti kaedah soal selidik dalam banyak aspek. Perbezaannya ialah cara pelaksanakanya di mana temu bual dijalankan secara lisan dan jawapan direkodkan secara bertulis atau melalui rakaman kaset, video, dan media elektronik yang lain.

Temu bual adalah teknik yang sangat berkesan untuk meninjau persepsi seseorang, termasuk pemikiran, sikap, nilai, dan pendapatnya. Melalui temu bual, guru, pensyarah, dan penyelidik dapat memahami sebab-sebab seseorang yang diperhatikan menunjukkan perlakuan tertentu.

Kejayaan temu bual juga bergantung kepada kualiti soalan yang ditujukan kepada responden. Proses perbualan dua hala bertujuan untuk mengumpul maklumat bagi tujuan kajian. Temu bual melibatkan interaksi bersemuka antara pengkaji dan responden. Temu bual dijalankan untuk mendapatkan maklumat daripada responden secara lisan.

Menurut Denzin (2001), temu bual bukan hanya digunakan sebagai alat pengumpulan maklumat, tetapi ia juga perlu bersifat reflektif dan dapat mencerminkan kehidupan dan keadaan yang sebenar mengenai sesuatu fenomena. Kaedah temu bual separa berstruktur adalah gabungan antara temu bual berstruktur dan tidak berstruktur.

Dalam temu bual separa berstruktur, pengkaji menyoal berdasarkan soalan yang telah disediakan, tetapi juga diberi kebebasan untuk menyoal dan menjelajah jawapan dengan lebih mendalam. Setiap soalan boleh diberikan berdasarkan aras bahasa yang

berbeza kerana setiap responden mempunyai keupayaan memahami bahasa yang berlainan. Soalan yang digunakan dalam temu bual separa berstruktur boleh diubah suai dan disusun mengikut urutan tertentu supaya setiap responden boleh memahaminya dengan baik.

Pengkaji melihat isu berdasarkan perspektif subjek, maka aras bahasa dalam soalan boleh diubah suai mengikut keperluan semasa proses temu bual. Selain itu, soalan boleh ditambah atau dikurangkan mengikut keperluan.

3.3.5 Data Melalui Pemerhatian

Pemerhatian merupakan salah satu cara yang dilakukan dalam proses pengajaran pembelajaran. Seorang guru sentiasa memerhati maklum balas pelajarnya untuk memastikan komunikasi berlaku antara guru dengan pelajar serta antara pelajar dengan pelajar lain.

Pemerhatian juga membantu guru dalam menentukan kesediaan dan penerimaan pelajar terhadap pengajarannya. Menerusi proses pemerhatian, pengkaji berusaha melakukan pemerhatian tanpa ditanggapi oleh pelbagai prasangka mengenai sasaran yang dikaji. Melalui pemerhatian yang terancang dan sistematik, pelbagai data berguna dapat diperolehi untuk membantu kajian yang dijalankan.

Pemerhatian secara langsung boleh dilakukan pada setiap masa dengan meneliti segala perlakuan dan perubahan kejadian dalam situasi yang dikaji. Teknik ini tidak memerlukan apa- apa peralatan khas selain daripada pen dan kertas. Berdasarkan fokus penyelidikan yang telah dipilih, pengkaji hendaklah menentukan aspek-aspek yang perlu diperhatikan, sama ada turutan peristiwa, perlakuan pelajar, atau perlakuan penyelidik sendiri.

Perkara-perkara tersebut hendaklah spesifik dan dinyatakan secara eksplisit. Setiap pengkaji mempunyai tanggapan dan jangkaan tersendiri (*existing theories*) tentang sesuatu

isu yang dibincangkan. Pemerhatian membantu pengkaji membina semula teori tersebut agar satu fahaman baharu (*theoretical reconstruction*) dapat diperolehi. Bilakah pemerhatian hendak dijalankan dan berapakah tempoh masa yang diperlukan? Pengkaji hendaklah jelas tentang waktu untuk membuat pemerhatian agar data yang relevan dapat dikumpul.

3.4 Prosedur Kajian

Sebelum menjalankan kajian ini, pengkaji meminta kebenaran daripada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan melalui mengisi Borang Permohonan. Selepas mendapatkan surat kebenaran menjalankan kajian daripada EPRD. Melampirkan surat kebenaran untuk memohon satu lagi surat kebenaran daripada Bahagian Pendidikan Teknikal dan Vokasional. Setelah mendapatkan surat kebenaran menjalankan kajian dari BPTV. Melampirkan surat kebenaran menjalankan kajian dari BPTV untuk memohon kebenaran menjalankan kajian di Kolej Vokasional.

Setelah mendapatkan kelulusan dari Kolej Vokasional. Pengkaji memberi borang kebenaran menjalankan kajian kepada Guru dan Pelajar. Pengkaji memilih tiga pelajar dalam kalangan pelajar secara rawak. Pengkaji memilih sembilan pelajar. Satu kumpulan adalah tiga orang pelajar. Setelah pelajar mengisi Borang Kebenaran menjalankan kajian. Pengkaji mengutip kembali borang tersebut. Pengkaji memberi taklimat keselamatan dan topik menyelesaikan Masalah Sistem Penyalaan Kenderaan.

Pengkaji bekerjasama dengan tenaga pengajar untuk memberikan tunjuk cara mengenai cara-cara Penyelesaian Masalah Sistem Penyalaan Kenderaan. Pelajar diberikan tempoh masa yang secukupnya. Pengkaji membuat pemantauan keseluruhan dan spesifik kepada pelajar. Pengkaji memerhatikan gerak geri pelajar. Pengkaji merakamkan pergerakan pelajar dengan menggunakan perakam video. Setelah pelajar sudah siap


menjalankan kerja amali, pengkaji menemu duga pelajar dengan menanyakan soalan terbuka. Pengkaji merakamkan percakapan pelajar dengan menggunakan perakam suara. Selepas itu, pelajar ditemu duga soalan-soalan berkaitan cara-cara menyelesaikan masalah Sistem Penyalaan Kenderaan. Akhirnya, sesi temu duga tamat. Pengkaji menyelesaikan Tugasan Pembelajaran Penyelesaian Masalah Sistem Penyalaan Kenderaan dan menamatkan kajian di lokasi tersebut. Kajian akan diteruskan di lokasi yang seterusnya.



Rajah 3.1: Carta Aliran Memohon Surat Kebenaran Kajian

Berpandukan Rajah 3.1 di atas, pengumpulan data kajian bermula pada 18 Julai 2016. Pengkaji memohon Surat Kebenaran Menjalankan Kajian daripada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan (EPRD). Pengkaji mendapat Surat kelulusan bertarikh 1 Oktober 2016 hingga 1 Februari 2017. Pada 5 Ogos 2016, pengkaji memohon surat kebenaran menjalankan kajian daripada Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak. Setelah mendapatkan surat kelulusan menjalankan kajian pada 28 Disember 2016. Selepas itu,

pengkaji memohon surat kebenaran menjalankan kajian daripada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan. Pengkaji mendapatkan surat kelulusan bertarikh 1 Februari 2017 hingga 31 Julai 2017 dengan surat kelulusan daripada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan.



Rajah 3.2: Carta Aliran Pengumpulan Data Kajian

Data yang dikumpulkan dianalisis untuk memperolehi Dapatan Kajian.

3.5 Data Analisis

3.5.1 Pengekodan

Menurut Coffey dan Atkinson (1996), analisis data kualitatif lebih bertumpukan maksud data dan tidak bertumpukan perkiraan untuk meletakkan nombor pada kes-kes tersebut. Terdapat tiga prosedur asas dalam mengekod data kualitatif iaitu:

i. Melakukan pemerhatian dan peka pada fenomena yang berkaitan.

ii. Mengumpul contoh-contoh fenomena tersebut.

iii. Menganalisis fenomena, kemudian mencari persamaan, perbezaan, pola, trend, dan struktur.

Data kualitatif juga lebih menjurus kepada tema yang muncul semasa perbincangan. Data yang dianalisis sering kali ditulis dalam bahasa harian yang menyerupai satu cerita. Ia tidak menggunakan nombor atau statistik untuk menggambarkan tingkah laku responden.

Secara umumnya, pengumpulan data ini bermula dari awal kajian dan berlaku secara berterusan. Hal ini memberi peluang kepada penyelidik untuk memeriksa data dan meningkatkan peluang penemuan baharu. Dalam menganalisis data kualitatif, pengelasan dan perkaitan antara data akan dibangunkan serentak ketika pemerhatian dan analisis semula dilakukan.

Corak dan proses analisis kualitatif ini bermakna setiap data yang dikumpulkan akan dianalisis semula pada akhir proses pemerhatian dalam kajian tersebut. Setelah objektif dan soalan kajian dikenal pasti, maklumat-maklumat yang relevan dan mencukupi perlu dikumpul dari pelbagai sumber untuk dianalisis dan dibuat refleksi. Sebarang maklumat dalam pelbagai bentuk dapat menjelaskan situasi yang dikaji.

Dalam usaha mencari data dan mengumpul maklumat kajian, penyelidik tidak boleh mengabaikan bahan-bahan sedia ada seperti rekod prestasi pelajar, hasil kerja, kertas

jawapan, peperiksaan, pekeliling, dan dokumen lain di samping memperolehi data baharu. Pelbagai teknik boleh digunakan oleh pengkaji untuk memperolehi data. Teknik yang sesuai juga bergantung kepada tujuan, situasi, dan kemahiran pengkaji.

Beberapa prosedur perlu dilakukan untuk menganalisis data, antaranya ialah proses transkripsi, reduksi, pengekodan, dan paparan data. Proses transkripsi data yang dikumpulkan melalui temu bual akan disalin semula mengikut ayat demi ayat, dengan setiap baris transkripsi diberikan nombor mengikut urutan. Langkah ini bertujuan memudahkan pengkaji mengenal pasti baris-baris yang diperlukan dalam data kajian. Proses pengecilan (*reduction*) dilakukan dengan memotong mana-mana data yang dianggap tidak memberikan makna kepada kajian atau data yang dirasakan tidak memberi sumbangan kepada soalan yang dikemukakan.

Data yang telah dikecilkan akan dibaca semula oleh pengkaji bagi mengenal pasti pola, tema perbezaan, dan persamaan yang ingin diperhatikan. Kemudian, kod-kod dibina untuk menggambarkan tema dan sub tema yang timbul. Kod-kod ini juga dibentuk bagi memudahkan pengkaji mengenal pasti tema, pola, persamaan, dan perbezaan dalam transkripsi kedua dan seterusnya. Akhirnya, data sedia untuk dipaparkan dan kesimpulan serta pengesahan bagi setiap data yang dikumpul dapat dilakukan. Kesimpulan ini bertujuan untuk pengesahan data yang dikutip. Bagi tujuan ini, data yang diproses akan dilihat dari segi kekurangan dan kelebihannya, dan seterusnya dikumpul dengan mengambil kira metakognisi.

Semua bahan atau data dalam bentuk teks diuruskan berdasarkan tema-tema khusus yang berkaitan dengan fokus kajian. Proses mengklasifikasikan teks mengikut tema dikenali sebagai analisis tematik. Pada tahap ini, data tekstual dikurangkan atau dipilih mengikut keperluan penyelidikan. Pengekodan ialah proses untuk mengenal pasti tema

daripada hasil transkrip yang telah dibaca. Data berkod dilabel untuk memudahkan proses analisis. Proses pengekodan merupakan proses yang intensif dan bukan linear. Setiap transkrip perlu disemak dengan teliti dan berulang kali.

Setelah data tertentu dipecahkan kepada beberapa bahagian mengikut tema dan dilabelkan, adalah perkara biasa bagi penganalisis untuk menyemak teks transkrip dengan lanjut. Penganalisis atau pengkaji juga akan mengkaji urutan hasil pengekodan antara transkrip dan mencari hubungan antara label teks yang berbeza.

Oleh itu, proses mentafsirkan data sebenarnya berlaku serentak dengan proses pengekodan. Semasa proses pengklasifikasian, pengkaji membaca transkrip dengan teliti dan kemudian mengelaskannya ke dalam beberapa tema yang diperolehi daripada rumusan masalah penyelidikan. Langkah mentafsir dalam memahami data sosial menunjukkan unsur subjektiviti pengkaji dalam analisis data kualitatif. Seperti proses pengekodan, cubaan mentafsir data tidak dilakukan hanya sekali tetapi berulang-ulang. Data teks yang telah dikategorikan mengikut tema ditakrifkan semula untuk mencari hubungan antara tema dalam label atau kod yang berlainan. Penyelidikan sosial selalu melibatkan tafsiran.

Pada satu pihak, tafsiran menunjukkan unsur subjektiviti dalam kajian. Sebaliknya, di sinilah terletaknya kekuatan penyelidikan kualitatif, di mana pengkaji merupakan sebahagian daripada instrumen kajian yang memainkan peranan penting dalam proses analisis, rasional, kritis, dan instrumen untuk tujuan penyelidikan. Proses pengurangan data dalam penyelidikan kuantitatif menghasilkan graf, jadual, rajah, dan lain-lain yang memaparkan hasil pengukuran fenomena dalam bentuk angka. Manakala dalam penyelidikan kualitatif, pengurangan data menghasilkan naratif atau perihal tematik dalam laporan penyelidikan.

3.5.2 Tahap Data Analisis Penyelidikan

Pada tahap pra analisis, semua nota lapangan dibaca, disemak, ditingkatkan, dan dilengkapkan. Nota dilabelkan mengikut jenis. Tahap kemasan data iaitu data ditranskripsikan dalam "*word processor*" atau dalam format analisis tekstual. Data ini ditranskripsi menggunakan komputer.

Selepas itu. tahap pameran data. Data dipamerkan dalam bentuk jadual, lembaran tanda (*tally*), dan rumusan. Dalam tahap verifikasi data. Semua prosedur yang membawa kepada kesimpulan dinyatakan dengan tepat. Akhirnya tahap dapatan termasuk interpretasi. Penyemakan dan interpretasi dapatan dilakukan.

3.5.3 Jenis-Jenis Tahap Analisis

Dalam tahap Analisis. Tahap Pra Analisis. Semua nota lapangan dibaca, disemak, ditingkatkan, dan dilengkapkan. Semua nota dilabelkan menurut jenis. Semua nota disusun mengikut urutan tertentu. Data direkod seperti yang dikehendaki. Pengkaji menyediakan dua salinan dengan semua nota termasuk yang asal.

Pengkaji mengekod dan mengekod semula maklum balas terbuka dan data yang didokumenkan. Data komputer dimasukkan dalam folder. Mula mengambil nota tema dan bentuk yang wujud. Memastikan data mudah diakses. Pada tahap kemasan data iaitu "*data reduction*".

Data ditranskripsikan dalam "*word processor*" dalam format analisis tekstual menggunakan komputer. Data yang telah ditranskripsikan dipermudahkan dan bersifat terfokus. Tahap Pameran Data.Data dipamerkan dalam bentuk jadual, lembaran tanda (tally), dan rumusan.

Data yang dipamerkan perlu menjelaskan analisis atau tindakan tambahan yang perlu dilakukan. Pada Tahap Verifikasi Data, Triangulasi data digunakan untuk verifikasi

pelbagai tindakan analitik yang diambil untuk mencapai kesimpulan.

Semua prosedur yang membawa kepada kesimpulan dinyatakan dengan tepat. Proses dokumentasi semua proses penyelidikan dinyatakan dengan tepat. Tahap Dapatan iaitu Penyemakan dan interpretasi dapatan kajian. Interpretasi Data iaitu Data dikutip dan diubah menjadi teks.

Teks dilabel dan dikategorikan. Berdasarkan label dan kategori, beberapa tema akan muncul. Bahan dipilih mengikut kategori dengan mengenal pasti bentuk frasa yang sama dan tanda serta hubungan, kesamaan atau perbezaannya. Bahan yang sudah ditapis dinilai mengikut kajian lepas.

3.5.4 Analisis Tematik

Kaedah menganalisis data berkaitan proses kognisi pelajar adalah berdasarkan analisis tematik. Pengkaji menganalisis tentang cara pelajar berfikir. Analisis kognisi adalah berkaitan seseorang yang mampu menentukan proses pemikiran. Misalnya, pelajar mula menjana idea untuk menguji penyalaan enjin kereta. Seterusnya, pelajar menggunakan alat buka pasang klep untuk melaraskan *Valve Spring.* Pelajar juga menetapkan matlamat bagi tugasan pembelajaran yang diberikan.

3.5.5 Memahami Jenis-Jenis Metakognisi

Pelajar dapat menyelesaikan tugas yang diberikan dengan baik melalui proses perancangan, pemantauan, penilaian, dan pemahaman yang dilakukan. Sementara proses kognisi memberikan fungsi normal pelajar, metakognisi pula mengambil tahap yang lebih tinggi untuk menjadikan pelajar lebih menyedari proses kognitifnya. Pengetahuan metakognisi dimiliki oleh pelajar yang dapat berfikir menerusi pelbagai tugasan, matlamat, tindakan, dan pengalaman metakognisi yang dialami. Pengalaman metakognisi ini membantu pelajar yang menghadapi masalah dalam sistem penyalaan kenderaan melibatkan

strategi yang digunakan tepat bagi mengawal proses kognitif supaya pelajar dapat berjaya dengan cemerlang. Contohnya, ketika pelajar membuat tugasan membuat *Top Overhaul* Enjin, pelajar berfikir tentang matlamat yang perlu dicapai melalui pelbagai cara untuk menyelesaikan masalah semasa membuat tugasan.

Proses ini melibatkan strategi yang digunakan untuk menjayakannya. Dalam melaksanakan sesuatu tindakan dan strategi, pelajar memerlukan pengetahuan metakognisi tentang proses kognisi seperti perancangan, pemantauan, dan penilaian. Oleh yang demikian, pelajar dapat mengambil tindakan untuk membuat tugasan melalui strategi yang berkesan. Misalnya, pelajar melaksanakan tugasan melaras tali sawat enjin kereta dengan merancang strategi dan mengambil tindakan yang sewajarnya.

3.5.6 Ketepuan Data

Pengkaji hanya perlu mengulangi temu bual sebanyak dua pusingan sahaja untuk mencapai ketepuan data. Kajian responden juga tidak mewajibkan penyilangan antara tempat kajian kerana fokus kajian adalah kepada satu responden. Sekiranya tajuk kajian melibatkan perbandingan antara dua responden, maka penyilangan data diperlukan antara responden pertama dan responden kedua. Proses penyilangan data pada responden pertama pula akan dilakukan pada responden kedua. Seterusnya, sesebuah kajian kualitatif juga memerlukan ketepuan antara satu tempat kajian dengan tempat kajian lain. Jumlah yang diperlukan juga bergantung kepada ketepuan dapatan kajian.

Sebagai contoh, kajian yang melibatkan metakognisi pelajar dalam sistem penyalaan kenderaan di kolej vokasional berkemungkinan besar akan mencapai ketepuan di kolej vokasional yang kedua, maka kolej vokasional ketiga ditambah untuk mengesahkan ketepuan tersebut. Pada ketika ini, pengkaji tidak perlu lagi melakukan tambahan kajian di kawasan lain.

Bagi kajian yang melibatkan kemahiran menyelesaikan masalah, kolej vokasional yang diperlukan untuk mencapai ketepuan adalah kolej vokasional yang keempat, manakala kolej vokasional kelima merupakan pengesahan kepada ketepuan tersebut. Pada ketika ini, pengkaji tidak perlu lagi mengumpul data atau menambah tempat kajian dalam aspek kajian yang dijalankan. Fokus tindakan seterusnya hanyalah memberi tumpuan kepada penganalisisan dapatan kajian bagi mengenal pasti pola dapatan kajian.

Ketepuan data bermaksud pembinaan tema yang dilakukan tidak mungkin akan terbentuk lagi kerana telah mencapai tahap tiada tema baru lagi yang akan dihasilkan. Pada kebiasaannya, ketepuan ini terhasil pada tempat kajian keempat dan tempat kelima dijadikan sebagai pengesahan bahawa ketepuan sudah dicapai.

3.5.7 Membentuk Model Metakognisi Semasa Penyelesaian Sistem Penyalaan Kenderaan

Data analisis kajian ini berjaya membina model baharu iaitu Model Metakognisi Semasa Penyelesaian Sistem Penyalaan Kenderaan. Data yang dianalisis menghasilkan model tersebut untuk membuat rumusan bagi setiap objektif kajian ini. Model ini dibina berdasarkan hasil dapatan kajian yang diperoleh. Tujuan pembinaan model ini adalah untuk mengetahui hubungan antara metakognisi pelajar dengan tugas pembelajaran berkaitan sistem penyalaan kenderaan.

3.6 Kesahihan dan Kebolehpercayaan Data

Kesahan digunakan untuk mengukur ketepatan sesuatu ukuran yang digunakan. Ia bertujuan untuk memastikan sama ada ukuran atau indikator yang digunakan mengandungi semua ciri penting dalam konsep yang diukur itu. Misalnya, ukuran yang sah untuk mencatat ketinggian ialah pembaris, pita ukur, dan sebagainya. Terdapat dua jenis kesahan iaitu kesahan dalaman (*internal validity*) iaitu sejauh mana perkaitan antara pemboleh ubah dapat

dipastikan. Kesahan luaran (*external validity*) pula ialah sejauh mana data tersebut dapat dipanjangkan pada populasi dalam konteks yang berbeza-beza. Bagi menentukan kesahan dalaman, pengkaji menggunakan beberapa kaedah seperti triangulasi, pemeriksaan rakan, semakan rakan, kenyataan pengalaman, pilih kasih, dan pengharapan. Manakala bagi kesahan luaran, ia boleh dilihat menerusi ketebalan atau penerangan yang mencukupi, serta penggunaan pelbagai tema dan variasi.

Kebolehpercayaan data (*reliability*) merujuk kepada ketekalan dan kestabilan sesuatu ukuran, alat ukur, atau soal selidik dalam sesuatu kajian. Tujuan utama kebolehpercayaan adalah untuk mengetahui sama ada ukuran tersebut memberikan jawapan yang sama apabila ia digunakan untuk mengukur konsep yang sama kepada sampel, populasi atau responden yang sama.

Dua jenis kebolehpercayaan yang sering digunakan dalam penyelidikan ialah kebolehpercayaan luaran dan dalaman. Kesahihan dan kebolehpercayaan data dapat dinilai berdasarkan beberapa kriteria (Guba & Lincoln, 1986) iaitu kredibiliti, pemindahan, kebolehpercayaan, dan pengesahan.

Setiap kriteria dijelaskan seperti berikut, Kriteria pertama adalah kredibiliti. Dalam kajian kualitatif, kriteria ini berfungsi untuk mewakili fenomena sebenar dengan sebaik mungkin. Dalam erti kata lain, kredibiliti memastikan kajian mengukur apa yang dimaksudkan dan merupakan refleksi sebenar realiti sosial para peserta kajian (Lincoln, Yvonna, & Guba, 2004). Kajian akan menjadi lebih dipercayai jika ia dilaksanakan dan dilaporkan dengan terperinci serta menunjukkan gambaran yang jelas dan boleh digunakan dalam konteks lain (Guba & Lincoln, 1994).

Kriteria kedua adalah pemindahan. Dalam kajian kualitatif, penerapan penemuan kepada konteks lain atau sampel dicapai melalui *demotextization*, abstarksi konsep, dan teori

yang baru ditemui (Lincoln, Yvonna, & Guba, 2004). Oleh itu, penerangan yang jelas (Guba, 1985) amat penting untuk memindahkan penemuan asal kepada individu atau konteks lain.

Kriteria ketiga adalah kebolehpercayaan. Kebolehpercayaan merujuk kepada kemampuan untuk memperoleh hasil yang konsisten jika kajian tersebut diulang semula. Ini bermakna proses penyelidikan perlu dijelaskan secara terperinci agar pengkaji lain dapat mengulang kajian berdasarkan penemuan yang diterangkan.

Kriteria yang terakhir adalah pengesahan. Pengesahan mewujudkan data dan tafsiran melalui penemuan kajian yang jelas dan bukan melalui imaginasi (Townsend et al., 2018). Guba dan Lincoln (1989) menegaskan bahawa pengesahan tercapai apabila kredibiliti, pemindahan, dan kebolehpercayaan berjaya diwujudkan dalam sesuatu kajian. Strategi-strategi yang dibincangkan ini telah diterima pakai dan dilaksanakan untuk menunjukkan bagaimana proses penyelidikan sebelum, semasa, dan selepas pengumpulan data yang mematuhi garis panduan yang boleh dipercayai. Pengkaji menggunakan prosedur konstruktif semasa proses dan penilaian untuk memastikan kepercayaan yang tinggi terhadap penyelidikan dan jaminan kualiti yang baik (Balcomb & Gerken, 2008).

3.7 Rumusan

Dalam bab ini, metodologi diterangkan dalam enam bahagian iaitu (1) reka bentuk kajian, (2) peserta kajian, (3) bahan dan instrumen kajian (4) prosedur kajian, (5) data analisis, (6) kesahihan dan kebolehpercayaan data. Bahagian pertama menjelaskan reka bentuk penyelidikan yang digunakan dalam kajian ini iaitu kajian kes.

Bahagian kedua pula membincangkan peserta kajian yang terlibat dalam kajian ini terdiri daripada pelajar Tingkatan 5 kolej vokasional yang mengikut program Teknologi Automotif di lima buah kolej vokasional di Sarawak.

Bahagian ketiga iaitu bahan dan instrusmen kajian iaitu temu bual, pemerhatian serta perbincangan berfokus. Prosedur kajian yang digunakan telah dibincangkan langkah-langkah dilaksanakan. Bahagian kelima iaitu data analisis iaitu proses menganalisis data yang dilakukan dibincangkan dalam manakala bahagian akhir adalah mengenai kesahihan dan kebolehpercayaan data, iaitu berkaitan instrumen kajian yang sah untuk digunakan semasa menjalankan kajian ini.

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

4.0 Pengenalan

Bab ini akan menerangkan analisis data yang telah dilakukan dan dapatan yang diperoleh daripada kajian yang telah dijalankan secara terperinci. Dapatan dihuraikan bertujuan untuk menjawab persoalan kajian yang telah dikemukakan dalam Bab 1. Dapatan kualitatif akan ditunjukkan dalam bentuk jadual pola yang terhasil daripada keselarasan antara peserta kajian ini.

Pola yang dimaksudkan di sini akan terhasil daripada perkara sama yang berlaku kepada setiap kumpulan yang terdiri daripada tiga orang pelajar. Jadual pola tersebut akan digunakan oleh pengkaji dalam perbincangan bab ini. Hal ini kerana keselarasan maklumat sehingga membentuk pola merupakan sebahagian daripada analisis data kajian kualitatif berbentuk kajian kes.

Analisis yang dilakukan adalah berkaitan dengan dapatan kajian yang diperoleh iaitu interpretasi yang merangkumi keseluruhan ruang lingkup mengenai objektif kajian yang telah dikemukakan dalam Bab 1. Sehubungan itu, perbincangan dalam analisis ini akan menjawab semua persoalan kajian yang telah dikemukakan yang melibatkan proses temu bual pelajar dan pemerhatian.

4.1 Dapatan Objektif Kajian 1

Meneroka proses kognisi pelajar dalam menyelesaikan masalah

Dapatan kajian bagi menjawab soalan kajian ini dibuat berdasarkan temubual dan pemerhatian. Dapatan kajian di 5 buah Kolej Vokasional, dalam kalangan 45 orang pelajar jurusan Teknologi Automotif yang menjalankan 7 tugasan menunjukkan terdapat satu tema utama (Proses Kognisi) dan 5 sub tema iaitu 1) Proses penaakulan 2) Proses mencakupi perhatian 3) Proses Penyelesaian Masalah 4) Proses Pembelajaran 5) Proses membuat keputusan.

Jadual 4.1: Dapatan Kajian Objektif Pertama

Bil	Nama KV	Kod	Tugasan	Tema Utama (Proses Kognisi)
1.	KV Betong	BE		Sub Tema
	Lapangan Pemerhatian 1	BE1	1. Pengujian Motor Penghidup	Proses penaakulan
	Lapangan Pemerhatian 2	BE2	2. Buka *Valve Spring*	Proses mencakupi perhatian
	Lapangan Pemerhatian 3	BE3	3. Tukar tali sawat	Proses Penaakulan
	Lapangan Pemerhatian 4	BE4	4, Buka nat pada *pulley* pada silinder.	Proses Penyelesaian Masalah
	Lapangan Pemerhatian 5	BE5	5. Uji palam pencucuh	Proses Pembelajaran
2.	KV Bintulu	BTU		
	Lapangan Pemerhatian 6	BTU1	1. Periksa sambungan dari bateri ke *alternator*	Proses membuat keputusan
	Lapangan Pemerhatian 7	BTU2	2. Pasang *piston* ke kepala silinder	Proses Penyelesaian Masalah
	Lapangan Pemerhatian 8	BTU3	3. Buku nat pada *pulley* silinder	Proses Penyelesaian Masalah
	Lapangan Pemerhatian 9	BTU4	4. Buka ikatan pada *pulley* krankshaft	Proses membuat keputusan
	Lapangan Pemerhatian 10	BTU5	5. Buka nat dan *bolt* pada *pulley* krankshaft menggunakan Spanar Boleh Laras	Proses Penaakulan

sambungan **Jadual 4.1**

3.	KV Matang	MV		
	Lapangan Pemerhatian 11	MV1	1. Guna Meter Pelbagai untuk memeriksa Bateri. tukar suis penyalaan enjin	Proses Penyelesaian Masalah
	Lapangan Pemerhatian 12	MV2	2. Uji Solenoid *pull in* menggunakan Meter Pelbagai	Proses Pembelajaran
	Lapangan Pemerhatian 13	MV3	3. keluarkan tembaga dan membersihkan karburator menggunakan minyak petrol	Proses Penaakulan
	Lapangan Pemerhatian 14	MV4	4. tanggalkan nat mengikut nombor 8 dan menanggalkan gegelung pencucuh	Proses Penyelesaian Masalah
	Lapangan Pemerhatian 15	MV5	5. mengalih *Valve Spring* menggunakan magnet mengikut urutan	Proses mencakupi perhatian
4.	KV Kuching	VK		
	Lapangan Pemerhatian 16	VK1	1. bersihkan *Valve Spring* hilang daripada karbon untuk mengelakkan kebocoran	Proses membuat keputusan
	Lapangan Pemerhatian 17	VK2	2. laraskan tali sawat dengan memusing sehingga titik ke tanda atas krankshaft dan *pulley* kurang daripada kamshaft	Proses membuat keputusan
	Lapangan Pemerhatian 18	VK3	3. ikat semula nat dari tengah ke tepi dan tepi ke tengah *Valve Spring*	Proses Penaakulan
	Lapangan Pemerhatian 19	VK4	4. pusing *pulley* tali sawat dari bawah sehingga atas di mana *piston* silinder	Proses Penyelesaian Masalah
	Lapangan Pemerhatian 20	VK5	5. sambung kabel lampu pemasaan pada kabel elektrik	Proses membuat keputusan
5.	KV Miri	MI		
	Lapangan Pemerhatian 21	MI1	1. periksa dengan kitaran nombor dengan mengetatkan unit pengagih	Proses Penaakulan
	Lapangan Pemerhatian 22	MI2	2. periksa gegelung pencucuh dan Motor Penghidup dengan menggunakan Meter Pelbagai	Proses membuat keputusan
	Lapangan Pemerhatian 23	MI3	3. buka kepala silinder menggunakan *Torque Wrench* mengikut urutan	Proses Penyelesaian Masalah
	Lapangan Pemerhatian 24	MI4	4. pasang gasket pada blok silinder dengan gam gasket.	Proses membuat keputusan
	Lapangan Pemerhatian 25	MI5	5. gunakan Alat Buka Pasang Klep untuk melaraskan *Valve Spring*.	Proses membuat keputusan

Berpandukan Lapangan pemerhatian 1 Kolej Vokasional A, Pengujian Motor Penghidup menggunakan kaedah yang sesuai iaitu menggunakan Meter Pelbagai untuk menguji Motor Penghidup. Pelajar menyentuh terminal pada Motor Penghidup untuk memastikan sama ada Motor Penghidup ada keterusan arus elektrik dan ini melibatkan proses penaakulan**.** Pelajar memikirkan langkah-langkah untuk memastikan terdapat pengaliran arus elektrik dalam Motor Penghidup.

Berdasarkan Lapangan pemerhatian 2, pelajar telah memberi perhatian kepada bagaimana hendak membuka *Valve Spring* menggunakan peralatan magnet mengikut urutan, dan melalui proses mencakupi perhatian.

Berpandukan Lapangan pemerhatian 3, pelajar telah membuat keputusan untuk menukar tali sawat dengan mengikut urutan langkah yang ditetapkan. Pelajar menggunakan kaedah menukar tali sawat dengan membuka penutup tali sawat dengan mengeluarkan tali sawat. Tali sawat yang dalam keadaan retak perlu diganti dan ini melibatkan proses penaakulan.

Berdasarkan pada Lapangan pemerhatian 4, pelajar telah menyelesaikan masalah dengan membuka nat pada *pulley* pada silinder mengikut langkah yang ditetapkan. Pelajar menanggalkan bahagian silinder untuk mencari punca enjin kereta tidak dapat dihidupkan.

Berdasarkan Lapangan pemerhatian 5, pelajar mempelajari proses menguji palam pencucuh dengan mengikut langkah yang betul dan menunjukkan bahawa proses pembelajaran telah berlaku melalui pengujian palam pencucuh.

Mengikut Lapangan pemerhatian 6 di Kolej Vokasional B, pelajar telah membuat keputusan untuk memeriksa sambungan dari bateri ke *alternator* dengan mengikut langkah yang betul dan tepat. Pemeriksaan sambungan dari bateri dilakukan dengan teliti. Berpandukan kepada Lapangan pemerhatian 7, pelajar telah menyelesaikan masalah dengan

memasang semula *piston* ke dalam kepala silinder dengan mengikut langkah susunan supaya enjin kereta dapat dihidupkan.

Berdasarkan kepada Lapangan pemerhatian 8, pelajar membuka nat pada *pulley* pada silinder dengan mengikut langkah untuk menyelesaikan masalah yang terdapat pada kepala silinder. Berdasarkan pada Lapangan pemerhatian 9, pelajar telah membuat keputusan untuk membuka nat pada *pulley* pada silinder kerana terdapat bahagian nat pada *pulley* silinder berkarat. Untuk melonngarkan nat tidak dibuka. Pelajar menyelesaikan masalah dengan menggunakan pemutar nat elektrik untuk menanggalkannya.

Pada Lapangan pemerhatian 10, pelajar membuka nat dan *bolt* pada *pulley* krankshaft menggunakan Spanar boleh Laras dengan mengikut langkah dan ini melibatkan proses penaakulan.

Berpandukan pada Lapangan pemerhatian 11 di Kolej Vokasional C, pelajar telah menyelesaikan masalah dengan membuat keputusan untuk menggunakan Meter Pelbagai untuk memeriksa Bateri dan menukar suis penyalaan enjin. Hasil pemeriksaan Bateri, kebocoran elektrik berlaku kerana sambungan Bateri tidak disambungkan dalam keadaan baik.

Berpandukan pada Lapangan pemerhatian 12, pelajar menguji Solenoid *pull in* menggunakan Meter Pelbagai menunjukkan bahawa proses pembelajaran telah berlaku melalui hand ons. Pelajar mendapati bahawa Jarum Meter Pelbagai tidak bergerak. Ini bermakna tidak ada pengaliran elektrik berlaku.

Berdasarkan pada Lapangan pemerhatian 13, pelajar telah membuat keputusan untuk mengeluarkan tembaga dan membersihkan karburator menggunakan minyak petrol dan proses penaakulan berlaku. Sisa kotoran dalam karburator perlu dibersihkan supaya tidak menyebabkan karburator tersumbat.

Berpandukan pada Lapangan pemerhatian 14, pelajar telah menyelesaikan masalah dengan membuat keputusan untuk menanggalkan nat mengikut nombor 8 dan menanggalkan gegelung pencucuh dengan mengikut langkah supaya tidak merosakkan gegelung pencucuh.

Berdasarkan pada Lapangan pemerhatian 15, pelajar telah memberi perhatian kepada mengalih *Valve Spring* menggunakan magnet mengikut urutan dengan mengikut langkah dan melalui proses mencakupi perhatian. Tugas pembelajaran selesai dibuat.

Berpandukan pada Lapangan pemerhatian 16 di Kolej Vokasional D, pelajar telah membuat keputusan untuk membersihkan *Valve Spring* supaya menghilangkan *Valve Spring* daripada karbon untuk mengelakkan kebocoran dengan mengikut langkah yang ditetapkan.

Berdasarkan pada Lapangan pemerhatian 17, pelajar telah membuat keputusan melaraskan tali sawat dengan memusing sehingga titik ke tanda atas krankshaft dan *pulley* kurang daripada kamshaft. Pelarasan tali sawat dilakukan supaya enjin bergerak lancar. Berpandukan pada Lapangan pemerhatian 18, pelajar mengikat semula nat dari tengah ke tepi dan tepi ke tengah *Valve Spring* dan ini melibatkan proses penaakulan kerana pelajar perlu mengikut langkah yang betul.

Berdasarkan pada Lapangan pemerhatian 19, pelajar telah menyelesaikan masalah dengan mengikat semula nat dari tengah ke tepi dan tepi ke tengah *Valve Spring*. Hal ini kerana *Valve Spring* dapat berfungsi dengan lancar. Berpandukan pada Lapangan pemerhatian 20, pelajar telah membuat keputusan untuk menyambung kabel lampu pemasaan pada kabel elektrik semula supaya pengaliran arus elektrik berlaku.

Berdasarkan Lapangan pemerhatian 21 Kolej Vokasional E, pelajar menaakul dengan teliti bagaimana memeriksa dengan kitaran nombor dengan mengetatkan unit

pengagih. Pemeriksaan ke atas kitaran nombor di mana pengagih adalah ketat. Berpandukan Lapangan pemerhatian 22, pelajar telah membuat keputusan untuk memeriksa gegelung pencucuh dan Motor Penghidup dengan menggunakan Meter Pelbagai. Hasil pemerhatian, pelajar didapati gegelung pencucuh mengalami kerosakan.

Berdasarkan Lapangan pemerhatian 23, pelajar telah menyelesaikan masalah iaitu membuka kepala silinder menggunakan *Torque Wrench* mengikut urutan langkah yang betul. Hal ini demikian keranaa kepala silinder mesti berada pada kedudukan betul. Berpandukan kepada Lapangan pemerhatian 24, pelajar telah membuat keputusan untuk memasang gasket pada blok silinder dengan gam gasket. Justeru itu, kebocoran minyak pelincir tidak akan berlaku. Berdasarkan Lapangan pemerhatian 25, pelajar membuat keputusan menggunakan Alat Buka Pasang Klep untuk melaraskan *Valve Spring*. Penyelarasan Alat Buka Pasang Klep menyelesaikan masalah kebocoran minyak pelincir semasa enjin bergerak.

4.2 Dapatan Objektif Kajian 2

Memahami jenis-jenis metakognisi dalam kalangan pelajar

Dapatan kajian menunjukkan bahawa jenis-jenis metakognisi mempunyai hubungan langsung yang signifikan secara positif ke atas pencapaian akademik pelajar. Para pelajar menilai, mengawal, memantau serta merancang dalam menyelesaikan tugasan pembelajaran. Pelajar yang aktif meregulasi dan memperbaiki tindakan mereka juga akan memperbaiki hasil pembelajaran mereka. Tidak dapat dinafikan bahawa jenis-jenis metakognisi memainkan peranan yang penting dalam proses pembelajaran seseorang. Hal ini kerana adalah sukar untuk mempercayai bahawa pelajar yang sering membuat pemantauan kognitif tidak mendapat keputusan yang lebih baik berbanding pelajar yang tidak melakukannya.

Dapatan kajian di 5 buah Kolej Vokasional, dalam kalangan 45 orang pelajar jurusan Teknologi Automotif yang menjalankan 7 tugasan menunjukkan terdapat satu tema utama (jenis-jenis metakognisi) dan 4 sub tema 1) Nilai 2) Pantau 3) Rancang 4) Kawal.

Jadual 4.2: Dapatan Kajian Objektif Kedua

Bil	**KV**	**Kod**	**Tugasan**	**Tema (Jenis-jenis Metakognisi)**
1.	KV Betong	BT		Subtema
	Tugas Metakognisi 1	BT1	Uji kefungsian Motor Penghidup	Nilai
	Tugas Metakognisi 2	BT2	Buka *Valve Spring* dengan menggunakan Alat Buka Pasang Klep	Pantau
	Tugas Metakognisi 3	BT3	Tukar tali sawat	Rancang
	Tugas Metakognisi 4	BT4	Buka nat pada *pulley* pada silinder.	Pantau
	Tugas Metakognisi 5	BT5	Buka nat pada *pulley*	Pantau
	Tugas Metakognisi 6	BT6	Buka ikatan pada *pulley* krankshaft mengikut prosedur	Nilai
	Tugas Metakognisi 7	BT7	Buka kepala silinder dengan menggunakan peralatan iaitu Spanar T	Kawal
2.	KV Bintulu	BI		
	Tugas Metakognisi 1	BI1	Buka *Valve Spring*.	Pantau
	Tugas Metakognisi 2	BI2	Periksa sambungan dari bateri ke *alternator*	Nilai
	Tugas Metakognisi 3	BI3	Pasang *piston* ke kepala silinder	Kawal
	Tugas Metakognisi 4	BI4	Buka nat pada *pulley* pada silinder	Pantau
	Tugas Metakognisi 5	BI5	Tukar tali sawat	Kawal
	Tugas Metakognisi 6	BI6	Buka *Valve Spring* dengan menggunakan Alat Buka Pasang Klep	Pantau
	Tugas Metakognisi 7	BI7	Uji palam pencucuh menggunakan Meter Pelbagai.	Nilai
3.	KV Matang	KM		
	Tugas Metakognisi 1	KM1	Buka ikatan pada *pulley* krankshaft	Pantau
	Tugas Metakognisi 2	KM2	Uji Motor Penghidup dengan menggunakan Meter Pelbagai	Nilai
	Tugas Metakognisi 3	KM3	Buka nat dan *bolt* pada *pulley* krankshaft menggunakan Spanar Boleh Laras	Pantau
	Tugas Metakognisi 4	KM4	Guna Meter Pelbagai untuk memeriksa Bateri.	Kawal
	Tugas Metakognisi 5	KM5	tukar suis penyalaan enjin	Pantau
	Tugas Metakognisi 6	KM6	Uji Solenoid pull in menggunakan Meter Pelbagai	Nilai
	Tugas Metakognisi 7	KM7	keluarkan tembaga dan membersihkan karburator menggunakan minyak petrol	Pantau

sambungan **Jadual 4.2**

4.	KV Kuching	KV		
	Tugas Metakognisi 1	KV1	tanggalkan nat mengikut nombor 8 dan menanggalkan gegelung pencucuh	Pantau
	Tugas Metakognisi 2	KV2	mengalih *Valve Spring* menggunakan magnet mengikut urutan	Pantau
	Tugas Metakognisi 3	KV3	bersihkan *Valve Spring* hilang daripada karbon untuk mengelakkan kebocoran.	Kawal
	Tugas Metakognisi 4	KV4	laraskan tali sawat dengan memusing sehingga titik ke tanda atas krankshaft dan *pulley* kurang daripada kamshaft	Kawal
	Tugas Metakognisi 5	KV5	ikat semula nat dari tengah ke tepi dan tepi ke tengah *Valve Spring*	Pantau
	Tugas Metakognisi 6	KV6	pusing *pulley* tali sawat dari bawah sehingga atas di mana *piston* silinder	Pantau
	Tugas Metakognisi 7	KV7	sambung kabel lampu pemasaan pada Terminal Bateri untuk memancar pada kedudukan tepat	Pantau
5.	KV Miri	MR		
	Tugas Metakognisi 1	MR1	Periksa dengan kitaran nombor dengan mengetatkan unit pengagih	Nilai
	Tugas Metakognisi 2	MR2	Periksa gegelung pencucuh dan Motor Penghidup dengan menggunakan Meter Pelbagai	Nilai
	Tugas Metakognisi 3	MR3	buka penutup tali sawat	Pantau
	Tugas Metakognisi 4	MR4	sambungkan wayar lampu pemasaan pada Terminal Positif dengan wayar merah dan Terminal Negatif menggunakan wayar hitam	Kawal
	Tugas Metakognisi 5	MR5	buka kepala silinder menggunakan *Torque Wrench* mengikut urutan	Pantau
	Tugas Metakognisi 6	MR6	pasang gasket pada blok silinder dengan gam gasket.	Kawal
	Tugas Metakognisi 7	MR7	gunakan Alat Buka Pasang Klep untuk melaraskan *Valve Spring*.	Kawal

Berdasarkan Jadual 4.2 Dapatan Kajian Objektif Kedua menunjukkan tugas metakognisi di Kolej Vokasional Betong iaitu tugas metakognisi 1, menguji kefungsian Motor Penghidup.

Semasa melaksanakan tugas pembelajaran, pelajar membuat penilaian tugas tentang hasil pembelajaran yang dijalankan iaitu Motor Penghidup berfungsi. Apa sebab

Motor Penghidup itu berfungsi. Motor Penghidup berfungsi kerana terdapat pengaliran arus elektrik. Pelajar menjalankan tugas metakognisi 2 iaitu membuka *Valve Spring* dengan menggunakan Alat Buka Pasang Klep. Pelajar telah memantau apa cara yang dapat digunakan untuk membuka *Valve Spring*. Pelajar membuat tugasan metakognisi 3 iaitu merancang untuk menukar tali sawat kerana terdapat retakan pada tali sawat.

Hal ini kerana keadaan tali sawat dalam rosak menyebabkan enjin kereta tidak dapat berfungsi dengan baik. Selepas itu, pelajar melaksanakan tugas metakognisi 4 iaitu membuka nat pada *pulley* pada silinder. Pelajar telah membuat pemantauan bagaimana membuka nat yang terdapat pada *pulley* pada kepala silinder.

Nat terlalu ketat untuk ditanggalkan kerana terdapat besi nat itu berkarat. Jadi pelajar telah membuat keputusan untuk memberi minyak pada nat tersebut. Akhirnya nat berjaya dibuka. Untuk melaksanakan tugas metakognisi 5 iaitu membuka nat pada *pulley*. Pelajar telah memantau apa peralatan yang diperlukan untuk membuka nat pada *pulley*.

Bagi menjalankan tugas metakognisi 6 iaitu membuka ikatan pada *pulley* krankshaft menggunakan spanar terbuka. Pelajar membuat pernilaian kendiri apa yang telah dijalankan semasa membuka ikatan pada *pulley* krankshaft. Pelajar membuat tugas metakognisi 7 iaitu membuka kepala silinder dengan menggunakan peralatan iaitu Spanar T.

Semasa pelajar membuat tugasan membuka kepala silinder. Pelajar mengawal langkah-langkah mengikut prosedur dengan menggunakan peralatan yang diperlukan. Bagi tugas metakognisi yang dijalankan di Kolej Vokaisonal Bintulu iaitu tugas metakognisi 1 iaitu membuka *Valve Spring*.

Pemantauan ke atas tugas metakognisi 1 dengan memerhatikan apa yang telah dilakukan oleh pelajar. Tugas metakognisi 2 iaitu memeriksa sambungan dari bateri ke *alternator*. Penilaian pelajar ke atas hasil kerja yang dilakukan oleh mereka sangat

memuaskan. Tugas metakognisi 3 iaitu memasang *piston* ke kepala silinder. Pelajar mengawal semasa memasang *piston* ke kepala silinder dengan teratur. Manakala tugas metakognisi 4 iaitu membuka nat pada *pulley* pada silinder. Pelajar membuat pemantauan kepada bagaimana membuka nat pada *pulley* silinder.

Untuk melaksanakan tugas metakognisi 5 iaitu menukar tali sawat. Pelajar perlu mengawal bagaimana menukar tali sawat. Tugas metakognisi 6 iaitu membuka *Valve Spring* dengan menggunakan Alat Buka Pasang Klep. Pelajar memantau bagaimana menggunakan Alat Buka Klep untuk membuka *Valve Spring*.

Untuk melakukan tugas metakognisi 7 iaitu menguji palam pencucuh menggunakan Meter Pelbagai. Pelajar menilai hasil kerja pembelajaran yang dilakukan. Bagi menjalankan tugas metakognisi di Kolej Vokaisonal Matang iaitu tugas metakognisi 1 iaitu membuka ikatan pada *pulley* krankshaft.

Pelajar telah memantau bagaimana membuka ikatan pada *pulley* di bahagian krankshaft. Untuk melakuksan tugas metakognisi 2 iaitu menguji Motor Penghidup dengan menggunakan Meter Pelbagai. Pelajar membuat pernilaian ke atas hasil pengujian Motor Penghidup dengan menggunakan Meter Pelbagai.

Tugas metakognisi 3 iaitu membuka nat dan *bolt* pada *pulley* krankshaft menggunakan Spanar Boleh Laras. Pelajar memerhati hasil kerja yang dilakukan supaya mengikut spesifikasi yang tepat. Untuk menjalankan tugas metakognisi 4 iaitu merancang menggunakan Meter Pelbagai untuk memeriksa Bateri.

Meter Pelbagai menunjukkan bacaan positif pada Meter Pelbagai. Ini bermakna terdapat pengaliran arus elektrik. Bagi menjalankan tugas metakognisi 5 iaitu tukar suis penyalaan enjin. Pelajar telah membuat pemantauan yang teliti iaitu menggunakan pemutar skru untuk mengeluarkan suis tersebut. Bagi melakukan tugas metakognisi 6 iaitu menguji

Solenoid *pull in* dengan menggunakan Meter Pelbagai Klep. Pelajar menilai hasil pembelajaran dengan pemerhatian lebih lanjut. Pelajar melakukan tugas metakognisi 7 iaitu mengeluarkan tembaga dan membersihkan karburator menggunakan minyak petrol. Pemantauan tugas kerja amali dijalankan ke atas pembersihan karburator.

Tugas metakognisi di Kolej Vokaisonal Kuching iaitu tugas metakognisi 1 iaitu tanggalkan nat mengikut nombor 8 dan menanggalkan gegelung pencucuh. Langkah pemantauan diambil oleh pelajar semasa mereka menanggalkan nat mengikut nombor 8 dan gegelung pencucuh.

Pelajar menjalankan tugas metakognisi 2 iaitu mengalih *Valve Spring* menggunakan magnet mengikut urutan. Pelajar telah membuat pemantauan bagaimana untuk menyelesaikan masalah. Dalam melaksanakan tugas metakognisi 3 iaitu membersihkan *Valve Spring* hilang daripada karbon untuk mengelakkan kebocoran.

Pelajar telah membuat keputusan supaya *Valve Spring* bersih daripada sebarang karbon. Untuk melaksanakan tugas metakognisi 4 iaitu laraskan tali sawat dengan memusing sehingga titik ke tanda atas krankshaft dan *pulley* kurang daripada kamshaft. Pelajar perlu mengawal dengan mengambil langkah demi langkah untuk melaraskan tali sawat memusing sehingga titik ke tanda atas krankshaft dan *pulley* kurang dariapada kamshaft.

Bagi menjalankan tugas metakognisi 5 iaitu mengikat semula nat dari tengah ke tepi dan tepi ke tengah *Valve Spring*. Pelajar telah memantau langkah-langkah adalah tepat. Untuk menjalankan tugas metakognisi 6 iaitu pusing *pulley* tali sawat dari bawah sehingga atas di mana *piston* silinder.

Pelajar telah memantau kaedah yang digunakan untuk menjalankan tugas metakognisi dengan tepat. Bagi melakukan tugas metakognisi 7 iaitu sambung kabel lampu

pemasaan pada Terminal Bateri untuk memancar pada kedudukan tepat. Pelajar telah memantau sama ada sambungan kabel lampu pemasaan adalah ketat dan tepat pada Terminal Bateri.

Untuk melaksanakan tugas metakognisi di Kolej Vokaisonal Miri iaitu tugas metakognisi 1 iaitu memeriksa dengan kitaran nombor dengan mengetatkan unit pengagih. Pelajar menilai kitaran nombor dengan mengetatkan unit pengagih.

Tugas metakognisi 2 iaitu memeriksa gegelung pencucuh dan Motor Penghidup dengan menggunakan Meter Pelbagai. Pelajar telah menilai hasil kerja yang dijalankan. Bagi tugas metakognisi 3 iaitu membuka penutup tali sawat. Pelajar memantau langkah yang sepatutnya dijalankan.


Bagi tugas metakognisi 4 iaitu menyambungkan wayar lampu pemasaan pada Terminal Positif dengan wayar merah dan Terminal Negatif menggunakan wayar hitam. Pelajar telah mengawal dan memastikan tugas menyambungkan wayar lampu pemasaan pada Terminal Positif dengan wayar merah dan Terminal Negatif menggunakan wayar hitam dapat dilakukan.

Bagi menjalankan tugas metakognisi 5 iaitu membuka kepala silinder menggunakan *Torque Wrench* mengikut urutan. Pelajar telah memantau langkah membuka silinder dengan menggunakan *Torque Wrench* mengikut urutan. Untuk melaksanakan tugas metakognisi 6 iaitu memasang gasket pada blok silinder dengan gam gasket.

Pelajar mengawal supaya tugas dapat dijalankan dengan lancar. Bagi tugas metakognisi 7 iaitu menggunakan Alat Buka Pasang Klep untuk melaraskan *Valve Spring*. Pelajar melaksanakan tugas dengan memberi kawalan kualiti terjamin.

4.3 Dapatan Objektif Kajian Ketiga

4.3.1 Membentuk model metakognisi pelajar




Rajah 4.1: Model Metakognisi Pelajar Bidang Program Teknologi Automotif di Kolej Vokasional

Model ini dibentuk berdasarkan analisis data iaitu metakognisi pelajar semasa penyelesaian masalah sistem penyalaan kenderaan automotif. Dapatan kajian terdiri daripada metakognisi pelajar kurang mahir, sederhana mahir, dan sangat mahir.

Berdasarkan analisis data, pelajar-pelajar dari Kolej Vokasional A dan Kolej Vokasional C sangat mahir kerana semua pelajar dapat membuat tugasan mengenai sistem penyalaan kenderaan. Manakala pelajar pelajar dari Kolej Vokasional B dan Kolej Vokasional D sederhana mahir. Di samping itu, pelajar-pelajar dari Kolej Vokasional E kurang mahir.

4.3.2 Model Metakognisi Pelajar Kurang Mahir




Rajah 4.2: Metakognisi Pelajar Kurang Mahir

Berdasarkan model metakognisi pelajar kurang mahir, pelajar memerlukan bimbingan daripada guru untuk melaksanakan tugasan pembelajaran. Proses penyelesaian masalah memerlukan satu siri keputusan yang berulangan, di mana setiap penyelesaian bergantung kepada hasil yang mendahuluinya. Hal ini bermaksud proses membuat keputusan adalah penyelesaian kepada masalah.

Proses membuat keputusan memerlukan pemikiran yang rasional, terbuka, tidak sempit, dan tidak terburu-buru agar tindakan diambil berdasarkan pilihan terbaik untuk mengecapi sesuatu yang terbaik dan memilih satu daripada beberapa pilihan berdasarkan kriteria tertentu. Pengajaran dan pembelajaran yang berlaku di Kolej Vokasional adalah bersifat *reproduction* iaitu mengeluarkan semula apa yang telah dipelajari tanpa menggalakkan pelajar berfikir. Kebanyakan pelajar masa kini sentiasa mengikut perintah atau arahan dan melakukan tugas tanpa mengetahui mengapa mereka perlu berbuat demikian dan apa yang mereka sedang lakukan.

Mereka jarang bertanya tentang pilihan mereka dalam strategi pembelajaran atau menilai sama ada strategi pembelajaran yang dipilih adalah berkesan atau tidak. Pelajar seperti ini didapati tidak dapat menyelesaikan sesuatu masalah atau menerangkan bagaimana mereka memperolehi sesuatu jawapan kepada permasalahan tersebut.

4.3.3. Model Metakognisi Pelajar Sederhana Mahir




Rajah 4.3: Metakognisi Pelajar Sederhana Mahir

Berdasarkan model metakognisi pelajar sederhana mahir, pelajar mencuba dan menemui kegagalan semasa membuat tugasan pembelajaran sistem penyalaan kenderaan. Keupayaan seseorang pelajar berfikir dapat mempengaruhi cara pembelajaran, kepantasan, dan keberkesanan pembelajaran.

Pelajar yang sederhana mahir menunjukkan mereka sudah mempunyai kemahiran berfikir dalam menyelesaikan masalah dan boleh mengaplikasikannya dalam tugasan pembelajaran sistem penyalaan kenderaan.

Penekanan pengajaran kemahiran berfikir dalam proses penyelesaian masalah dalam tugasan pembelajaran adalah faktor yang penting bagi memastikan kemahiran berfikir dapat dihayati oleh pelajar-pelajar. Pelajar yang mempunyai kebolehan metakognitif merupakan pelajar yang menunjukkan prestasi yang tinggi dalam menyelesaikan tugasan yang rumit atau kompleks, bersungguh-sungguh dalam melakukan suatu tugas, dan sedar akan kegunaan kemahiran intelektual mereka.

4.3.4 Model Metakognisi pelajar Sangat Mahir



Rajah 4.4: Metakognisi Pelajar Sangat Mahir

Berdasarkan model metakognisi pelajar sangat mahir, pelajar dapat berdikari dalam membuat tugasan pembelajaran sistem penyalaan kenderaan. Kemahiran penyelesaian masalah perlu diberi penekanan sewajarnya supaya pelajar dapat menyelesaikan pelbagai masalah secara berkesan.

Hal ini disokong oleh pernyataan bahawa salah satu kebaikan pendekatan penyelesaian masalah ialah pelajar lebih berfikir dan dapat menggunakan akal fikiran mereka dalam menjana sesuatu idea.

Selain itu, penyelesaian masalah juga dapat melahirkan pelajar yang lebih berdikari dan senang untuk berkomunikasi. Bidang pembelajaran sistem penyalaan kenderaan yang lebih berbentuk amali berunsurkan teknologi juga salah satu punca pelajar memerlukan masa yang panjang dalam menyelesaikan masalah dalam pembelajaran.

Metakognisi memainkan peranannya dalam penyelesaian masalah sistem penyalaan kenderaan, khasnya dalam menetapkan matlamat, menilai perkembangan matlamat, dan membuat pembetulan yang sepatutnya.

Hal ini menunjukkan bahawa pelajar yang mempunyai kemahiran yang tinggi adalah lebih cekap dalam menyelesaikan masalah berbanding dengan pelajar kurang mahir. Kemahiran metakognitif perlu diajar kepada pelajar sekolah bagi membantu mereka menyelesaikan masalah seperti sistem penyalaan kenderaan ini.

Pemahaman sesuatu konsep teknologi automotif dibuktikan dengan kebolehan menyelesaikan masalah berkaitan konsep tersebut. Hal ini memerlukan pelajar memantau, mengawal atur, dan menilai proses kognitifnya untuk melakukan penyelesaian masalah yang berkesan.

Metakognitif merupakan satu unsur penting dalam penyelesaian masalah. Pelajar perlu menilai kemampuan mereka dalam melaksanakan tugas yang kompleks dan memikirkan cara kerja alternatif atau berkesan.

Hal ini menunjukkan bahawa kemahiran ini berperanan dalam membantu penyelesaian masalah sistem penyalaan kenderaan yang dihadapi oleh pelajar. Pelajar menunjukkan sangat mahir dalam ketiga-tiga aspek kemahiran metakognitif yang dikaji iaitu kemahiran memantau, kemahiran menilai, dan kemahiran mengawal atur.

4.4 Dapatan Kajian Kaedah Temu Bual

Bahagian in membentangkan dapatan data daripada temubual berstruktur seperti yang tertera dalam Jadual 4.3 digunakan untuk data analisis.

Jadual 4.3: Betong 2017-1

Bil	Tema 1	Subtema
1.	1) Proses Pembelajaran 2) Proses penaakulan 3) Proses Penyelesaian Masalah 4) Proses membuat keputusan. 5) Proses mencakupi perhatian Proses Pembelajaran	**1.** "*Tujuan sistem ini pada kenderaan adalah untuk mengagihkan voltan. Voltan sejumlah 12 volt daripada bateri melalui gelung utama hingga ke tahap 40,000 volt melalui gelung sekunder ke palam pencucuh yang melalui kabel voltan tinggi." (B1)* Proses Pembelajaran **2.** *"Antara masalah yang sering berlaku dalam sistem pencucuhan adalah seperti berikut Tiada percikan api pada titik sesentuh." (B2)* Proses penaakulan ***3.*** *"Masalah enjin tiada percikan api, ia bermakna bekalan voltan daripada bateri tidak sampai ke titik sesentuh. Saya pastikan wayar daripada terminal negatif gelung pencucuh bersambung pada terminal pengagih. Buka sambungan wayar pada sebelah pengagih dan sentuhkan ke punca bumi." (B4)* Proses Penyelesaian Masalah **4.** *"Saya akan memeriksa gegelung palam pencucuh dengan menggunakan mikormeter."(B5).* Proses membuat keputusan. **5.** *"Saya melaras Titik Sesentuh Imbang Masa Statik dan Imbang Masa Dinamik dalam enjin." (B7)* Proses mencakupi perhatian**.**

Berdasarkan Jadual 4.3 di atas, kajian temu bual ini menerangkan penilaian analisis data berdasarkan tema dan subtema terhadap soalan soalan yang diberikan, rujukan dan pemerhatian yang telah dijalankan oleh pengkaji.

Berpandukan tema pertama iaitu proses kognisi, beberapa pelajar telah ditemubual mengenai tugasan yang mereka jalankan. Menurut pelajar B1

"*.....Tujuan sistem ini pada kenderaan adalah untuk mengagihkan voltan. Voltan sejumlah 12 volt daripada bateri melalui gelung utama hingga ke tahap 40,000 volt melalui gelung sekunder ke palam pencucuh yang melalui kabel voltan tinggi " (B1).*

Pelajar B1 menerangkan tujuan sistem pada kenderaan dan menunjukkan bahawa proses pembelajaran telah berlaku melalui kerja amali. Manakala Pelajar B2 berkongsi tentang masalah yang sering berlaku, dan ini melibatkan proses penaakulan.

".....Antara masalah yang sering berlaku dalam sistem pencucuhan adalah tiada percikan api pada titik sesentuh " (B2).

Pelajar B4 telah menyelesaikan masalah dengan membuat keputusan untuk menyambung wayar daripada terminal negatif gelung pencucuh pada terminal pengagih dengan membuka sambungan wayar sebelah pengagih dan memastikan ianya menyentuh ke punca bumi.

" Masalah enjin tiada percikan api, ia bermakna bekalan voltan daripada bateri tidak sampai ke titik sesentuh. Saya memastikan wayar daripada terminal negatif gegelung pencucuh bersambung pada terminal pengagih. Buka sambungan wayar pada sebelah pengagih dan sentuhkan ke punca bumi " (B4).

Pelajar B5 telah membuat keputusan untuk memeriksa gegelung palam pencucuh dengan menggunakan mikrometer. Pelajar telah didapati jarum mikrometer bergerak ke arah positif.

".....Saya akan memeriksa gegelung palam pencucuh dengan menggunakan mikormeter "(B5).

Pelajar B7 menyatakan bahawa dia melaraskan Titik Sesentuh Imbang Masa Statik dan Imbang Masa Dinamik dalam enjin berdasarkan pengetahuan sedia ada. Pelajar telah memberi perhatian kepada penyelarasan titik sesentuh, dan melalui proses mencakupi perhatian**.**

> *"....Saya melaras Titik Sesentuh Imbang Masa Statik dan Imbang Masa Dinamik dalam enjin....." (B7).*

Jadual 4.4: Betong 2017-2

Bil	Tema 2	Subtema
2.	**Jenis Metakognisi** 1) Nilai 2) Kawal 3) Rancang 4) Pantau	**1.** *"Sistem pencucuhan mesti menghasilkan voltan tinggi arus elektrik ke silinder mengikut aturan pembakaran yang betul." (B2)* Nilai **2.** *"Sistem pencucuhan elektronik pula tidak terkecuali daripada kerosakan. Ini juga memerlukan kerja selenggaraan yang secukupnya dan berterusan dengan kelengkapan seperti penganalisis enjin, tako meter dan lampu pemasaan 'timing light." (B1)* Kawal. **3.** *"Baiki enjin melalui tiga silinder atau kurang jika enjin kereta tidak dapat dihidupkan."(B3)* Rancang **4.** *"Saya akan memeriksa gegelung palam pencucuh dengan menggunakan mikormeter."(B4)* Pantau

Berdasarkan Jadual 4.4 di atas, kajian temu bual ini menerangkan penilaian analisis data berdasarkan tema dan subtema terhadap soalan soalan yang diberikan, rujukan dan pemerhatian yang telah dijalankan oleh pengkaji.

Berdasarkan tema kedua iaitu jenis metakognisi pelajar, beberapa pelajar telah ditemubual mengenai tugasan yang mereka jalankan. Menurut pelajar B2,

"....Sistem pencucuhan mesti menghasilkan voltan tinggi arus elektrik ke silinder mengikut aturan pembakaran yang betul " (B2).

Pelajar B2 mengetahui dan sedar bahawa sistem pencucuhan menghasilkan arus elektrik yang tinggi kepada kepala silinder jika pembakaran berlaku tepat pada masanya. Ini menunjukkan penilaian pelajar ke atas sistem yang menghasilkan percikan api bagi memulakan pembakaran bahan api (petrol) dalam kebuk pembakaran enjin.

> *" Sistem pencucuhan elektronik pula tidak terkecuali daripada kerosakan. Ini juga memerlukan kerja senggaraan yang secukupnya dan berterusan dengan kelengkapan seperti penganalisis enjin, tako meter dan lampu pemasaan 'timing light '. (B1).*

Pelajar B1 mengawal kerja penyelenggaraan bahawa litar pencucuhan oleh litar elektronik.

> *".....Baiki enjin melalui tiga silinder atau kurang jika enjin kereta tidak dapat dihidupkan ... "(B3)*

Pelajar B3 merancang untuk membaiki enjin kereta tidak dapat dihidupkan melalui tiga silinder.

> *".... Saya akan memeriksa gegelung palam pencucuh dengan menggunakan mikormeter.... "(B4).*

Pelajar B4 menggunakan mikrometer untuk memantau keadaan gegelung palam pencucuh untuk memastikannya dalam keadaan baik.

Jadual 4.5: Bintulu 2017-1

Bil	Tema 1	Subtema
1.	**Proses Kognisi** 1) Proses Pembelajaran 2) Proses penaakulan 3) Proses Penyelesaian Masalah 4) Proses membuat keputusan. 5) Proses mencakupi perhatian	**1.** *"Saya dapat membuat operasi penyalaan dan pengedar elektronik yang diprogramkan dalam sistem pencucuhan." (BT1)* Proses membuat keputusan **2.** *"Penyalaan elektronik yang diprogramkan: komponen, fungsi dan operasi; elektronik. Unit Kawalan; sensor seperti tekanan udara, crankshaft, camshaft, enjin suhu, ketukan, suhu udara; gegelung pencucuh; pengedar; suis pencucuhan; cakera relru; pelepasan seperti kapasitor, induktif. Pengedar kurang sistem pencucuhan: komponen, fungsi dan operasi; pengubah; kapasitor; gegelung pencucuhan (s) misalnya percikan api, lakonan langsung; palam pencucuh; sensor contoh tekanan manifold, kcrankshaft, kamshaft, ketukan; arus utama modul bertukar, percikan api, bertindak langsung. ,, (BT3).* Proses Pembelajaran **3.** *"Saya memastikan garisan bahan api seperti penumpuk, saluran paip, sambungan paip bahan api, penapis bahan api bersambungan*." *(BT9)* Penaakulan **4.** *"Strategi yang digunakan iaitu penyelenggaraan suntikan bahan api seperti suntikan berterusan, suntikan terputus-putus, suntikan separa dan berurutan, asynchronous dan suntikan terkumpul; syarat operasi seperti permulaan sejuk, melahu, maksimum kuasa; kecekapan terma dan pembentukan pencemar." (BT7)* Proses mencakupi perhatian **5.** *"Memeriksa di mana kelembapan, kotoran, kakisan, bacaan kod kesalahan, jurang, sambungan pautan data, output dan rintangan serta palam pencucuh."(BT4)* Proses Penyelesaian Masalah

Berdasarkan Jadual 4.5 di atas, kajian temu bual ini menerangkan penilaian analisis data berdasarkan tema dan subtema terhadap soalan soalan yang diberikan, rujukan dan pemerhatian yang telah dijalankan oleh pengkaji.

Berpandukan tema pertama iaitu proses kognisi, beberapa pelajar telah ditemubual mengenai tugasan yang mereka jalankan. Menurut pelajar BT1 membuat keputusan untuk membuat operasi penyalaan dan pengedar elektronik.

> "*.....Saya dapat membuat operasi penyalaan dan pengedar elektronik yang diprogramkan dalam sistem pencucuhan " (BT1).*

Pelajar BT3 menerangkan sistem penyalaan elektronik pada kenderaan dan menunjukkan bahawa proses pembelajaran telah berlaku melalui tugas pembelajaran.

> *".....Penyalaan elektronik yang diprogramkan: komponen, fungsi dan operasi; elektronik. Unit Kawalan; sensor seperti tekanan udara, crankshaft, camshaft, enjin suhu, ketukan, suhu udara; gegelung pencucuh; pengedar; suis pencucuhan; cakera relru; pelepasan seperti kapasitor, induktif. Pengedar kurang sistem pencucuhan: komponen, fungsi dan operasi; pengubah; kapasitor; gegelung pencucuhan (s) misalnya percikan api, lakonan langsung; palam pencucuh; sensor contoh tekanan manifold, kcrankshaft, kamshaft, ketukan; arus utama modul bertukar, percikan api, bertindak langsung " (BT3).*

Manakala Pelajar BT9 berkongsi tentang masalah yang sering berlaku, dan ini melibatkan proses penaakulan.

> *" Saya memastikan garisan bahan api seperti penumpuk, saluran paip, sambungan paip bahan api, penapis bahan api bersambungan....." (BT9). Strategi yang digunakan iaitu penyelenggaraan suntikan bahan api seperti suntikan berterusan, suntikan terputus-putus, suntikan separa dan berurutan, asynchronous dan suntikan terkumpul; syarat operasi seperti permulaan sejuk, melahu, maksimum kuasa; kecekapan terma dan pembentukan pencemar " (BT7).*

Pelajar BT7 menyatakan bahawa dia telah membuat penyelenggaraan suntikan bahan api berdasarkan pengetahuan sedia ada. Pelajar telah memberi perhatian kepada penyelenggaraan suntikan bahan api melalui proses mencakupi perhatian.

".....Memeriksa di mana kelembapan, kotoran, kakisan, bacaan kod kesalahan, jurang, sambungan pautan data, output dan rintangan serta palam pencucuh. "(BT4).

Pelajar BT4 menyelesaikan masalah dengan membuat keputusan memeriksa kelembapan, kotoran, kakisan, bacaan kod kesalahan, jurang, sambungan pautan data, output dan rintangan serta palam pencucuh.

Jadual 4.6: Bintulu 2017-2

Bil	**Tema 2**	**Subtema**
2.	**Metakognisi** 1) Nilai 2) Kawal 3) Rancang 4) Pantau	**1.** "*Saya fikir kekurangan sambungan mekanikal dalam sistem pemanduan oleh dawai yang mungkin mendatangkan masalah sekiranya pedal sensor gagal." (BT2)* Nilai **2.** *"Saya faham sistem suntikan petrl dan prinsip pembakaran bahan api contohnya komposisi udara atmosfera, nilai kalori bahan api, kekuatan campuran dan pelbagai pembakaran, pengaruh nisbah udara / bahan api pada output kuasa enjin." (BT6)* Kawal **3.** *"Saya memastikan sistem ini berfungsi dengan memaksa bahan api bertekanan melalui muncung kecil itu atomis bahan bakar, membakarnya lebih cepat apabila dicampur dengan udara." (BT5)* Pantau **4.** *"Saya memahami tentang manifold induksi dengan ruang plenum, manifolds induksi geometri berubah-ubah." (BT8)* Rancang

Berdasarkan Jadual 4.6 di atas, kajian temu bual ini menerangkan penilaian analisis data berdasarkan tema dan subtema terhadap soalan soalan yang diberikan, rujukan dan pemerhatian yang telah dijalankan oleh pengkaji. Berdasarkan tema kedua iaitu metakognisi pelajar, beberapa pelajar telah ditemubual mengenai tugasan yang mereka jalankan.

Menurut pelajar BT2 menilai kerja penyelenggaraan bahawa litar pencucuhan oleh litar elektronik.

> *" .....Saya fikir kekurangan sambungan mekanikal dalam sistem pemanduan oleh dawai yang mungkin mendatangkan masalah sekiranya pedal sensor gagal....." (BT2).*

Manakala Pelajar BT2 berkongsi tentang masalah yang sering berlaku, dan ini melibatkan Pelajar BT2 menilai apa yang kurang pada sambungan mekanikal dalam sistem pemanduan oleh dawai. Pelajar BT2 juga mengawal kemungkinan membawa masalah jika pedal sensor tidak berfungsi.

> *".....Saya faham sistem suntikan petrol dan prinsip pembakaran bahan api contohnya komposisi udara atmosfera, nilai kalori bahan api, kekuatan campuran dan pelbagai pembakaran, pengaruh nisbah udara / bahan api pada output kuasa enjin " (BT6).*

Pelajar BT6 mengawal sistem suntikan petrol dan pembakaran bahan api yang mempunyai komposisi udara atmosfera dan nilai kalori bahan api mempunyai kekuatan campuran dalam pelbagai proses pembakaran mempengaruhi nisbah udara dan bahan api kepada output untuk mengerakkan enjin dengan kuasa yang tinggi.

" ....Saya memastikan sistem ini berfungsi dengan memaksa bahan api bertekanan melalui muncung kecil itu atomis bahan bakar, membakarnya lebih cepat apabila dicampur dengan udara.... "(BT5).

Pelajar BT5 memantau sistem suntikan petrol bahawa ia berfungsi dengan memacut bahan api mempunyai tekanan melalui muncung kecil dengan atomis bahan bakar. Pembakaran berlaku lebih cepat supaya dicampur dengan komposisi udara.

".....Saya memahami tentang manifold induksi dengan ruang plenum, manifolds induksi geometri berubah-ubah ... " (BT8).

Pelajar BT8 membuat perancangan selenggaraan sistem manifold induksi dengan ruang plenum dalam sistem manifolds induksi geometri berubah-ubah.

Jadual 4.7: Kuching 2017-1

Bil	Tema 1	Subtema
	Proses Kognisi 1) Proses Pembelajaran 2) Proses penaakulan 3) Proses Penyelesaian Masalah 4) Proses membuat keputusan. 5) Proses mencakupi perhatian	**1.** *"Saya fikir saya akan menggantikan injap. Jika terdapat kesan-kesan dan tanda- tanda semasa semakan pada batang injap."(K2)* Proses membuat keputusan **2.** *"Dengan membuang air dan minyak enjin. Tanggalkan kabel bateri kerana keluarkan tali sawat dan dengan masa keluarkan liang ekzos dan kepala silinder bolt." (K3)* Proses Penyelesaian Masalah **3.** "*Saya menguji starter motor tanpa beban kerja dan sediakan peralatan seperti wayar kabel pelompat, bateri dan starter motor pada pemegangnya*." *(K1)* Penaakulan **4.** "*Skop pengujian sistem pencucuhan diperiksa dan menguji pendawaian litar utama dan sekunder penyalaan dan komponen keadaan pepejal; ujian gegelung pencucuhan(s);menjalankan perbincangan tindakan yang*

sambungan **Jadual 4.7**

		sewajarnya. Saya membuat analisis gelombang." (K6) Proses Pembelajaran**.** **5.** *"Ia perlu keluarkan skru pengikat starter motor dengan perumah." (K5).* Proses mencakupi perhatian

Berdasarkan Jadual 4.7 di atas, kajian temu bual ini menerangkan penilaian analisis data berdasarkan tema dan subtema terhadap soalan soalan yang diberikan, rujukan dan pemerhatian yang telah dijalankan oleh pengkaji.

Berpandukan tema pertama iaitu proses kognisi, beberapa pelajar telah ditemubual mengenai tugasan yang mereka jalankan. Menurut pelajar K2 membuat keputusan untuk menggantikan injap kerana terdapat kesan-kesan dan tanda-tanda terdapat pada batang injap semasa membuat operasi penyalaan dan pengedar elektronik.

> *".....Saya fikir saya akan menggantikan injap. Jika terdapat kesan-kesan dan tanda-tanda semasa semakan pada batang injap ...." (K2).*

Pelajar K3 menerangkan tujuan pelarasan tali sawat menunjukkan bahawa menyelesaikan masalah telah berlaku melalui kerja amali. Manakala Pelajar K1 menguji starter motor tanpa beban kerja yang sering berlaku, dan ini melibatkan proses penaakulan.

> *".....Dengan membuang air dan minyak enjin. Tanggalkan kabel bateri kerana keluarkan tali sawat dan keluarkan liang ekzos dan kepala silinder bolt....." (K3).*

> "*.....Saya menguji starter motor tanpa beban kerja dan sediakan peralatan seperti wayar kabel pelompat, bateri dan starter motor pada pemegangnya.....*" *(K1).*

Pelajar K6 menerangkan bahawa pemeriksaan skop pengujian Sistem Pencucuhan dan pengujian pendawaian litar utama dan sekunder penyalaan dan komponen keadaan pepejal serta menguji gegelung pada kenderaan dan menunjukkan bahawa proses pembelajaran telah berlaku melalui perbincangan semasa menjalankan analisis gelombang.

".....Skop pengujian sistem pencucuhan diperiksa dan menguji pendawaian litar utama dan sekunder penyalaan dan komponen keadaan pepejal; ujian gegelung pencucuhan(s); menjalankan perbincangan tindakan yang sewajarnya. Saya membuat analisis gelombang " (K6).

Pelajar K5 mengatakan bahawa dia mengeluarkan skru pengikat Starter Motor dengan perumah. Pelajar telah memberi perhatian kepada pengeluaran skru pengikat Starter Motor dengan perumah, dan melalui proses mencakupi perhatian.

".....Ia perlu keluarkan skru pengikat starter motor dengan perumah " (K5).

Jadual 4.8: Kuching 2017-2

Bil	Tema 2	Subtema
2.	**Metakognisi** 1) Nilai 2) Kawal 3) Rancang	**1.** *"Jika percikan bekerja atau dalam keadaan yang baik, Saya menggunakan penguji percikan tester akan menunjukkan pusat elektrod pada penguji percikan." (K4)* Nilai **2.** *"Saya fikir saya akan menggantikan injap. Jika terdapat kesan-kesan dan tanda- tanda semasa semakan pada batang injap." (K2)* Pantau **3.** *"Saya rasa saya memasukkan sejumlah kecil minyak pelincir ke dalam silinder enjin." (K3)* Rancang **4.** *"Pengedar Indeks perhubungan di antara kedudukan penderia (Shamsul) crankshaft & penderia kedudukan (CMP) sesondol atas terjejas oleh*

sambungan **Jadual 4.8**

	4) Pantau	*kotoran dalam kepala silinder menjejaskan gear. Saya membersihkan kepala silinder."(K6) Kawal*

Berdasarkan Jadual 4.8 di atas, kajian temu bual ini menerangkan penilaian analisis data berdasarkan tema dan subtema terhadap soalan soalan yang diberikan, rujukan dan pemerhatian yang telah dijalankan oleh pengkaji.

Berdasarkan tema kedua iaitu metakognisi pelajar, beberapa pelajar telah ditemubual mengenai tugasan yang mereka jalankan. Menurut pelajar K4, penilaian pelajar ke atas percikan api yang dihasilkan dengan menggunakan penguji percikan dan keputusan ujian terhasil pada pusat elektrod.

".....Jika percikan bekerja atau dalam keadaan yang baik, Saya menggunakan penguji
percikan tester akan menunjukkan pusat elektrod pada penguji percikan....."(K4).

Pelajar K2 memantau percikan api sama ada dalam keadaan baik dengan menggunakan penguji percikan tester.

"*.....Saya fikir saya akan menggantikan injap. Jika terdapat kesan-kesan dan tanda- tanda semasa semakan pada batang injap. " (K2).*

Pelajar K3 merancang untuk memasuki sedikit minyak pelincir ke dalam silinder enjin supaya enjin dapat berfungsi manakala

".....Saya rasa saya memasukkan sejumlah kecil minyak pelincir ke dalam silinder enjin...." (K3).

Pelajar K6 mengawal keadaan pengedar indeks perhubungan supaya kedudukan penderia (Shamsul) *crankshaft* & kedudukan penderia (CMP) sesondol atas terjejas oleh kotoran dalam kepala silinder. Pembersihan kepala silinder perlu dijalankan.

".....Pengedar Indeks perhubungan di antara kedudukan penderia (Shamsul) crankshaft & kedudukan penderia (CMP) sesondol atas terjejas oleh kotoran dalam kepala silinder menjejaskan gear. Saya membersihkan kepala silinder "(K6).

Jadual 4.9: Matang 2017-1

Bil	Tema 1	Subtema
1.	**Proses Kognisi** 1) Proses Pembelajaran 2) Proses penaakulan 3) Proses Penyelesaian Masalah 4) Proses membuat keputusan. 5) Proses mencakupi perhatian	**1.** *"Jika percikan bekerja atau dalam keadaan yang baik, penguji percikan tester akan menunjukkan pusat elektrod pada penguji percikan."(MTA1)* Proses penaakulan **2.** *"Saya difahamkan sambungan wayar positif untuk Meter Pelbagai terminal S pada solenoid injap sambung wayar negatif kepada meter pelbagai injap solenoid jika tidak menyambung maka tidak ada arus elektrik melalui, menukar injap solenoid dengan baru (MTA2)* Proses membuat keputusan **3.** *"Skop pengujian pendawaian litar utama dan sekunder penyalaan dan komponen keadaan pepejal; ujian gegelung pencucuhan (s); menjalankan perbincangan tindakan yang sewajarnya. Saya bercakap tentang analisis gelombang." (MTA4)* Proses Mencakupi Perhatian **4.** *"Terdapat perbezaan di antara isyarat analog & digital dalam gegelung pencucuhan." (MTA5) Proses Pembelajaran.* **5.** *"Saya rasa saya mengalih keluar klip terminal negatif bateri. " (MTA7)* Proses menyelesaikan masalah

Berdasarkan Jadual 4.9 di atas, kajian temu bual ini menerangkan penilaian analisis data berdasarkan tema dan subtema terhadap soalan soalan yang diberikan, rujukan dan pemerhatian yang telah dijalankan oleh pengkaji. Berpandukan tema pertama iaitu proses kognisi, beberapa pelajar telah ditemubual mengenai tugasan yang mereka jalankan. Pelajar MTA1 menjelaskan bahawa percikan api berlaku dalam keadaan baik. Maka penguji percikan tester menunjukkan percikan api berada pada kedudukan pusat elektrod yang tepat dan ini melibatkan proses penaakulan.

> *".....Saya fikir ia prinsip dan komponen kawalan emisi yang peredaran semula (EGR) dan komponen, contohnya, proses untuk mengurangkan NOx "(MTA1).*

Pelajar MTA2 membuat keputusan untuk menguji pengaliran arus elektrik pada Solenoid. Jika injap Solenoid tidak berfungsi. Maka ia perlu digantikan dengan solenoid baru.

> *".....Saya difahamkan sambungan wayar positif untuk Meter Pelbagai terminal S pada solenoid injap sambung wayar negatif kepada meter pelbagai injap solenoid jika tidak menyambung maka tidak ada arus elektrik melalui, menukar injap solenoid dengan baru " (MTA2).*

Pelajar MTA4 mendapati bahawa skop pengujian pendawaian litar utama dan sekunder penyalaan dengan komponen lebih mengenali dengan analisis gelombang dan melalui proses mencakupi perhatian.

> *".....Skop pengujian pendawaian litar utama dan sekunder penyalaan dan komponen keadaan pepejal; ujian gegelung pencucuhan (s); menjalankan perbincangan tindakan yang sewajarnya. Saya bercakap tentang analisis gelombang....." (MTA4).*

Pelajar MTA5 menerangkan bahawa terdapat perbezaan di antara isyarat analog & digital dalam gegelung pencucuhan dan proses pembelajaran telah berlaku melalui *hand on*.

> *".....Terdapat perbezaan di antara isyarat analog & digital dalam gegelung pencucuhan ...." (MTA5).*

Menurut pelajar MTA7 menyelesaikan masalah dengan mengalir keluar klip daripada terminal negatif bateri.

> *".....Saya rasa saya mengalih keluar klip terminal negatif bateri....." (MTA7).*

Jadual 4.10 : Matang 2017-2

Bil	Tema 2	Subtema
2.	**Metakognisi** 1) Nilai 2) Kawal 3) Rancang 4) Pantau	**1.** *" Saya menggunakan penguji injap untuk memeriksa. Jika kerosakan injap tidak dapat dibaiki dengan melihat keadaan injap.Saya menukar injap baru." (MTA2)* Rancang **2.** *"Saya menguji starter motor tanpa beban kerja dan sediakan peralatan seperti wayar kabel pelompat, bateri dan starter motor pada pemegangnya.". (MTA6)* Nilai **3.** *"Saya fikir ia harus menyambung wayar positif ke terminal B pada jarak injap solenoid. Jika terdapat arus elektrik tidak mengalir, menukar injap solenoid dengan baru."(MTA7).* Pantau **4.** "*Dengan membuang baris paip minyak yang pergi ke penapis bahan api. Hidupkan enjin dan biarkan ia mati dengan sendirinya. Tanggalkan wayar kepada Pengedar pencucuhan. Cabut palam pencucuh setiap."(MTA3)* Kawal

Berdasarkan Jadual 4.10 di atas, kajian temu bual ini menerangkan penilaian analisis data berdasarkan tema dan subtema terhadap soalan soalan yang diberikan, rujukan dan pemerhatian yang telah dijalankan oleh pengkaji.

Berdasarkan tema kedua iaitu metakognisi pelajar, beberapa pelajar telah ditemu bual mengenai tugasan yang mereka jalankan.

> *"..... Saya menggunakan penguji injap untuk memeriksa. Jika kerosakan injap tidak dapat dibaiki dengan melihat keadaan injap. Saya menukar injap baru .... " (MTA2)*

Pelajar MTA2 merancang menggunakan penguji injap untuk menjalankan pemeriksaan ke atas keadaan injap. Dia memantau keadaan injap dapat dibaiki, jika mengalami keadaan yang serius. Dia menggantikan injap baru.

> *".....Saya menguji starter motor tanpa beban kerja dan sediakan peralatan seperti wayar kabel pelompat, bateri dan starter motor pada pemegangnya…. ". (MTA6).*

Penilaian pelajar MTA6 ke atas starter motor tanpa memberi beban kerja yang tinggi dan menyediakan peralatan seperti wayar kabel pelompat, bateri dan starter motor pada pemegangnya.

> *" ....Saya fikir ia harus menyambung wayar positif ke terminal B pada jarak injap solenoid. Jika terdapat arus elektrik tidak mengalir, menukar injap solenoid dengan baru…. "(MTA7).*

Pemanatuan pelajar MTA7 menyambung wayar positif ke terminal B kepada jarak yang dekat pada injap Solenoid. Jika tidak ada pengaliran arus elektrik berlaku, maka perlu menggantikan injap Solenoid yang baru.

> *".....Dengan membuang baris paip minyak yang pergi ke penapis bahan api. Hidupkan enjin dan biarkan ia mati dengan sendirinya. Tanggalkan wayar kepada Pengedar pencucuhan. Cabut palam pencucuh setiap "(MTA3).*

Pelajar MTA3 mengawal pembersihan paip minyak melalui penapis bahan api. Bagi menghidupkan enjin, biar enjin berhenti sendiri. Sementara dia memeriksa enjin dengan menanggalkan wayar pada pengedar pencucuhan mencabut palam pencucuh bagi setiap lejang.

Jadual 4.11: Miri 2017-1

Bil	Tema 1	Subtema
1.	**Proses Kognisi** 1) Proses Pembelajaran 2) Proses penaakulan 3) Proses Penyelesaian Masalah 4) Proses membuat keputusan. 5) Proses mencakupi perhatian	**1.** *"Dengan memeriksa dan menguji pendawaian litar utama dan sekunder penyalaan dan komponen keadaan pepejal. Saya tidak boleh memperbaiki sehingga gegelung pencucuhan kerana saya tidak tahu menggunakan alat."(MR3)* Proses Penyelesaian Masalah **2.** *"Bahagian bawah enjin menonjol ke dalam venturi yang hampir disekat. Oleh itu, aliran udara terputus. Lebih bawah dalam tiub venturi, pada akhir di mana campuran bahan api / udara memasuki salur masuk, adalah plat logam dipanggil pendikit" (MR2)* Proses penaakulan **3.** *"Saya fikir apabila bermula enjin dan sejuk, campuran bahan api / udara untuk menjadi lebih rendah kuasa daripada biasa kerana tersekat pada semua karburetor, yang boleh menukar automatik atau manual. Keadaan carburetors menggunakan manual untuk mendapatkan campuran ini lebih berkuassa tinggi (MR4)* Proses Pembelajaran

sambungan **Jadual 4.11**

		4. *"Saya rasa saya menggunakan sekumpulan tolok feeler juga dikenali sebagai tolok tebal, digunakan untuk mengukur antara dua bahagian. Tolok panjang di bawah digunakan untuk mengukur kebenaran dinding piston- silinder." (MR6).* Proses membuat keputusan. **5. "***Aliran semasa ke pusat penutup untuk pemutar. Pemutar dipasang pada bahagian atas batang pengedar yang membuka dan menutup kenalan pemutus dan juga berputar dengan kelajuan yang sama."(MR8)* Proses mencakupi perhatian

Berdasarkan Jadual 4.11 di atas, kajian temu bual ini menerangkan penilaian analisis data berdasarkan tema dan subtema terhadap soalan soalan yang diberikan, rujukan dan pemerhatian yang telah dijalankan oleh pengkaji.

Berpandukan kepada tema pertama iaitu proses kognisi, beberapa pelajar telah ditemubual mengenai tugasan yang mereka jalankan. Menurut pelajar MR3, tidak dapat menyelesaikan masalah iaitu pemeriksaan dan pengujian pendawaian litar utama dan sekunder kerana dia kurang mahir mengendalikan peralatan yang diperlukan.

> *".....Dengan memeriksa dan menguji pendawaian litar utama dan sekunder penyalaan dan komponen keadaan pepejal. Saya tidak boleh memperbaiki sehingga gegelung pencucuhan kerana saya tidak tahu menggunakan alat "(MR3)*.

Pelajar MR2 memerhatikan bahagian bawah enjin menonjol ke dalam venturi yang hampir tersekat. Campuran bahan api dan udara yang masuk melalui salur tiub venturi dipanggil pendikit dan ini melibatkan proses penaakulan.

“ Bahagian bawah enjin menonjol ke dalam venturi yang hampir disekat. Oleh itu, aliran udara terputus. Lebih bawah dalam tiub venturi, pada akhir di mana campuran bahan api / udara memasuki salur masuk, adalah plat logam dipanggil pendikit ”(MR2).

Pelajar MR4 menerangkan keadaan enjin sejuk, campuran bahan api dan udara yang rendah menyebabkan bahan api tersekat dalam karburetor dan ianya menukar secara automatik atau manual. Karburetor yang menggunakan fungsi manual dapat kuasa yang lebih tinggi berbanding dengan fungsi automatik dan proses pembelajaran telah berlaku melalui *hand on*.

“ Saya fikir apabila bermula enjin dan sejuk, campuran bahan api / udara untuk menjadi lebih rendah kuasa daripada biasa kerana tersekat pada semua karburetor, yang boleh menukar automatik atau manual. Keadaan carburetors menggunakan manual untuk mendapatkan campuran ini lebih berkuassa tinggi ” (MR4).

Pelajar MR6 membuat keputusan untuk menggunakan sekumpulan tolok feeler dikenali sebagai tolok tebal untuk mengukur antara kedua-dua bahagian. Ini bermakna tolok panjang ini digunakan untuk mengukur kebenaran dinding piston silinder.

“.....Saya rasa saya menggunakan sekumpulan tolok feeler juga dikenali sebagai tolok tebal, digunakan untuk mengukur antara dua bahagian. Tolok panjang di bawah digunakan untuk mengukur kebenaran dinding piston-silinder ” (MR6).

Pelajar MR8 mencakupi perhatian kepada aliran semasa ke pusat penutup untuk pemutar dipasang pada bahagian atas batang pengedar membuka dan menutup pemutus supaya berputar dengan kelajuan yang sama.

".....*Aliran semasa ke pusat penutup untuk pemutar. Pemutar dipasang pada bahagian atas batang pengedar yang membuka dan menutup kenalan pemutus dan juga berputar dengan kelajuan yang sama "(MR8).*

Jadual 4.12: Miri 2017-2

Bil	Tema 2	Subtema
Walau bagaimanapun, pelbagai jenis-jenis metakognisi digunakan adalah langkah penyelesaian masalah mengikut keperluan masing-masing tentang tugasan yang dilakukan pada hari tersebut. Berdasarkan hasil pemerhatian di Kolej Vokasional D Fasa 1 2017, hasil pemerhatian yang diperolehi semasa menjalankan kajian, pengkaji dapat meneroka proses

kognisi dan memahami jenis-jenis metakognisi dalam kalangan pelajar. Selain itu, pengkaji juga memerhati metakognisi penyelesaian masalah pelajar sistem penyalaan kenderaan.

Data yang diperolehi, sebelum memulakan sesi pengajaran dan pembelajaran, Kumpulan 1 Kolej Vokasional D berbincang bersama-sama bagaimana menyelesaikan tugas pembelajaran yang diberikan oleh guru tersebut. Berdasarkan pelajar membuat perbincangan dalam kumpulan, setiap kumpulan perlu menyiapkan tugasan pembelajaran iaitu penyelesaian tugasan sistem penyalaan kenderaan yang diberikan. Pelajar menguji Suis Sesentuh dengan menggunakan Meter Pelbagai.

Semasa pelajar membuat tugasan pembelajaran, pelajar menekan plunger. Jika tidak ada keterusan arus elektrik. Pelajar menukar solenoid dengan yang baru. Jarum Meter Pelbagai bergerak. Hal ini bermakna terdapat arus elektrik.

Pelajar merancang dengan menguji Motor Penghidup dengan menggunakan Meter Pelbagai. Pelajar menilai dan didapati Solenoid mengalami kerosakan pada bahagian. Pelajar menyambungkan wayar negatif Meter Pelbagai ke Terminal M pada solenoid.

Selepas tamat tugasan pembelajaran, pengkaji memberi penjelasan dalam kelas kepada pelajar. Kemudian, pengkaji membuat sesi temu bual dengan pelajar untuk menguji kemahiran pelajar bagaimana menyelesaikan masalah dalam tugasan pembelajaran.

Berdasarkan sesi soal jawab itu, pengkaji pun membuat sesi interaksi dua hala bersama pelajar-pelajar itu. Kemudian, pengkaji bertanyakan soalan kepada pelajar tentang permasalahan topik yang diajar pada hari tersebut.

Situasi bersama apabila di Kumpulan 2 berbanding dengan Kumpulan 1. Semasa sesi pengajaran dan pembelajaran berlangsung, pensyarah tidak memberi penerangan kepada pelajar-pelajarnya bagaimana menguji Litar *pull in* tentang subjek Teknologi Automotif.

Berdasarkan pemerhatian pengkaji kepada pelajar, pelajar memberi pendapat dengan mengatakan bahawa menggunakan Meter Pelbagai untuk menguji Litar *pull in*. Pelajar menyambungkan wayar negatif meter pelbagai ke Terminal M pada Solenoid. Hal ini mengenal pasti cara-cara penyelesaian yang digunakan peserta kajian.

Selepas sesi kerja amali berakhir, pengkaji menilai pelajar tentang apa yang dipelajari pada hari tersebut. Kemudian, pengkaji tersebut juga menemu bual beberapa pelajar untuk mengenal pasti masalah apa yang dihadapi oleh pelajar tersebut. Situasi berbeza di Kumpulan 3 berbanding dengan Kumpulan 1 dan Kumpulan 2.

Semasa sesi pengajaran dan pembelajaran berlangsung, pensyarah tidak menunjukkan cara kepada pelajar-pelajarnya bagaimana menyambungkan wayar positif meter pelbagai ke Terminal S pada solenoid dalam subjek Teknologi Automotif.

Pensyarah tidak ada memberi penerangan kepada pelajar, pelajar diberikan tugasan pembelajaran, Pengkaji memantau adakah sambungan wayar negatif meter pelbagai ke Terminal M betul pada Solenoid. Selepas sesi kerja amali berakhir, pengkaji membuat penilaian terhadap pelajar tentang apa yang dijalankan pada hari tersebut. Kemudian, pengkaji tersebut juga membuat sesi soal jawab bersama pelajar untuk mengenal pasti masalah apa yang dihadapi oleh pelajar tersebut.

Berdasarkan pemerhatian ketiga-tiga kumpulan di Kolej Vokasional D, pengkaji didapati bahawa setiap pelajar menggunakan langkah-langkah yang berlainan semasa menyelesaikan masalah. Walau bagaimanapun, langkah-langkah penyelesaian yang digunakan adalah kaedah penyelesaian masalah mengikut kemahiran masing-masing tentang topik yang ingin dipelajari pada hari tersebut.

Berdasarkan hasil pemerhatian di Kolej Vokasional E Fasa 1 2017, hasil pemerhatian yang diperolehi semasa menjalankan kajian, pengkaji dapat meneroka proses

kognisi dan memahami jenis-jenis metakognisi dalam kalangan pelajar. Selain itu, pengkaji juga memerhati metakognisi penyelesaian masalah pelajar sistem penyalaan kenderaan. Data yang diperolehi, iaitu sebelum memulakan sesi pengajaran dan pembelajaran, kumpulan 1 Kolej Vokasional E berbincang sesama bagaimana menyelesaikan tugas pembelajaran yang diberikan oleh guru tersebut.

Berdasarkan pelajar membuat perbincangan dalam kumpulan, setiap kumpulan perlu menyiapkan tugasan pembelajaran iaitu penyelesaian tugasan sistem penyalaan kenderaan yang diberikan. Pelajar menjana idea bagaimana untuk menguji Litar Solenoid *pull in.*.

Semasa pelajar membuat tugasan pembelajaran, pelajar memberi pendapat dengan mengatakan bahawa menggunakan Meter Pelbagai untuk menguji Litar *pull in* dan menyambungkan wayar positif meter pelbagai ke Terminal S pada Solenoid. Pelajar menyambungkan wayar negatif Meter Pelbagai ke Terminal M pada solenoid. Jika Jarum Meter Pelbagai tidak bergerak, bermaksud tidak ada keterusan arus elektrik.

Selepas tamat tugasan pembelajaran, pengkaji memberi penjelasan dalam kelas kepada pelajar. Kemudian, pengkaji menjalankan sesi temu bual dengan pelajar untuk menguji kemahiran pelajar bagaimana menyelesaikan masalah dalam tugasan pembelajaran.

Berdasarkan sesi temu bual itu, pengkaji pun berinteraksi bersama pelajar-pelajar itu. Kemudian, pengkaji bertanyakan soalan kepada pelajar tentang permasalahan yang dihadapi pada hari tersebut. Situasi sama dengan Kumpulan 2 berbanding dengan Kumpulan 1. Semasa sesi pengajaran dan pembelajaran berlangsung, pensyarah tidak memberi penerangan kepada pelajar-pelajarnya bagaimana menguji Litar *pull in* tentang subjek Teknologi Automotif.

Berdasarkan pemerhatian pengkaji kepada pelajar, pelajar memberi pendapat dengan mengatakan bahawa menggunakan Meter Pelbagai untuk menguji Litar *pull in*.

Pelajar menyambungkan wayar negatif meter pelbagai ke Terminal M pada Solenoid. Hal ini mengenal pasti cara-cara penyelesaian yang digunakan peserta kajian. Selepas sesi kerja amali berakhir, pengkaji menilai pelajar tentang apa yang dipelajari pada hari tersebut. Kemudian, pengkaji tersebut juga menemu bual bersama pelajar untuk mengenal pasti masalah apa yang dihadapi oleh pelajar tersebut.

Situasi berbeza di Kumpulan 3 berbanding dengan Kumpulan 1 dan Kumpulan 2. Semasa sesi pengajaran dan pembelajaran berlangsung, pensyarah tidak menunjukkan cara demostrasi kepada pelajar-pelajarnya bagaimana menyambungkan wayar positif meter pelbagai ke Terminal S pada Solenoid.

Pensyarah tidak ada memberi penerangan kepada pelajar, pelajar diberikan tugasan pembelajaran iaitu sambungan wayar negatif meter pelbagai ke Terminal M betul pada Solenoid.

Selepas sesi kerja amali berakhir, pengkaji membuat penilaian terhadap pelajar tentang apa yang dijalankan pada hari tersebut. Kemudian, pengkaji tersebut juga membuat sesi soal jawab dengan pelajar untuk mengenal pasti masalah apa yang dihadapi oleh pelajar tersebut.

Berdasarkan pemerhatian ketiga-tiga kumpulan di Kolej Vokasional E, pengkaji didapati bahawa setiap pelajar menggunakan kaedah yang berlainan semasa menyelesaikan masalah. Walau bagaimanapun, langkah-langkah penyelesaian yang digunakan adalah keadah penyelesaian masalah mengikut kemahiran masing-masing tentang topik yang ingin dipelajari pada hari tersebut.

4.5.2 Fasa 2 2018

Berdasarkan hasil pemerhatian di Kolej Vokasional A Fasa 2 2018, hasil pemerhatian yang diperolehi semasa menjalankan kajian, pengkaji dapat meneroka proses

kognisi dan memahami jenis-jenis metakognisi dalam kalangan pelajar.

Selain itu, pengkaji juga memerhati metakognisi penyelesaian masalah pelajar sistem penyalaan kenderaan. Data yang diperolehi, iaitu sebelum memulakan sesi pengajaran dan pembelajaran, kumpulan 1 Kolej Vokasional A berbincang sesama bagaimana menyelesaikan tugas pembelajaran yang diberikan oleh guru tersebut.

Berdasarkan pelajar membuat perbincangan dalam kumpulan, setiap kumpulan perlu menyiapkan tugasan pembelajaran iaitu penyelesaian tugasan sistem penyalaan kenderaan yang diberikan. Pelajar menjana idea bagaimana untuk menguji Litar Solenoid *pull in.*. Pelajar menanya Pelajar menanya bagaimana untuk menguji Litar Solenoid *pull in.* Pelajar memberi pendapat dan menjana idea dengan mengatakan bahawa menggunakan Meter Pelbagai untuk menguji Litar *pull in.*

Pelajar menyambungkan wayar negatif meter pelbagai ke Terminal M pada solenoid Pelajar menyambungkan wayar negatif meter pelbagai ke Terminal M pada Solenoid. Hal ini pelajar mengenal pasti kaedah penyelesaian yang digunakan peserta kajian.

Selepas sesi menjalankan amali berakhir, pengkaji memantau pelajar tentang apa yang dijalankan pada hari tersebut. Kemudian, pengkaji tersebut juga menemu bual bersama pelajar untuk memahami masalah apa yang dihadapi oleh pelajar tersebut. Situasi juga berbeza di Kumpulan 2 berbanding dengan Kumpulan 3 dan Kumpulan 1.

Semasa sesi kerja amali berlangsung, pensyarah tidak menunjukkan cara demostrasi kepada pelajar-pelajarnya bagaimana menyambungkan wayar positif meter pelbagai ke Terminal S pada Solenoid. Pensyarah memberi arahan kepada pelajar, pelajar diberikan tugasan pembelajaran iaitu menguji Litar Solenoid *pull in.*

Selepas sesi kerja amali berakhir, pengkaji membuat pemantauan terhadap kemahiran pelajar tentang apa yang dijalankan pada hari tersebut. Kemudian, pengkaji

tersebut juga menjalankan sesi temu bual dengan pelajar untuk mengenal pasti masalah apa yang dihadapi oleh pelajar tersebut.

Keadaan kerja amali di Kumpulan 3 berbanding dengan Kumpulan 2 dan Kumpulan 1. Semasa sesi kerja amali berlangsung, pensyarah memberi arahan kepada pelajar-pelajarnya. Pelajar menanya bagaimana sambungan wayar negatif Meter Pelbagai ke Terminal M betul pada Solenoid. Pengkaji memerhatikan bagaimana pelajar menyambungkan wayar negatif Meter Pelbagai kepada sambungan pada kedudukan betul.

Selepas sesi tugas pembelajaran berakhir, pengkaji membuat penilaian terhadap kemahiran pelajar yang ditunjukkan pada hari tersebut. Kemudian, pengkaji tersebut juga menjalankan sesi soal jawab dengan pelajar untuk menentukan apa masalah yang dihadapi oleh pelajar tersebut.

Berdasarkan pemerhatian ke atas ketiga-tiga kumpulan di Kolej Vokasional A, pengkaji didapati bahawa setiap pelajar menggunakan pelbagai jenis kaedah yang berlainan semasa menyelesaikan masalah tugas pembelajaran. Walau bagaimanapun, langkah-langkah penyelesaian yang digunakan adalah kaedah penyelesaian masalah mengikut kemahiran pelajar masing-masing tentang topik yang dipelajari pada hari tersebut.

Berdasarkan hasil pemerhatian di Kolej Vokasional B Fasa 2 2018, hasil pemerhatian yang didapati semasa menjalankan kajian, pengkaji dapat mengenal pasti proses kognisi dan memahami jenis-jenis metakognisi dalam kalangan pelajar yang menjalankan kerja amali (*hand on*). Selain itu, pengkaji juga memerhati metakognisi penyelesaian masalah berlaku pada pelajar dalam sistem penyalaan kenderaan. Data yang diperolehi, iaitu sebelum memulakan sesi kerja amali, kumpulan 1 Kolej Vokasional B membuat perbincangan bagaimana menyelesaikan tugas pembelajaran yang diberikan oleh guru tersebut.

Berdasarkan pemerhatian pengkaji, pelajar membuat perbincangan dalam kumpulan, iaitu penyelesaian tugasan sistem penyalaan kenderaan yang diberikan. Pelajar merancang dengan menanya bagaimana untuk menguji Litar Solenoid *pull in.* Pelajar memberi penjelasan dan menjana idea dengan mengatakan bahawa menyambungkan sambungan wayar negatif meter pelbagai ke Terminal M betul pada Solenoid.

Pelajar menyambungkan wayar negatif meter pelbagai ke Terminal M pada Solenoid. Hal ini pelajar mengenal pasti kaedah penyelesaian yang digunakan peserta kajian iaitu menyambungkan wayar positif meter pelbagai ke Terminal S pada Solenoid. Selepas sesi kerja amali berakhir, pengkaji menilai kemahiran pelajar tentang apa yang dilakukan pada hari tersebut.

Kemudian, pengkaji tersebut juga menemu bual pelajar untuk memahami masalah apa yang dialami oleh pelajar tersebut. Hasil pemerhatian pada kumpulan 2, semasa sesi kerja amali berlangsung, pensyarah menunjukkan cara demostrasi kepada pelajar-pelajarnya bagaimana untuk menguji Litar Solenoid *pull in.*

Pensyarah memberi arahan kepada pelajar, pelajar diberikan tugasan pembelajaran iaitu menguji Litar Solenoid *pull in.* Selepas sesi kerja amali berakhir, pengkaji membuat penilaian terhadap kemahiran pelajar tentang apa yang dilakukan pada hari tersebut. Kemudian, pengkaji juga menjalankan sesi temu bual dengan pelajar untuk mengenal pasti apa masalah yang dihadapi oleh pelajar tersebut. Hasil pemerhatian, keadaan kerja amali di Kumpulan 3 berbanding dengan Kumpulan 2 dan Kumpulan 1.

Semasa sesi kerja amali berlangsung, pensyarah memberi arahan kepada pelajar-pelajarnya. Pelajar menanya bagaimana sambungan wayar negatif Meter Pelbagai ke Terminal M betul pada Solenoid. Pengkaji memerhatikan bagaimana pelajar menyambungkan wayar negatif Meter Pelbagai kepada sambungan pada kedudukan betul.

Selepas sesi tugas pembelajaran berakhir, pengkaji membuat penilaian terhadap kemahiran pelajar yang ditunjukkan pada hari tersebut. Kemudian, pengkaji tersebut juga menjalankan sesi temu bual dengan pelajar untuk menentukan apa masalah yang dihadapi oleh pelajar tersebut.

Berdasarkan pemerhatian ke atas ketiga-tiga kumpulan di Kolej Vokasional B, pengkaji didapati bahawa setiap pelajar menggunakan pelbagai jenis kaedah yang berlainan semasa menyelesaikan masalah tugas pembelajaran. Walau bagaimanapun, langkah-langkah penyelesaian masalah yang digunakan adalah kaedah penyelesaian masalah mengikut kepandaian pelajar masing-masing tentang topik yang dipelajari pada hari tersebut.

Berdasarkan hasil pemerhatian di Kolej Vokasional C Fasa 2 2018, hasil pemerhatian yang didapati semasa menjalankan kajian, pengkaji dapat mengenal pasti proses kognisi dan memahami jenis-jenis metakognisi dalam kalangan pelajar yang menjalankan kerja amali (*hand on*).

Selain itu, pengkaji juga memerhati metakognisi penyelesaian masalah berlaku pada pelajar dalam sistem penyalaan kenderaan. Data yang diperolehi, iaitu sebelum memulakan sesi kerja amali, kumpulan 1 Kolej Vokasional C mengenal pasti kefungsian Motor Penghidup.

Berdasarkan pemerhatian pengkaji, pelajar membuat perbincangan dalam kumpulan, iaitu mengatakan bahawa Motor Penghidup menggunakan peralatan iaitu Meter Pelbagai Pemutar Skru dan Spanar untuk menguji keterusan arus elektrik.

Pelajar menjana idea dengan menanya bagaimana membuka nat pengikat kabel motor penghidup pada Terminal M. Pelajar menjelaskan bahawa membuka skru pengikat solenoid. Pelajar mendapati Jarum Meter Pelbagai bergerak. Tanggalkan solenoid dari motor

penghidup. Pelajar menyambungkan wayar negatif meter pelbagai ke Terminal M pada Solenoid.

Hal ini pelajar mengenal pasti penyelesaian masalah yang digunakan peserta kajian iaitu membuka skru pengikat solenoid. Pelajar mendapati Jarum Meter Pelbagai bergerak. Tanggalkan solenoid dari motor penghidup. Selepas sesi kerja amali berakhir, pengkaji memantau kemahiran pelajar yang dimiliki. Kemudian, pengkaji tersebut juga menemu bual pelajar untuk mengetahui apa masalah yang dialami oleh pelajar tersebut.

Hasil pemerhatian pada kumpulan 2, semasa pelajar menjalankan sesi tugas pembelajaran, pensyarah memberi penerangan kepada pelajar-pelajarnya bagaimana untuk mengenal pasti kefungsian Motor Penghidup. Pensyarah memberi arahan kepada pelajar, pelajar diberikan tugasan pembelajaran mengatakan dengan menguji Motor Penghidup menggunakan peralatan iaitu Meter Pelbagai, Pemutar Skru dan Spanar. Pelajar mengapitkan motor penghidup pada ragum. Pelajar membuka nat pengikat kabel motor penghidup pada Terminal M.

Pengkaji mendapati segelintir pelajar tidak dapat melakukan tugasan pembelajaran. Selepas sesi tugas pembelajaran berakhir, pengkaji mengetahui tingkah laku pelajar yang tidak dapat melaksanakan tugas pembelajaran semasa sesi kerja amali hari tersebut. Hal ini tidak membawa kebaikan kepada proses kognisi pelajar. Kemudian, pengkaji juga menjalankan sesi temu bual dengan pelajar untuk memahami apa masalah yang dihadapi oleh pelajar tersebut dan bagaimana mengatasi masalah tersebut.

Hasil pemerhatian, sesi kerja amali di Kumpulan 3 berbanding dengan Kumpulan 2 dan Kumpulan 1. Semasa sesi kerja amali berlangsung, pensyarah menunjukkan demostrasi kepada pelajar-pelajarnya. Pelajar mengatakan menguji Motor Penghidup dengan menggunakan peralatan iaitu Meter Pelbagai Pemutar Skru dan Spanar. Pelajar mengatakan

mengapitkan Motor Penghidup pada ragum. Pelajar menjana idea bahawa membuka nat pengikat kabel motor penghidup pada Terminal M.

Selepas sesi tugas pembelajaran berakhir, pengkaji membuat penilaian terhadap kemahiran pelajar yang ditunjukkan pada hari tersebut. Kemudian, pengkaji tersebut juga menjalankan sesi temu bual dengan pelajar untuk menentukan apa masalah yang dihadapi oleh pelajar tersebut.

Berdasarkan pemerhatian ke atas ketiga-tiga kumpulan di Kolej Vokasional C, pengkaji didapati bahawa setiap pelajar mempunyai pelbagai jenis kaedah yang berlainan semasa menyelesaikan masalah tugas pembelajaran. Oleh itu, cara penyelesaian masalah yang digunakan perlu diubah kepada kaedah penyelesaian masalah dapat meningkatkan kemahiran pelajar tentang topik yang dipelajari.

Berdasarkan hasil pemerhatian di Kolej Vokasional D Fasa 2 2018, hasil pemerhatian menunjukkan bahawa semasa pelajar menjalankan tugas pembelajaran, pengkaji dapat meneroka proses kognisi dan memahami jenis-jenis metakognisi dalam kalangan pelajar yang menjalankan kerja amali (*hand on*).

Di samping itu, pengkaji memberi perhatian metakognisi penyelesaian masalah berlaku pada pelajar melaksanakan tugas pembelajaran Sistem Penyalaan Kenderaan. Data yang diperolehi, iaitu semasa menjalankan kerja amali, kumpulan 1 Kolej Vokasional D, pelajar menanya pelajar lain bagaimana untuk menguji Sistem Penyalaan Bateri-Titik Sesentuh.

Berdasarkan pemerhatian pengkaji, pelajar membuat perbincangan dalam kumpulan, iaitu memadankan tanda pada kapi dengan tanda “T” pada enjin. Selepas itu tanggalkan skru pengikat unit pengagih. Pelajar menarik unit pengagih ke atas dan keluarkan dari enjin. Pelajar memerhatikan tanda pada perumah pengagih dan gear pacu. Pelajar

mendapati keadaan tanda pada pengagih berbeza antara jenis-jenis enjin. Pelajar buka penutup pengagih dan tanggalkan rotor.

Pelajar menanggalkan wayar utama ke titik sesentuh pada terminal perumah pengagih. Tanggalkan titik sesentuh dengan melonggarkan skru pengikat titik sesentuh. Pelajar memeriksa dan servis unit pesawat mara bunga api. Pasang semula semua bahagian mengikut turutan menyongsang. Pelajar memasangkan unit pengagih pada enijn.

Hal ini bermakna pelajar dapat mengenal pasti langkah-langkah penyelesaian masalah untuk mengatasi masalah yang dihadapi. Kemudian, pengkaji tersebut juga menjalankan temu bual dengan pelajar untuk mengetahui apa masalah yang dialami oleh pelajar tersebut dan bagaimana menyelesaikannya.

Hasil pemerhatian pada kumpulan 2, semasa pelajar menjalankan sesi tugas pembelajaran, pensyarah menunjukkan cara bagaimana hendak membuat Pengujian Sistem Penyalaan Bateri – Titik Sesentuh. Pelajar menanya kepada pelajar lain bagaimana untuk menguji Sistem Penyalaan Bateri-Titik Sesentuh.

Pelajar memadankan tanda pada kapi dengan tanda “T” pada enjin. Selepas itu tanggalkan skru pengikat unit pengagih. Pelajar lain tarik unit pengagih ke atas dan keluarkan dari enjin. Pelajar memerhatikan tanda pada perumah pengagih dan gear pacu. Pelajar mendapati keadaan tanda pada pengagih berbeza antara jenis-jenis enjin. Pelajar buka penutup pengagih dan tanggalkan rotor.

Pelajar MP3 menanggalkan wayar utama ke titik sesentuh pada terminal perumah pengagih. Tanggalkan titik sesentuh dengan melonggarkan skru pengikat titik sesentuh. Pelajar menservis titik sesentuh dengan menggunakan kertas pasir. Tanggalkan plat tapak (*base plate*). Servis dan griskan bebola pada pemasangan plat tapak. Pelajar memeriksa dan servis unit pesawat mara bunga api. Pasang semula semua bahagian mengikut turutan

menyongsang. Akhirnya, pelajar memasangkan unit pengagih semula pada enijn. Pengkaji didapati segelintir pelajar tidak mahir menjalankan tugasan pembelajaran. Selepas sesi tugas pembelajaran berakhir, pengkaji mengetahui tingkah laku pelajar yang tidak dapat melaksanakan tugas pembelajaran semasa sesi kerja amali hari tersebut.

Hal ini tidak memberi pengetahuan kepada proses kognisi pelajar. Kemudian, pengkaji juga menjalankan sesi temu bual dengan pelajar untuk memahami apa masalah yang dihadapi oleh pelajar tersebut.

Hasil pemerhatian, sesi menjalankan tugas pembelajaran di Kumpulan 3 berbanding dengan Kumpulan 1 dan Kumpulan 2. Semasa sesi kerja amali berlangsung, pensyarah menunjukkan demostrasi kepada pelajar-pelajarnya.

Mula-mula, Pelajar menanya pelajar lain bagaimana untuk menguji Sistem Penyalaan Bateri -Titik Sesentuh. Pelajar memadankan tanda pada kapi dengan tanda "T" pada enjin. Selepas itu tanggalkan skru pengikat unit pengagih. Pelajar tarik unit pengagih ke atas dan keluarkan dari enjin. Pelajar memerhatikan tanda pada perumah pengagih dan gear pacu.

Pelajar mendapati keadaan tanda pada pengagih berbeza antara jenis-jenis enjin. Pelajar buka penutup pengagih dan tanggalkan rotor. Pelajar menanggalkan wayar utama ke titik sesentuh pada terminal perumah pengagih. Tanggalkan titik sesentuh dengan melonggarkan skru pengikat titik sesentuh.

Pelajar menservis titik sesentuh dengan menggunakan kertas pasir. Tanggalkan plat tapak (*base plate*). Servis dan griskan bebola pada pemasangan plat tapak. Pelajar memeriksa dan servis unit pesawat mara bunga api. Pasang semula semua bahagian mengikut turutan menyongsang. Pelajar memasangkan unit pengagih pada enijn. Selepas sesi tugas pembelajaran berakhir, pengkaji membuat penilaian terhadap kemahiran pelajar

yang ditunjukkan pada hari tersebut. Kemudian, pengkaji tersebut juga menjalankan sesi temu bual dengan pelajar untuk menentukan apa masalah yang dihadapi oleh pelajar tersebut.

Berdasarkan pemerhatian ke atas ketiga-tiga kumpulan di Kolej Vokasional D, pengkaji didapati bahawa setiap pelajar mempunyai pelbagai jenis kaedah yang berlainan untuk menyelesaikan masalah tugas pembelajaran. Oleh itu, cara penyelesaian masalah yang digunakan perlu diubahkan kepada kaedah penyelesaian masalah dapat memperbaiki kelemahan pelajar.

Berdasarkan hasil pemerhatian di Kolej Vokasional E Fasa 2 2018, hasil pemerhatian menunjukkan bahawa semasa pelajar menjalankan tugas pembelajaran, pengkaji dapat mengenal pasti proses kognisi berlaku dan memahami jenis-jenis metakognisi dalam kalangan pelajar yang menjalankan kerja amali (*hand on*).

Selain itu, pengkaji memberi perhatian yang teliti dengan metakognisi dalam penyelesaian masalah yang berlaku pada pelajar menjalankan tugas pembelajaran Sistem Penyalaan Kenderaan. Data yang diperolehi, iaitu semasa menjalankan kerja amali, kumpulan 1 Kolej Vokasional E, Pensyarah membuat demostrasi tunjuk cara dengan menggunakan Meter Pelbagai umtuk menguji Motor Penghidup.

Berdasarkan pemerhatian pengkaji, pelajar membuat perbincangan dalam kumpulan, iaitu pelajar menanya pelajar lain bagaimana untuk mengenal pasti kefungsian Motor Penghidup. Pelajar mengatakan bahawa Motor Penghidup menggunakan peralatan iaitu Meter Pelbagai, Pemutar Skru dan Spanar. Pelajar lain mengapitkan motor penghidup pada ragum. Pelajar membuka nat pengikat kabel motor penghidup pada Terminal M.

Pelajar membuka skru pengikat solenoid. Pelajar mendapati Jarum Meter Pelbagai bergerak. Tanggalkan solenoid dari motor penghidup. Selepas itu, bacaan meter pelbagai

menunjukkan pada bacaan. Pelajar telah selesai membuat pengujian Motor Penghidup. Kemudian, pengkaji tersebut juga menjalankan temu bual dengan pelajar untuk mengetahui apa masalah yang dialami oleh pelajar tersebut dan bagaimana menyelesaikannya.

Hasil pemerhatian pada Kumpulan 2, semasa pelajar menjalankan sesi tugas pembelajaran, pensyarah menunjukkan cara membuat Pengujian Motor Penghidup. Pelajar menanya pelajar lain bagaimana untuk mengenal pasti kefungsian Motor Penghidup. Pelajar mengatakan dengan menggunakan peralatan iaitu Meter Pelbagai, Pemutar Skru dan Spanar untuk menguji Motor Penghidup.

Pelajar mengapitkan motor penghidup pada ragum. Pelajar membuka nat pengikat kabel Motor Penghidup pada Terminal M. Pelajar membuka skru pengikat solenoid. Pelajar mendapati Jarum Meter Pelbagai bergerak. Pelajar menanggalkan Solenoid dari Motor Penghidup. Selepas itu, bacaan meter pelbagai menunjukkan pada bacaan positif.

Pengkaji didapati sebahagian pelajar mahir menjalankan tugasan pembelajaran. Selepas sesi tugas pembelajaran berakhir, pengkaji mengetahui bahawa kemahiran pelajar dalam penyelesaian masalah adalah sangat mahir. Pelajar melaksanakan tugas pembajaran semasa sesi kerja amali dengan bersungguh-sungguh. Hal ini kerana proses kognisi membantu pengetahuan metakognitif pelajar ke arah yang cerah. Selepas itu, pengkaji juga menjalankan sesi temu bual dengan pelajar untuk memahami apa masalah yang dihadapi oleh pelajar tersebut.

Hasil pemerhatian, sesi menjalankan tugas pembelajaran di Kumpulan 3 berbanding dengan Kumpulan 1 dan Kumpulan 2. Semasa sesi kerja amali berlangsung, pensyarah menunjukkan demostrasi Pengujian Motor Penghidup kepada pelajar-pelajarnya.

Mula-mula, pelajar menanya pelajar lain bagaimana untuk mengenal pasti kefungsian Motor Penghidup. Pelajar mengatakan dengan Motor Penghidup menggunakan

peralatan iaitu Meter Pelbagai, Pemutar Skru dan Spanar. Pelajar mengapitkan motor penghidup pada ragum. Pelajar membuka nat pengikat kabel motor penghidup pada Terminal M.

Pelajar membuka skru pengikat solenoid. Pelajar mendapati Jarum Meter Pelbagai bergerak. Pelajar menanggalkan solenoid dari motor penghidup. Selepas itu, bacaan meter pelbagai menunjukkan pada bacaan positif.

Selepas sesi tugas pembelajaran berakhir, pengkaji membuat penilaian terhadap kemahiran pelajar yang tinggi pada hari tersebut. Kemudian, pengkaji tersebut juga menjalankan sesi temu bual dengan pelajar untuk mengenal pasti apa masalah yang dihadapi oleh pelajar.

Berdasarkan pemerhatian ke atas ketiga-tiga kumpulan di Kolej Vokasional E, pengkaji didapati bahawa setiap pelajar mempunyai pelbagai jenis cara yang berlainan untuk menyelesaikan masalah tugas pembelajaran. Oleh itu, cara penyelesaian masalah yang dapat memperbaiki kelemahan pelajar.

4.6 Rumusan

Dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar di kolej vokasional menjalankan proses metakognisi secara teratur dan terancang. Proses kognisi bermula dengan aktiviti yang diadakan pada peringkat sebelum, semasa, dan selepas kerja amali. Pelajar juga didapati memberi lebih fokus yang baik terhadap aspek-aspek metakognisi selaras dengan kurikulum pembelajaran teknologi automotif dalam sistem penyalaan kenderaan seperti yang digariskan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Hal ini menjadikan proses metakognisi lebih penting dalam menetapkan matlamat kurikulum pendidikan latihan dan vokasional yang hendak dicapai.

Demikian juga halnya dalam soal penentuan amalan atau tingkah laku dan

penguasaan kemahiran semasa pelajar membuat tugasan pembelajaran sistem penyalaan kenderaan. Dalam aspek ini, para pelajar telah mencapai kemahiran metakognisi yang tinggi apabila berjaya menggunakan kaedah metakognisi pelajar yang bersesuaian.

BAB 5

RUMUSAN, PERBINCANGAN, DAN CADANGAN KAJIAN

5.0 Pendahuluan

Bab ini membincangkan dapatan kajian yang dibentangkan dalam Bab 4. Perbincangan dilakukan dalam lima bahagian yang merangkumi ringkasan kajian, perbincangan dapatan kajian, implikasi kajian, cadangan kajian lanjutan, dan rumusan. Bahagian pertama merupakan ringkasan kajian yang meliputi pernyataan masalah, tujuan kajian, metodologi kajian, pemilihan sampel dan lokasi kajian, kaedah pengumpulan data, dan penganalisisan data.

Seterusnya, bahagian kedua mengenai perbincangan dapatan kajian yang merangkumi dapatan kajian setiap fasa, dapatan analisis keperluan fasa pertama, dapatan teknik pengekodan dan dua pusingan dalam fasa reka bentuk dan pembangunan, dan dapatan temu bual separa berstruktur secara terbuka. Manakala implikasi kajian terdiri daripada implikasi teoretis kajian dan implikasi amalan yang merangkumi implikasi terhadap metakognisi pelajar serta cadangan-cadangan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia, kolej vokasional, pensyarah kolej vokasional, dan pelajar. Akhirnya, pengkaji mencadangkan beberapa cadangan kajian lanjutan yang boleh dilaksanakan oleh pengkaji akan datang.

5.1 Ringkasan Kajian

Kajian ini berasaskan penyelesaian masalah bagi sistem penyalaan kenderaan di kolej vokasional yang melibatkan pembelajaran berbentuk kerja amali yang memerlukan satu bentuk modul pembelajaran yang terancang dan komprehensif. Bidang teknologi automotif dilihat berpotensi dalam menyelesaikan masalah berkaitan sistem penyalaan kenderaan

di kolej vokasional. Kombinasi modul yang terancang dan teknologi mudah alih menuntut pembangunan modul pembelajaran yang menepati sistem pembelajaran di kolej vokasional. Oleh itu, tujuan utama kajian ini adalah untuk menyelesaikan masalah sistem penyalaan kenderaan di kolej vokasional di Malaysia.

Kajian ini telah dijalankan dalam dua fasa. Fasa pertama kajian ialah kajian analisis keperluan. Data dikumpul menerusi instrumen temu bual dan pemerhatian yang melibatkan 45 orang pelajar dan 15 orang pensyarah dari lima buah kolej vokasional di Sarawak, Malaysia.

Fasa kedua ialah fasa reka bentuk dan pembangunan modul pembelajaran subjek Teknologi Automotif di kolej vokasional yang merupakan bahagian utama kajian. Data reka bentuk dikumpul melalui dua pusingan yang melibatkan panel pakar daripada tiga kategori iaitu lima pakar mata pelajaran Teknologi Automotif.

Responden melibatkan pelajar yang terlibat secara langsung dalam fasa penilaian iaitu lima orang pensyarah Teknologi Automotif dan 45 orang pelajar. Fasa analisis keperluan melibatkan instrumen pemerhatian yang diubah suai oleh pengkaji berdasarkan pemerhatian keseluruhan (Ahmad Sobri, 2009).

Sebelum pemerhatian dilakukan, analisis keperluan ditadbir, soalan temu bual diberikan kepada lima orang pakar rujuk bidang kurikulum dan penilaian untuk menentukan kesahan kandungan (*content validity*). Fasa reka bentuk dan pembangunan modul melibatkan pemerhatian dalam kajian ini merangkumi peringkat pembentukan instrumen pemerhatian pusingan pertama dan analisis data pusingan kedua.

Dalam fasa reka bentuk, instrumen pemerhatian melibatkan pemerhatian spesifik. Soalan temu bual dibina berdasarkan dapatan fasa analisis yang digabungkan dengan soalan terbuka untuk mendapatkan maklumat tentang teknologi automotif di kolej

vokasional. Ia merangkumi objektif pembelajaran, alat penilaian, strategi pembelajaran, bahan pembelajaran, dan bentuk penilaian.

Soalan temu bual pusingan pertama dan kedua berbentuk temu bual berstruktur terbuka. Dalam pusingan pertama temu bual, soalan temu bual dalam peringkat pembentukan instrumen diubah suai dan dimasukkan item-item yang dicadangkan oleh pakar dalam soalan terbuka. Dalam pusingan kedua, pengkaji menyusun soalan pernyataan mengikut *rating* tertinggi bagi setiap bahagian berdasarkan hasil dapatan pusingan pertama.

Kajian fasa penilaian menggunakan Model TUP (Roman, 2002). Instrumen temu bual berstruktur digunakan kerana bilangan sampel yang ramai. Ia juga melibatkan peringkat sebelum dan selepas pelaksanaan kerja amali. Dalam peringkat pertama, soalan temu bual merangkumi latar belakang demografi, pengalaman, kemudahan, dan kemahiran menggunakan alat tangan.

Dalam peringkat kedua, temu bual adalah mengenai tiga aspek dalam penyelesaian masalah, kekuatan, dan kelemahan modul. Penilaian pada peringkat ini dibuat menggunakan Model TUP (Roman , 2002). Model ini dipilih kerana ia sesuai digunakan untuk menilai sesuatu modul secara keseluruhan mengikut pembahagian yang lengkap dari aspek teknologi, kepenggunaan, dan pembelajaran.

Analisis data untuk kedua fasa dalam kajian menggunakan kaedah pengekodan. Dalam fasa pertama, kaedah tinjauan yang menggunakan instrumen temu bual digunakan untuk menjawab soalan kajian pertama dan kedua. Analisis tematik digunakan untuk menentukan keperluan reka bentuk modul pembelajaran Teknologi Automotif mengikut pandangan pelajar dan pensyarah yang terlibat.

Untuk fasa kedua, data dianalisis menggunakan median dan julat antara kuartil. *Interkuartil range* digunakan untuk melihat perbezaan pendapat panel pakar dalam setiap

pusingan dan menentukan sekiranya terdapat perbezaan signifikan antara pusingan. Ia bagi membolehkan interpretasi terhadap konsensus bagi setiap item dapat dilakukan.

5.2 Perbincangan Dapatan Kajian Pertama

Berdasarkan dapatan kajian yang diperolehi, perbincangan pertama memfokuskan kepada proses kognisi pelajar. Manakala, peringkat kedua adalah perbincangan jenis-jenis metakognisi pelajar di Kolej Vokasional di Sarawak. Pengkaji membincangkan analisis dapatan yang diperoleh dalam bab 4 dan mengikut susunan persoalan kajian. Dapatan kajian yang diperoleh dapat membantu pengkaji dan pembaca meneliti dan memahami keadaan sebenar. Secara keseluruhannya, dapatan kajian mendapati bahawa yang dihasilkan berjaya mencapai objektif.

Dalam dapatan kajian ini terdapat persamaan dan juga perbezaan dengan kajian lepas (Seth et al., 2007). sama dengan masalah yang dihadapi oleh seseorang pelajar semasa menyelesaikan masalah pembelajaran adalah disebabkan oleh penguasaan kemahiran metakognitif yang lemah.

Menurut kajian ini secara umumnya, kesilapan yang dilakukan oleh pelajar bukan kerana kecuaian. Kajian ini mendapati kesalahan yang dilakukan oleh pelajar menunjukkan pelajar mempunyai pemahaman konsep metakognisi yang tidak kukuh tidak menyokong (Julia et al., 2024).

Hal ini kerana kebanyakan kesilapan yang ditunjukkan agak sistematik. Pelajar menggunakan pendekatan strategi tertentu yang telah sebati dalam diri mereka tetapi sebenarnya merupakan strategi yang salah dalam menyelesaikan masalah sistem penyalaan kenderaan ini konsisten dengan (Selvamarry et al.,2012).

Untuk berjaya dalam penyelesaian masalah sistem penyalaan kenderaan, seseorang harus mempunyai strategi pengawalan berkaitan aspek metakognisi. Ketidakupayaan

pelajar untuk membuat pengawalan terhadap proses pemikiran mereka merupakan masalah utama pelajar dalam menyelesaikan sesuatu masalah menyokong (Nur Izzatul et al., 2021).

Kepentingan pemahaman dan pemikiran sistem penyalaan kenderaan bukan disebabkan oleh mata pelajaran itu sendiri, tetapi disebabkan oleh idea dan konsep dalam subjek ini yang diperlukan untuk menyelesaikan masalah dalam kehidupan seharian. Konsep pemikiran pelajar dalam penyelesaian masalah terhadap Sistem Penyalaan Kenderaan adalah tinggi tidak menyokong dengan kajian lepas oleh Dyg Nur Fathiah & Muhammad Sofwan Mahmud (2022).

5.3 Perbincangan Dapatan Kajian Kedua

Usaha meningkatkan kuantiti dan kualiti pengetahuan metakognitif dan kemahiran pemantauan dalam kalangan pelajar merupakan langkah yang baik dan boleh dilakukan. Dalam kajian lepas Farhan et al., (2020), tidak menyokong dengan kajian ini kerana kemahiran metakognitif seperti menyemak, memantau, merancang, dan meramal merupakan ciri asas bagi pemikiran yang efisien.

Pembelajaran yang sentiasa aktif meregulasi dan memperbaiki tindakan mereka akan memperbaiki hasil pembelajaran mereka. Hal ini jelas menunjukkan bahawa keputusan kajian ini menyokong jenis-jenis metakognisi dalam proses pembelajaran. Oleh itu, peningkatan kemahiran metakognisi patut digalakkan dalam kalangan pelajar bagi meningkatkan kualiti dan hasil pembelajaran mereka.

Dalam kajian lepas oleh Mohd Khairul et al., (2024), tidak konsisten dengan dapatan kajian ini yang penting ialah kemahiran metakognisi dalam menyelesaikan masalah adalah kemahiran metakognitif dengan kemahiran penyelesaian masalah walaupun mengandungi bilangan responden dalam sampel yang berbeza. Manakala terdapat juga pelajar yang sederhana mahir dan kurang mahir dalam kemahiran metakognitif (Zaidatun, et al., 2008).

Kajian lepas Siti Sarah & Lilia (2021), tidak konsisten dengan kajian ini. pelajar yang baik dalam kemahiran metakognitif mempunyai kemahiran sangat tinggi dalam kemahiran menyelesaikan masalah Sistem Penyalaan Kenderaan sama dengan (Ruzanita et al., 2021).

Kajian Ruzanita, Sarman, Azhar & Shamsudin (2020), ini sama dengan kajian kerana penyelesaian masalah sistem penyalaan kenderaan, penyelesaian masalah yang dapat melaksanakan langkah-langkah penyelesaian di atas dengan berkesan mempunyai potensi yang tinggi bagi mencapai kejayaan. Dalam kajian Farah Aida & Che Nidzam (2014), tidak sama dengan regulasi kognitif digunakan untuk menentukan tahap kesedaran strategi metakognitif.

Dalam kajian lepas oleh Aminah & Mohd Hisyam (2022), tidak menyokong dengan sistem penyalaan kenderaan seharusnya diajar dengan pendekatan konstruktivisme dan kontektual agar konsep-konsep sistem penyalaan kenderaan dapat dihayati melalui penglibatan tiga unsur metakognisi tersebut bagi mengelakkan pembelajaran sistem penyalaan kenderaan yang sterotaip dan hanya terhad kepada menjalankan tugas pembelajaran dan kebolehan melaksanakan langkah kerja demi langkah kerja.

Kajian lepas Yahya Othman & Maszuraimah Muizz Sulaiman (2013), tidak konsisten dengan kajian ini, jika kemahiran metakognitif dalam penyelesaian masalah dapat dibangunkan dalam pembelajaran Teknologi Automotif khasnya dalam sistem penyalaan kenderaan, perkara ini akan dapat menolong individu mencapai kejayaan dalam hidupnya.

Dalam kajian lepas Nur Aisyah & Zamri (2014), sama dengan strategi pembelajaran berperingkat ini memudahkan guru dan pelajar dalam menguasai sesuatu topik dalam proses pembelajaran. Berdasarkan dapatan Objektif kajian 1 menunjukkan metakognisi adalah sangat mahir. Pelajar menunjukkan kemahiran yang tinggi dalam tugas pembelajaran Sistem Penyalaan Kenderaan**.**

5.4 Cadangan

Bahagian ini membincangkan beberapa cadangan kajian lanjutan yang boleh dijadikan panduan kepada penyelidik yang akan datang. Ia melibatkan aspek pemilihan kerangka teori, sampel kajian, lokasi kajian, dan fasa penilaian kajian. Kajian ini melibatkan teori kontruktivisme bagi konstruk pembelajaran.

Kajian selanjutnya boleh menggunakan teori-teori lain dalam semua konstruk kajian di atas. Kajian ini mengambil sampel penilaian sebanyak 45 orang pelajar pada fasa pertama dan 45 orang pelajar pada fasa kedua di kolej-kolej vokasional di seluruh Sarawak. Dicadangkan kajian dapat melibatkan keseluruhan pelajar dalam sesuatu kumpulan kursus iaitu 20 orang pelajar bagi setiap kumpulan kursus. Selain itu, sampel kajian peringkat analisis keperluan perlu melibatkan kesemua kolej vokasional di Malaysia, bukan hanya melibatkan negeri Sarawak sahaja.

Malah, kajian ini juga boleh dijalankan menerusi kajian perbandingan antara lokasi di Malaysia dan negara Asia yang lain. Perkara ini merupakan usaha untuk bertukar-tukar maklumat mengenai sistem kurikulum TVET dan pendidikan PTV di negara lain dalam meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran di Malaysia.

Dalam kajian ini, model yang mendasari proses kognisi dan jenis-jenis metakognisi adalah model metakognisi pelajar semasa penyelesaian masalah sistem penyalaan kenderaan. Selain itu, dicadangkan kajian dijalankan menggunakan kaedah eksperimental yang melibatkan peringkat pra dan pasca. Dapatan kajian tersebut dapat membantu memberi gambaran yang lebih jelas tentang bagaimana pelajar menyelesaikan masalah dalam sistem penyalaan kenderaan.

Cadangan kajian adalah dari segi teori, metodologi, dan kegunaannya kepada pihak yang berkenaan seperti Kementerian Pendidikan Malaysia, ibu bapa, pengkaji, sarjana, dan

pihak-pihak yang lain. Rasional dalam teori telah diaplikasikan bagi elemen-elemen rangsangan mental atau kognitif dan pembelajaran aktif.

Elemen rangsangan kognitif merangkumi aktiviti-aktiviti yang melibatkan proses mental dan pemikiran. Elemen pembelajaran aktif melibatkan penerapan sistem persekitaran pembelajaran aktif dalam metakognisi yang melibatkan proses pembelajaran kendiri dan tidak tertakluk kepada pembelajaran dalam bilik kuliah. Elemen interaksi metakognisi melibatkan sistem penyalaan kenderaan secara maksimum dalam modul pembelajaran walaupun pembelajaran melibatkan kerja amali. Interaksi melibatkan metakognisi dalam penyelesaian masalah sistem penyalaan kenderaan.

Elemen-elemen dijana melalui strategi dan aktiviti dalam sistem penyalaan kenderaan. Teori konstruktivisme pula diaplikasikan bagi elemen-elemen pembelajaran kendiri. Aspek- aspek tersebut dapat dilihat dengan jelas dalam pemilihan strategi pembelajaran dan aktiviti- aktiviti menyelesaikan masalah dalam sistem penyalaan kenderaan.

Penyelesaian masalah sistem penyalaan kenderaan diberi dalam bentuk aktiviti pembelajaran dalam kumpulan dan pelajar menggunakan kemahiran metakognitif dalam proses kognisi penyelesaian masalah ini. Pensyarah akan membimbing pelajar sekiranya mereka menghadapi masalah pada peringkat awal menggunakan kaedah pengajaran *hands-on*.

Malah, pelajar juga boleh berbincang dan mendapat bimbingan daripada rakan kuliah yang lebih kompeten dan mahir khususnya dalam aplikasi teknologi mudah alih. Manakala pengetahuan metakognitif diaplikasikan dalam aktiviti pembelajaran menjadi aspek penting dalam kajian ini. Akhirnya, pelajar tersebut mampu mengendalikan proses pembelajaran berdasarkan metakognisi dengan sendiri.

Pengetahuan metakognitif diaplikasikan dalam kajian ini adalah sisipan elemen eksplorasi maklumat berkaitan secara meluas yang tidak hanya melibatkan kemahiran metakognitif dalam penyelesaian masalah sistem penyalaan kenderaan. Ia juga merujuk kepada situasi pelajar berada dalam zon yang saling memberi bantuan dan bimbingan terutamanya dari rakan pelajar dan pensyarah dari semasa ke semasa dalam tempoh pembelajaran berlandaskan kaedah penyelesaian masalah semasa pembelajaran.

Penilaian perlu melibatkan pemahaman matlamat rangkaian, cita-cita, dan objektif untuk mengukur aspek yang sesuai dan membuat penerangan ke atas maklumat yang dikumpul. Kaedah penilaian dapat menyokong pemikiran semula, membantu rangkaian atau mendefinisikan semula aset, dan meningkatkan pembuatan dasar tempatan dan perancangan. Oleh itu, kaedah ini bukan hanya mengukur data, tetapi juga menyokong pertimbangan tempatan tentang bagaimana data berlaku dan makna data tersebut untuk tindakan pada masa hadapan (De Jong, 2010).

5.5 Cadangan kepada Pihak Kementerian Pendidikan Malaysia

Antara cadangan kepada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia adalah memberi penekanan kepada dasar pembelajaran di peringkat kawasan melalui peranan pakar dalam membina keupayaan pentadbiran. Selain itu, penciptaan tempat simpanan pengetahuan dengan kes amalan baik dan menggalakkan ahli dari negara lain untuk menggunakan pengetahuan tersebut bagi tujuan perundingan di semua peringkat pembuatan dasar dan pelaksanaan khususnya bagi tujuan penanda aras juga dicadangkan.

Kementerian Pendidikan Malaysia ialah kementerian yang bertanggungjawab dalam penggubalan sesuatu kurikulum pelajaran di Malaysia. Ia merangkumi sistem kurikulum di sekolah rendah, sekolah menengah, matrikulasi dan kolej vokasional, politeknik, dan sebagainya. Ia akan menjadikan matlamat dan kurikulum lebih relevan dan dapat memenuhi

keperluan masyarakat Malaysia dalam menghadapi cabaran era globalisasi dan teknologi dunia tanpa sempadan.

Kelemahan yang kritikal dalam pelaksanaan kurikulum TVET khususnya di kolej vokasional adalah kekurangan bahan dan kelengkapan pengajaran dan pembelajaran yang terkini dan lengkap. Pihak kementerian bukan sahaja berperanan menggubal dan membina kurikulum untuk dilaksanakan dalam sistem pendidikan negara, tetapi dalam masa yang sama perlu melakukan semakan sistem kurikulum sedia ada dan diselaraskan dengan perkembangan teknologi yang terkini agar kurikulum dan bahan kurikulum sentiasa mutakhir dan seiring dengan kerancakan era teknologi masa kini.

Bahan kurikulum dan kelengkapan sokongan kepada perkembangan kurikulum juga harus seiring kerana kekurangan dan kepincangan dalam aspek tersebut akan menimbulkan kesulitan dalam proses pelaksanaan kurikulum tersebut. Oleh itu, pihak kementerian harus sentiasa peka dan melakukan semakan kurikulum secara berkala selaras dengan kemajuan TVET yang tiada sempadan.

Berasaskan cadangan semakan dan penggubalan kurikulum yang seiring dengan arus teknologi maklumat kini, kurikulum TVET di kolej vokasional juga perlu bergerak seiring dengan arus tersebut. Maka, modul pengajaran dan pembelajaran teknologi automotif yang dicadangkan sewajarnya diintegrasikan dengan teknologi mutakhir iaitu teknologi mudah alih.

5.6 Cadangan kepada Pelajar

Secara umumnya, Teknologi Automotif merupakan satu subjek yang sukar untuk dipelajari dalam kalangan para pelajar. Ia akan menjadi semakin sukar dan tidak digemari oleh para pelajar sekiranya tiada usaha untuk memudahkan pembelajaran subjek ini. Pengintegrasian yang dekat dengan generasi muda merapatkan jurang kesukaran tersebut

kerana dapatan kajian menunjukkan para pelajar dapat mempraktikkan metakognisi semasa proses penyelesaian masalah sistem penyalaan kenderaan. Mereka memberi ulasan bahawa kaedah pengajaran dan pembelajaran yang aktif dan berkesan adalah bergantung kepada persekitaran bengkel teknologi automotif yang dihadiri.

Pelajar perlu disediakan dengan kemahiran-kemahiran metakognitif seperti merancang persediaan berkaitan penyelesaian masalah sistem penyalaan kenderaan. Pembelajaran juga tidak seharusnya terbatas dalam bilik kuliah, sebaliknya persekitaran pembelajaran perlu dilakukan secara berkumpulan. Selain itu, pembelajaran yang menggunakan kemahiran metakognisi berupaya memberi kebebasan pelajar mengoptimumkan potensi diri dan kepelbagaian corak.

5.7 Sumbangan kepada Ilmu Bidang Teknologi Automotif

Merujuk kepada sumbangan kepada ilmu bidang pendidikan TVET khususnya teknologi automotif, kajian ini telah memperkenalkan satu model metakognisi pelajar semasa penyelesaian masalah sistem penyalaan kenderaan. Model yang dirangkakan mengikut kerangka konseptual dan kerangka teori kajian dapat memberi sumbangan kepada bidang penyelidikan pendidikan di Malaysia, khususnya dalam bidang teknologi automotif.

Seterusnya, kajian ini berupaya mengenal pasti elemen-elemen penting kemahiran metakognisi dalam penyelesaian masalah sistem penyalaan kenderaan. Ia merangkumi objektif yang dapat dicapai, strategi pembelajaran, jenis-jenis metakognisi dalam penyelesaian masalah, kemahiran metakognitif pelajar, dan bentuk penilaian dalam penyelesaian masalah.

Kesemua elemen tersebut telah dikenal pasti oleh pengkaji. Ia merupakan sumbangan kepada bidang teknologi automotif dalam pengajaran dan pembelajaran di kolej vokasional. Selain itu, model kajian ini dapat memberi sumbangan kepada semua pensyarah

dan pelajar di kolej vokasional di seluruh Malaysia. Seterusnya, proses pembangunan model dalam kajian ini yang melibatkan fasa kajian analisis, fasa reka bentuk dan pembangunan, dan fasa penilaian merupakan sumbangan kepada bidang penyelidikan TVET. Kajian ini telah berjaya menghuraikan penyelidikan pembangunan iaitu proses kognisi dan kemahiran penyelesaian masalah sistem penyalaan kenderaan di kolej vokasional.

Daripada proses pembangunan kajian, tiga model tahap metakognisi dapat dilahirkan iaitu tahap rendah, tahap sederhana, dan tahap tinggi melalui kerangka konseptual kajian. Ia akan menjadi panduan dan dasar kajian akan datang yang bermanfaat.

Merujuk kepada kaedah penyelidikan yang digunakan dalam kajian ini, analisis tematik yang digunakan dalam kajian ini memberi sumbangan kepada kajian pembangunan lain yang mengambil kira kesepakatan pakar dalam pemilihan elemen-elemen dalam model metakognisi pelajar semasa penyelesaian masalah sistem penyalaan kenderaan.

5.8 Cadangan Kajian Lanjutan

Cadangan penyelidikan masa hadapan digalakkan untuk mengambil pendekatan yang berbeza iaitu membuat penyelidikan mengenai sistem kenderaan yang lain seperti sistem brek, sistem transmisi, dan sistem elektronik dalam kenderaan. Metakognisi pelajar berkaitan penyelesaian masalah dalam sistem kenderaan lain seperti lori, bas, dan sebagainya juga dicadangkan. Kaedah ini dapat memudahkan pertukaran pengetahuan dan meningkatkan kuasa perundingan dalam kalangan pelajar kolej vokasional.

Cadangan penyelidikan masa hadapan dalam bidang lain seperti bidang perubatan, kejurutraan awam, kejuruteraan mekanikal, pemasaran, kejuruteraan elektrik dan elektronik, dan sebagainya juga perlu dilakukan. Metakognisi pelajar juga boleh diaplikasi dalam bidang- bidang lain. Pelajar juga dapat menyelesaikan masalah semasa melaksanakan tugas pembelajaran.

Justeru, bagi mengemas kini dan menambah baik kajian ini pada masa yang akan datang, pengkaji ingin mengemukakan beberapa cadangan untuk menggalakkan metakognisi dalam kalangan pelajar dalam penyelesaian masalah sains pertanian. Kajian ini boleh juga dilakukan ke atas pelajar yang menuntut dalam kursus-kursus lain seperti dalam bidang sains, sains komputer, dan kejuruteraan kimia di institusi pengajian tinggi dalam negara dan luar negara bagi mata pelajaran teras yang lain untuk melihat jika ada sebarang perbezaan dapatan data.

Kajian selanjutnya boleh diteruskan dengan kaedah penyelidikan yang berbeza iaitu kaedah eksperimen, eksperimen kuasi, tinjauan statistik, dan sepertinya. Penyelidikan seperti ini boleh dilakukan terhadap tenaga kerja dengan meninjau sejauh mana pengetahuan dan metakognisi memberi impak terhadap penyelesaian masalah industri pembuatan. Selain itu, kajian mengenai metakognisi pelajar dalam penyelesaian masalah dalam bidang kejuruteraan awam kepada pelajar dan tenaga pengajar sama ada di kolej vokasional, politeknik mahupun institusi pengajian tinggi patut diteruskan.

5.9 Kesimpulan

